



BSN

MEMPERKASAKAN

Kesejahteraan

EMPOWERING PROSPERITY





MEMPERKASAKAN MASA HADAPAN

Tema segar yang menampilkan sinergi di antara penyelesaian-penyelesaian perbankan Bank Simpanan Nasional (BSN) serta gaya hidup dan keperluan pihak berkepentingan yang pelbagai. Tema ini digambarkan menerusi visual pihak-pihak berkepentingan BSN yang sedang berkembang maju ke arah mencapai aspirasi masa hadapan yang diimpikan di bawah naungan perkhidmatan digital.

EMPOWERING FUTURES

An invigorating theme that presents how Bank Simpanan Nasional's (BSN's) range of banking solutions synergise with the various lifestyles and needs of stakeholders. This is conveyed in the visual through an arrangement of BSN's diverse stakeholders thriving towards their envisioned future aspirations under the comprehensive and colourful wave of digital solutions.



Dapatkan

Muat turun "QR Code Reader" di App Store atau Google Play

Get It

Download the "QR Code Reader" on App Store or Google Play



Lancarkan

Lancarkan app "QR Code Reader" dan halakan kamera anda ke Kod QR yang tertera

Run It

Run the QR Code Reader app and point your camera to the QR Code



Akses

Dapatkan akses kepada borang maklum balas

Access It

Get access to the feedback form



Imbas QR Kod
untuk salinan
Laporan Tahunan
BSN 2023

Scan QR Code for a
soft copy of the BSN
Annual Report 2023



DALAM LAPORAN INI

INSIDE THIS REPORT

▶ 01

TINJAUAN KESELURUHAN BANK SIMPANAN NASIONAL OVERVIEW OF BANK SIMPANAN NASIONAL

Seimbas Lalu At a Glance	2
Visi dan Misi Vision and Mission	4
Nilai-Nilai Murni Core Values	5
Perkhidmatan Pelanggan Customer Service	6
Struktur Korporat Corporate Structure	7
Profil Korporat Corporate Profile	8
Anugerah dan Pengiktirafan Awards and Recognitions	9
Carta Organisasi Organisation Chart	10

▶ 02

MESEJ UTAMA KEY MESSAGES

Dari Lembaga Pengarah From the Board	14
---	----

▶ 03

KEPIMPINAN LEADERSHIP

Lembaga Pengarah Board of Directors	28
Imbasan Lembaga Pengarah Board at a Glance	30
Profil Lembaga Pengarah Board of Directors' Profile	31
Jawatankuasa Syariah Shariah Committee	39
Profil Jawatankuasa Syariah Shariah Committee's Profile	40
Pengurusan Management	44

▶ 04

MANDAT & KELESTARIAN MANDATE & SUSTAINABILITY

Hasil Pembangunan & Pencapaian Mandat Developmental Outcomes & Mandate Achievements	50
Tinjauan Strategik Strategic Outlook	59
Laporan Aktiviti Activities Report	64
BSN Care BSN Care	69
Sorotan Media Media Highlights	80

▶ 05

TADBIR URUS GOVERNANCE

Penyataan Tadbir Urus Korporat Statement on Corporate Governance	82
Penyata Pengurusan Risiko Statement on Risk Management	94
Kenyataan Audit Dalaman Internal Audit Statement	105
Laporan Jawatankuasa Syariah Shariah Committee Report	106
Imbuhan Remuneration	107

▶ 06

PENYATA KEWANGAN FINANCIAL STATEMENTS

Sijil Ketua Audit Negara Certificate of the Auditor General	112
Penyata Ahli Lembaga Pengarah Statements by Directors	116
Pengakuan oleh Pegawai Utama yang Bertanggungjawab Declaration by Principle Officers Responsible	117
Laporan Pengarah Directors' Report	118
Laporan Jawatankuasa Syariah BSN BSN Shariah Committee's Report	121
Penyata Kedudukan Kewangan Statements of Financial Position	124
Penyata Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain Statements of Profit or Loss and Other Comprehensive Income	125
Penyata Perubahan Ekuiti Statements of Changes in Equity	127
Penyata Aliran Tunai Statements of Cash Flows	130
Nota Kepada Penyata Kewangan Notes to the Financial Statements	133

SEIMBAS LALU AT A GLANCE

BSN menawarkan perkhidmatan perbankan yang komprehensif merentasi komuniti bandar, luar bandar dan pedalaman di Malaysia melalui rangkaian perbankan meluas termasuklah Cawangan BSN, Ejen Bank BSN (EB BSN) dan Cawangan Bank Bergerak (CBB) di Sabah, Sarawak, Kelantan dan Pahang dalam memastikan keterangkuman kewangan ke arah meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat Malaysia.

BSN offers comprehensive banking services across urban, rural and remote communities in Malaysia through an extensive network including BSN Branches, Ejen Bank BSN (EB BSN), Cawangan Bank Bergerak (CBB) in Sabah, Sarawak, Kelantan and Pahang in ensuring financial inclusivity towards improving the well-being and quality of life of Malaysians.



PENDAPATAN
REVENUE

RM2.5

BILION
BILLION



PENDAPATAN BERSIH
NET INCOME

RM1.5

BILION
BILLION



LEBIH
OVER

7,200

KAKITANGAN
EMPLOYEES

38

PUSAT MIKRO
KEWANGAN
FINANCIAL MICRO
CENTERS

8

CAWANGAN BANK
BERGERAK (CBB)
CAWANGAN BANK
BERGERAK (CBB)



LEBIH
OVER

2,300

EJEN BANK BSN (EB BSN)
EJEN BANK BSN (EB BSN)



575

MESIN TELER AUTOMATIK
AUTOMATED TELLER
MACHINES (ATM)

390
CAWANGAN DI
SELURUH NEGARA
BRANCHES
NATIONWIDE



JUMLAH TRANSAKSI EB BSN
TOTAL TRANSACTION OF EB BSN

RM1.1

BILION
BILLION

DEPOSIT DAN SIMPANAN
DEPOSITS AND SAVINGS

RM39.9

BILION
BILLION



KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI
DAN ZAKAT
PROFIT AFTER TAX AND ZAKAT

RM411.0

JUTA
MILLION



248

MESIN DWI FUNGSI
CASH RECYCLER
MACHINES (CRM)



148

MESIN DEPOSIT TUNAI
CASH DEPOSIT
MACHINES (CDM)



KHIDMAT PELANGGAN CUSTOMER SERVICE



VISI VISION

Tiada Rakyat Malaysia yang Ketinggalan

Di BSN, kami berhasrat untuk memberi semua warga Malaysia peluang untuk menikmati kehidupan yang lebih baik dengan memungkinkan masa depan kewangan yang lebih baik melalui rangkaian yang meluas dan perkhidmatan yang pelbagai.

No Malaysian Left Behind

At BSN, we aim to provide every Malaysian the opportunity to enjoy a better life by enabling a better financial future through our extensive network and range of services.



MISI MISSION

Misi kami adalah membina perhubungan jangka panjang yang penuh bermakna dengan setiap pelanggan kami bagi memastikan mereka akan terus mendapat akses kepada kehidupan yang lebih baik dengan:

Our mission is to build lifelong and meaningful relationships with our customers to ensure they continue to access a better life by:



Menyediakan saluran untuk menyimpan dan melabur bagi orang awam dengan menawarkan rangkaian perkhidmatan perbankan yang komprehensif.

Providing the means for savings and investments by the general public with a comprehensive range of banking services.



Menanam tabiat berjimat cermat dan menyimpan.
Inculcating the habit of thrift and savings.



Menggalakkan dan menggembelng simpanan, terutamanya daripada para penyimpan-penyimpan kecil.

Promoting and mobilising savings, particularly from small savers.



Menggunakan dana Bank untuk pelaburan, termasuk membiayai pembangunan ekonomi negara.

Utilising the funds of the Bank for investment including financing of economic development of the nation.



NILAI-NILAI MURNI

CORE VALUES

Di BSN, cara kerja dan kelakuan/tindakan kami adalah berlandaskan Nilai-Nilai Murni:

At BSN, the way we work and behave are guided by our Core Values:

C

KOMITED

Kami komited ke arah kecemerlangan dalam segala yang kami lakukan.

COMMITTED

We are committed to excellence in all that we do.

A

CERDAS & TANGKAS

Kami peka dengan trend pasaran dan memanfaatkan peluang.

AGILE

We anticipate market trends and leverage on opportunities.

R

MENGHORMATI

Kami hargai kepelbagaian dan pendapat orang ramai serta berusaha untuk meletakkan diri di tempat mereka untuk lebih memahami kehendak mereka.

RESPECTFUL

We value diversity among people, ideas and points of view and strive to put ourselves in their shoes to better understand their needs.

E

BERETIKA

Kami telus, jujur dan menjunjung nilai-nilai moral yang paling tinggi.

ETHICAL

We are transparent, honest and uphold the highest moral values.

KHIDMAT PELANGGAN CUSTOMER SERVICE

Aspirasi Pelan Strategik Korporat BSN 2022 – 2026:
Menduduki tangga ke-3 teratas dari segi khidmat pelanggan

BSN Corporate Strategic Plan 2022 – 2026: Top 3 customer service ranking

► Pencapaian tahun 2023/ Achievements in 2023

Mencapai peningkatan dalam kaji selidik Industri Perbankan Malaysia, sebanyak 5 tangga kepada tangga ke 15 pada tahun 2023 bagi Perkhidmatan Pelanggan

Achieved a significant improvement in Malaysian Banking Industry ranking survey, moving up 5 ranks to 15 in 2023 for Customer Service

Pencapaian terbaik untuk 4 kategori: Kenali Pelanggan Anda, Perkhidmatan Telus & Berbudi Pekerti, Perbankan yang Mudah Diakses dan Terminal Layan Diri

Top performers for 4 categories: Know Your Customer, Transparent & Personable Service, Banking Made Accessible and Self Service Terminals



Piagam Perkhidmatan Pelanggan (juga dikenali sebagai Piagam) BSN yang ditubuhkan pada Disember 2020 bertujuan untuk menggariskan komitmen utama di samping memastikan tahap piawaian perkhidmatan berada pada tahap yang tertinggi dan bantuan yang di tawarkan untuk setiap perkhidmatan kepada pelanggan adalah berkualiti.

The BSN Customer Service Charter (also referred to as Charter) was established in December 2020 with the intention to outline our key commitments to deliver a high service standard of customer service and to provide quality service and assistance when providing banking services to customers.




Objektif utama BSN sejak dahulu lagi adalah menggalakkan perkembangan simpanan dan pelaburan dalam kalangan warga Malaysia dari segenap lapisan masyarakat. Kini, kami meneruskan usaha kami dengan menawarkan lebih banyak produk dan perkhidmatan yang memenuhi keperluan kehidupan moden. Dengan perubahan yang sejajar mengikut arus pembangunan, kami berharap dapat menyediakan peluang yang saksama kepada semua warga Malaysia untuk menikmati kehidupan yang lebih baik selari dengan visi BSN iaitu “Tiada Rakyat Malaysia yang Ketinggalan”.

BSN's main objective has always been to encourage the development of savings and investment among Malaysians from all walks of life. Today, we continue on our quest by offering even more products and services that cater to the progressive needs of modern life. By doing so, we hope to provide every Malaysian an equal opportunity to enjoy a better life which is in line with the Bank's vision “No Malaysian Left Behind”.


STRUKTUR KORPORAT CORPORATE STRUCTURE

Anak Syarikat/Subsidiaries

Anak Syarikat Milik Penuh/Wholly-owned Subsidiary



Syarikat Bersekutu/Associate Companies



Pegangan BSN di dalam Anak Syarikat/Syarikat Bersekutu pada 31 Disember 2023

BSN's holdings in Subsidiary/Associate Companies as at 31 December 2023

PROFIL KORPORAT CORPORATE PROFILE

Bank Simpanan Nasional (BSN) ditubuhkan pada 1 Disember 1974 dengan isi yang jelas untuk mendorong pertumbuhan simpanan dalam kalangan rakyat Malaysia dan menyokong pembangunan negara secara aktif. Sejak dilancarkan oleh YAB Tun Haji Abdul Razak bin Hussein, Perdana Menteri kedua Malaysia, Bank tetap berpegang teguh kepada visi terangkum ini dengan cogan kata “Tiada Rakyat Malaysia yang Ketinggalan”.

Tujuan utama BSN adalah untuk memperkasakan individu dan masyarakat di seluruh Malaysia, memacu keterangkuman kewangan sebagai pemangkin kemajuan sosio-ekonomi. Menerusi kerjasama dengan rakan niaga dan pemegang taruh, BSN meneraju inisiatif-inisiatif bagi mendemokraskan akses kepada sumber kewangan, memangkin impak transformatif ke atas orang ramai. Berdasarkan tradisi inovasi, BSN terus berinovasi dalam memenuhi perubahan keperluan pelanggannya, dengan memanfaatkan teknologi canggih dan kaedah-kaedah progresif bagi memastikan capaian jangkauannya ke kawasan-kawasan pedalaman dan kurang mendapat perkhidmatan.

BSN adalah peneraju lanskap kewangan Malaysia, memacu kemajuan untuk lebih 9 juta rakyat Malaysia di seluruh negara. Dengan deposit dan dana runcit berjumlah RM19.34 bilion, jangkauan BSN merangkumi 390 cawangan, 38 Pusat Kewangan Mikro, 575 Mesin Teler Automatik (ATM),

148 Mesin Deposit Tunai (CDM), dan 8 Cawangan Bank Bergerak (meliputi Sabah, Sarawak, Kelantan, dan Pahang) dan lebih 2,600 Ejen Bank BSN di seluruh negara (setakat Disember 2022). Dengan penerimaan revolusi digital, BSN kekal komited meneraju penyelesaian dan perkhidmatan digital baharu, memastikan akses lancar kepada kemudahan perbankan di sebalik lanskap digital dan e-dagang yang semakin berkembang.

Dedikasi terhadap mandat asalnya tertanam dalam DNA korporat BSN, yang berfungsi sebagai asas kepada falsafah organisasi. Dalam menghampiri lima dekad pencapaian, komitmen BSN ini kekal sebagai asas operasinya, berfungsi sebagai penunjuk arah kelangsungan bank dalam mengejar kecemerlangan dan impak sosial.

Established on 1 December 1974, Bank Simpanan Nasional (BSN) emerged with a resolute mission: to cultivate a culture of savings among Malaysians and actively contribute to national progress. Since its inauguration by YAB Tun Haji Abdul Razak bin Hussein, the esteemed second Prime Minister of Malaysia, BSN has steadfastly pursued its inclusive vision, epitomised by the motto “No Malaysian Left Behind.”

At its core, BSN is dedicated to empowering individuals and communities across Malaysia, driving financial inclusion as a catalyst for socio-economic advancement. Through collaborative efforts with aligned partners and stakeholders, BSN has spearheaded initiatives to democratise access to financial resources, catalysing transformative impact on countless lives. Embracing a legacy of innovation, BSN has continually evolved to meet the evolving needs of its clientele, leveraging cutting-edge technologies and progressive methodologies to extend its reach even to the most remote and underserved populations.

Today, BSN stands at the forefront of Malaysia's financial landscape, serving as a beacon of progress for over 9 million Malaysians nationwide. With deposits and retail funds totaling RM19.34 billion, BSN's footprint encompasses a network of 390 branches, 38 Micro Finance Centers,

575 Automated Teller Machines (ATMs), 148 Cash Deposit Machines (CDM), and 8 Mobile Bank Branches (distributed strategically across Sabah, Sarawak, Kelantan, and Pahang), in addition to over 2,600 BSN Bank Agents spanning the nation (as of December 2022). Embracing the digital revolution sweeping the nation, BSN remains committed to pioneering new digital solutions and services, ensuring seamless access to banking facilities amidst the burgeoning digital and e-commerce landscape.

Embedded within BSN's corporate DNA is an unwavering dedication to its founding mandate, serving as the cornerstone of its organisational ethos. As BSN approaches its five-decade milestone, this commitment remains the bedrock of its operations, serving as a beacon guiding the bank's ongoing pursuit of excellence and societal impact.

ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN


AWARDS AND RECOGNITIONS

Kategori Category	Acara Event Name	Produk/Kempen Product/Campaign	Tarikh/Tempat Date/Venue
1. Pencapaian Tertinggi Urusniaga ASNB Highest Number of ASNB Transaction • Cawangan Sarawak/ Sarawak Branch	ASNB Starz Awards & Sales Triumph 2022	ASB	16 Jun/June 2023 Grand Hyatt Hotel, Kuala Lumpur
2. Jualan Tunai ASB Tertinggi – Cawangan Highest ASB Cash Sales – Branch • Cawangan Kuala Lumpur/ Kuala Lumpur Branch	ASNB Starz Awards & Sales Triumph 2022	ASB	
3. Anugerah Wasiat Tertinggi Kategori Korporat Award for Highest Achievement for Will Corporate Category • BSN	Malam Apresiasi Rakan Korporat MyAngkasa Amanah Berhad (MAAB) 2022	Wasiat/Will	27 Januari/January 2023 Pullman Hotel, Kuala Lumpur
4. Produk Simpanan Islamik Terbaik di Malaysia Best Islamic Savings Product in Malaysia 2023	9 th Islamic Retail Banking Awards (IRBA 2023)	BSN SSP	28 November/November 2023 Bahrain
5. Peneraju Perbankan Pembangunan Champion in Development Banking	Graduates Choice Awards (GCA)	Recruitment	6 Disember/December 2023 Sunway Resorts Hotel, Selangor
6. Sokongan Cemerlang Rakan Industri & Persatuan 2023 2023 Outstanding Support from Industry Partners & Associations	100 Go Digital Appreciation Day, Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)	Micro Finance	13 Disember/December 2023 The Everly Hotel, Putrajaya




CARTA ORGANISASI

ORGANISATION CHART



Tinjauan Keseluruhan Bank Simpanan Nasional/Overview of Bank Simpanan Nasional



Ketua Pegawai/Chief Officer

Ketua Jabatan/Head of Department

Ketua Bahagian/Division Head

Ahli Jawatankuasa Pengurusan/Management Committee Member

Penjaga/Caretaker



MENGILHAMKAN PERTUMBUHAN PROGRESIF UNTUK SEMUA

BSN menerajui pembangunan inklusif dengan memperkasakan masyarakat yang kurang mendapat perkhidmatan perbankan menerusi penyelesaian-penyelesaian kewangan mudah akses bagi memacu kemajuan ekonomi yang saksama. Menerusi produk-produk inovatif dan kerjasama strategik, BSN memupuk budaya yang memacu pertumbuhan kemajuan individu dan perniagaan di seluruh Malaysia.

INSPIRING PROGRESSIVE GROWTH FOR ALL

BSN champions inclusive development by empowering underserved communities with accessible financial solutions, driving equitable economic progress. Through innovative products and strategic partnerships, BSN fosters a culture of growth that uplifts individuals and businesses across Malaysia.



Tahun 2023 menyaksikan Bank Simpanan Nasional (BSN) meneruskan momentum transformasi kami demi meningkatkan ketahanan operasi BSN agar kekal berdaya saing dan menjadi peneraju dalam inisiatif keterangkuman kewangan dan penyediaan perkhidmatan kewangan digital.

BSN continued its transformation momentum in 2023 by implementing various initiatives to bolster operational resilience and strengthen its delivery of financial inclusion initiatives and digital financial solutions.

SELAMAT HAJI SIRAT
Ahli Lembaga Pengarah, BSN
Member of the Board, BSN

DARI LEMBAGA PENGARAH

FROM
THE BOARD



Mesej Utama/Key Messages

RM411.01 juta/million

Keuntungan selepas cukai dan zakat/
Profit After Taxation and Zakat

RM2.46 billion/billion

Jumlah Perolehan/
Total Revenue

Pelan transformasi BSN juga meletakkan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) sebagai salah satu daripada teras utama kami. Justeru, setiap aktiviti perniagaan dan operasi BSN akan turut mengambil kira pertimbangan kelestarian bagi memastikan penyediaan khidmat perbankan yang lestari dan bertanggungjawab untuk semua.

Menerusi latihan bersasar, kerjasama strategik dan program-program celik kewangan yang komprehensif, kami terus memupuk pemeraksanaan ekonomi dalam semua segmen masyarakat di samping memajukan lagi komuniti belia dan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan BSN untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023.

SENARIO EKONOMI 2023

Ekonomi Malaysia berkembang sederhana sebanyak 3.7% pada 2023 berbanding 8.7% pada 2022 akibat risiko kemelesetan negara-negara maju, ketidakpastian kenaikan kadar rizab persekutuan Amerika Syarikat serta konflik geopolitik di Timur Tengah dan Ukraine. Namun, pertumbuhan domestik kekal stabil ekoran pertumbuhan pelaburan dan permintaan dalam negeri yang kukuh disokong oleh pasaran buruh yang sihat, peningkatan pendapatan dan aktiviti pelancongan yang rancak.

Dalam sektor perbankan, Bank Negara Malaysia (BNM) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada tahap pra-pandemik iaitu 3% bagi menyokong dasar monetari yang kondusif untuk ekonomi. Ini telah membantu mengurangkan kadar inflasi bagi mendorong pertumbuhan ekonomi seimbang dan mampan serta memastikan kestabilan harga.

Berlatarkan persekitaraan pasaran ini, BSN kekal komited untuk melunaskan mandat kami, secara kompetitif selain terus memperkukuhkan usaha-usaha keterangkuman kewangan.

We also placed Environmental, Social and Governance (ESG) as one of the key thrusts in our transformation journey and have embedded sustainability considerations in all our business and operational activities to ensure sustainable and responsible financial services offerings, benefitting both stakeholders and the environment.

Through targeted training, strategic partnerships and comprehensive financial literacy programmes, our activities continue to foster economic growth and prosperity across communities while empowering youth and supporting micro, small and medium enterprises (MSMEs).

On behalf of the Board of Directors, I am pleased to present the BSN Annual Report for the financial year ended 31 December 2023.

2023 ECONOMIC SCENARIO

Navigating global volatility in 2023, Malaysia's economic growth moderated to 3.7% following a robust 8.7% in 2022. The backdrop of escalating uncertainties included the risk of recession in advanced economies, uncertainties surrounding United States federal rate hikes, and geopolitical conflicts in the Middle East and Ukraine. However, domestic growth was sustained by steady expansions in consumption and investment, supported by a healthy labour market, rising income and vibrant tourism activities.

In the banking sector, Bank Negara Malaysia (BNM) maintained the Overnight Policy Rate (OPR) at pre-pandemic levels of 3%, supporting a conducive monetary policy stance for the economy. This helped mitigate higher inflation rates, reflecting efforts to promote balanced and sustainable economic growth and price stability.

Within this market landscape, BSN remained committed to fulfilling its mandated role, while prioritising competitiveness and strengthening its efforts in championing financial inclusion.

DARI LEMBAGA PENGARAH FROM THE BOARD



Menerusi latihan bersasar, kerjasama strategik dan program-program celik kewangan yang komprehensif, kami terus memupuk pemeraksanaan ekonomi dalam semua segmen masyarakat di samping memajukan lagi komuniti belia dan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).

Through targeted training, strategic partnerships and comprehensive financial literacy programmes, our activities continue to foster economic growth and prosperity across communities while empowering youth and supporting micro, small and medium enterprises (MSMEs).



TINJAUAN PRESTASI TK2023

Di sebalik tahun yang mencabar ini, BSN sekali lagi mempamerkan pertumbuhan mantap serta prestasi kewangan yang kukuh. BSN merekodkan keuntungan selepas cukai dan zakat berjumlah RM411.01 juta, dengan perolehan sebanyak RM2,464.05 juta. Peningkatan dalam untung bersih kami sebanyak 8.95% adalah selari dengan peningkatan konsisten yang dipamerkan oleh segmen perbankan runcit.

Perkembangan dalam aktiviti pembiayaan kewangan turut dirangsang oleh pelbagai inisiatif Kerajaan, khususnya dalam mempromosikan pembiayaan pemilikan rumah mampu milik untuk segmen B40. Pelbagai kempen dan inisiatif juga telah dilaksanakan oleh BSN sepanjang 2023 seperti My First Home dan Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP).

Melalui inisiatif-inisiatif ini, jumlah aset pembiayaan dan pinjaman runcit meningkat sebanyak 7.96%, mengatasi sasaran 6.20%. Ini dipacu oleh Pembiayaan Perumahan yang menyumbang 68.48% (RM1,891.87 juta) daripada jumlah pertumbuhan. Jumlah pengeluaran pembiayaan turut berkembang sebanyak 30.78% tahun ke tahun dari RM6.78 juta kepada RM8.87 juta pada 2023.

"Wealth Management" merekodkan pertumbuhan 30.93% berbanding tahun sebelumnya, yang mana pendapatan berasaskan yuran mencatatkan pencapaian keseluruhan sebanyak RM73.19 juta, iaitu 18.05% berbanding sasaran.

FY2023 PERFORMANCE OVERVIEW

Through this challenging year, BSN has once again demonstrated resilient growth and strong financial performance. The Bank recorded a profit after taxation and zakat amounting to RM411.01 million, with revenue of RM2,464.05 million. The increase in our net profit of 8.95% is in line with the consistent growth shown in our retail banking segment.

Growth in financing was also facilitated through various initiatives provided by the Government, primarily in promoting affordable home ownership for the segment of society living below the 40th percentile of household income (B40). Various campaigns and initiatives were also undertaken by BSN throughout 2023 such as My First Home and Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP).

As a result of these initiatives, total retail asset financing grew by 7.96%, surpassing the target of 6.20%. This was driven by Home Financing, which contributed 68.48% (RM1,891.87 million) to total retail asset financing growth. Total Disbursement grew by 30.78% year on year from RM6.78 million to RM8.87 million in 2023.

Wealth Management recorded 30.93% growth over the previous year, with fee-based income recording an overall achievement of RM73.19 million or 18.05% against the target.

Mesej Utama/Key Messages



Jumlah Aset Pembiayaan dan Pinjaman Runcit/
Total Retail Asset Financing

↑ **7.96%**

Jumlah Pengeluaran Pembiayaan/
Total Disbursement

↑ **30.78%**

"Wealth Management"/
Wealth Management

↑ **30.93%**

PENGENALAN PRODUK-PRODUK DAN INOVASI BAHARU

Sepanjang tahun 2023, BSN telah memperkenalkan pelbagai produk dan perkhidmatan baharu yang inovatif bagi golongan berpendapatan rendah dan mereka yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan.

Pada Julai 2023, BSN dengan kerjasama Kerajaan Negeri Pahang dan Lembaga Pembangunan Tioman telah memperkenalkan kad debit edisi khas bagi mempromosikan pembayaran elektronik di Pulau Tioman. Kad debit edisi khas ini menawarkan pembayaran tanpa tunai di premis-premis perniagaan tempatan yang dilengkapi dengan terminal dagang. Kad tersebut memaparkan landskap indah Kampung Mukut dan boleh didapati di semua Cawangan BSN di seluruh Negeri Pahang, dengan pengeluaran 10,000 kad setakat Disember 2023.

Selain itu, dari Mei hingga Ogos 2023, projek rintis pembayaran tanpa tunai telah dilaksanakan di beberapa buah sekolah menggunakan teknologi boleh pakai (wearables). Inisiatif ini melibatkan 200 pelajar dari MRSM Alor Gajah, Melaka; SMK Putrajaya Precinct 16 (1) di Putrajaya; dan Sekolah Agama Menengah Bestari di Subang Jaya. Para pelajar ini menerima kad debit Visa "paywave" dan BSN *Wearable* yang dipautkan kepada akaun simpanan mereka bagi membolehkan transaksi tanpa tunai. Ibu bapa juga boleh menetapkan had perbelanjaan harian anak mereka bagi memantau perbelanjaan dan menggalakkan perbelanjaan berhemah.

INTRODUCING NEW PRODUCTS AND INNOVATIONS

Throughout 2023, BSN continued to introduce new innovative products and services aimed at empowering the underserved and lower-income segments of the population.

In July 2023, BSN collaborated with the Pahang State Government and Tioman Development Authority to introduce a special edition debit card to promote electronic payments in Pulau Tioman. This special edition debit card offers users a seamless and cashless payment experience at local businesses equipped with merchant terminals. The card showcases the picturesque landscape of Kampung Mukut and is available at all BSN Branches across Pahang, with 10,000 cards issued by December 2023.

Additionally, from May to August 2023, a pilot project on cashless payments was conducted through school wearables. This initiative saw the involvement of 200 students from MRSM Alor Gajah, Melaka; SMK Putrajaya Precinct 16 (1) in Putrajaya; and Sekolah Agama Menengah Bestari in Subang Jaya. Participating students received a paywave-enabled Visa debit card and BSN *Wearable* wristband directly linked to their savings accounts, enabling cashless transactions. To ensure responsible spending, parents are able to set daily spending limits and monitor their children's expenditures.

DARI LEMBAGA PENGARAH FROM THE BOARD



Dengan kepakaran Visa, BSN giat memacu transformasi digital PKS mikro dan meningkatkan kecekapan operasi serta daya saing mereka dalam persekitaraan perniagaan kini yang dinamik.

Leveraging on Visa's expertise, BSN aims to drive digital transformation among micro-SMEs, enhancing their operational efficiency and competitiveness in today's dynamic business landscape.

BSN juga telah melancarkan BSN MyGold Account-i pada Ogos 2023. Pelancaran akaun ini bertujuan untuk memupuk amalan menabung dan memberi peluang kepada semua golongan termasuk mereka yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan menerokai pelaburan berisiko sederhana.

Setakat Disember 2023, BSN telah mencatat pencapaian yang memberangsangkan dengan pembukaan 15,495 Akaun Emas dan penjualan sejumlah 202.8 kilogram emas (bernilai RM62.5 juta) dalam tempoh empat bulan sejak pelancarannya, yang mana warga emas merupakan majoriti pemegang akaun.

Dalam memajukan aktiviti pembiayaan lestari, BSN telah melancarkan beberapa produk sepanjang 2023, termasuk Pembiayaan Panel Solar untuk pemasangan di rumah dan Pembiayaan Kenderaan EV/HEV pada kadar pilihan. BSN juga telah melancarkan Akaun BSN EcoSave-i, sebuah produk akaun simpanan dengan pilihan perlindungan takaful terhadap insiden berkaitan bencana banjir pada kadar keuntungan yang kompetitif.

Dari sudut kawal-selia, BSN telah memenuhi tuntutan Fasa 1 Pengurusan Risiko Iklim Scenario Analisis (CRMSA) BNM dan turut mengemas kini klasifikasi peminjam mikro.

MEMANFAATKAN IMPAK KERJASAMA STRATEGIK

BSN melihat kerjasama strategik sebagai salah satu alternatif utama dalam pelunasan mandat kami. Kerjasama strategik ini juga penting bagi menggalakkan perubahan sosial yang lebih menyeluruh dalam usaha untuk menyediakan penyelesaian kewangan kepada semua lapisan masyarakat.

Komitmen BSN terhadap kerjasama strategik ini jelas terbukti melalui jalinan urus niaga di antara BSN dan Cagamas Berhad dalam satu skim perumahan mampu milik bernilai RM1 bilion. Skim ini dibiayai menerusi penerbitan Sukuk Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab Sosial ASEAN (Sukuk SRI) pelbagai tempoh Cagamas. Komitmen BSN berjumlah RM1 bilion ini akan digunakan bagi menyokong inisiatif perumahan mampu milik, terutamanya daripada aspek pembiayaan.

Bagi menggalakkan penggunaan perkhidmatan kewangan digital, BSN juga telah bekerjasama dengan Visa untuk memperkasakan perusahaan mikro, kecil, dan sederhana (PMKS) menerusi program latihan 'Accelerate My Business' (AMB) bagi memanfaatkan perdagangan digital. Dengan kepakaran Visa, BSN giat memacu transformasi digital PKS mikro dan meningkatkan kecekapan operasi serta daya saing mereka dalam persekitaraan perniagaan kini yang dinamik.

BSN took a significant step towards financial inclusion in August 2023 with the launch of the BSN MyGold Account-i which aims to encourage Malaysians to build a secure financial future by encouraging savings and investment habits. This account provides Malaysians with a medium-risk opportunity.

By December 2023, the Bank celebrated a significant achievement with 15,495 Gold Accounts opened and 202.8 kilograms of gold sold (equivalent to RM62.5 million) within four months of the product's launch, with senior citizens forming the majority of Gold Account holders.

Advancing sustainable financing, BSN launched several products during the year, including Solar Panel Financing for residential installations, EV/HEV Auto Financing at preferred rates, and the forthcoming BSN EcoSave-i account offering optional Takaful coverage against flood-related incidents and at a competitive profit rate.

On the regulatory front, Phase 1 deliverables for Climate Risk Management and Scenario Analysis (CRMSA) were submitted and micro-borrower classification was enhanced.

HARNESSING THE IMPACT OF STRATEGIC PARTNERSHIPS

Recognising the transformative power of strategic partnerships in driving positive societal change and meeting our mandated goals, BSN also actively sought collaborations during the year. BSN continues to drive significant impact through these strategic partnerships, creating a ripple effect of positive financial solutions across communities.

This was exemplified through our collaboration with Cagamas Berhad, in a transaction worth RM1 billion, in support of affordable housing initiatives. Funded through Cagamas' multi-tenured ASEAN Social Sustainable and Responsible Investment Sukuk, BSN's commitment of RM1 billion will be primarily utilised to support the financing of affordable housing. This strategic allocation aligns with BSN's vision of fostering positive social change and contribution, and its unwavering dedication to sustainability.

In an effort to encourage the adoption of digital financial solutions, BSN has also partnered with Visa to empower micro, small, and medium enterprises (MSMEs) to embrace digital commerce through the 'Accelerate My Business' (AMB) training programme. Leveraging on Visa's expertise, BSN aims to drive digital transformation among micro-SMEs, enhancing their operational efficiency and competitiveness in today's dynamic business landscape.

Mesej Utama/Key Messages

Program yang dilancarkan pada Ogos 2023 ini menyaksikan seramai 750 usahawan mikro BSN terpilih menerima latihan kemahiran keusahawanan dan literasi kewangan menerusi bengkel-bengkel komprehensif yang diadakan di 13 lokasi seluruh negara. Selain itu, Program AMB ini turut meliputi aspek-aspek penting seperti pengurusan perniagaan, literasi kewangan, kecekapan operasi dan strategi pendigitalan.

Selain itu, BSN turut berkolaborasi bersama beberapa lagi institusi penting seperti Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), Institut Sijil Kemahiran Nasional (INSKEN) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk terus memupuk literasi kewangan melalui program nasihat dan latihan inklusif bagi usahawan-usahawan mikro.

MENINGKATKAN AKSES DAN KETERANGKUMAN

BSN terus beriltizam memenuhi mandat yang diberikan dalam usaha memperluaskan lagi akses kepada perkhidmatan perbankan kami. BSN kekal menjadi satu-satunya penyedia akses kepada perbankan komprehensif untuk beberapa kawasan luar bandar di negara ini. Kejayaan BSN dalam aspek ini adalah hasil komitmen kami dalam memenuhi keperluan kewangan masyarakat luar bandar menerusi Ejen Bank BSN (EB BSN) yang membolehkan pelanggan mengakses produk-produk dan perkhidmatan Bank dengan mudah tanpa perlu hadir ke cawangan. Perkhidmatan yang disediakan termasuk deposit, pengeluaran, pembayaran bil, simpanan BSN SSP, pembayaran tanpa tunai, tambah nilai prabayar, dan pembukaan akaun Giro/i.

Melalui inisiatif Ejen Bank, ejen-ejen terlibat juga berpeluang mengembangkan perniagaan sedia ada dan meningkatkan pendapatan mereka melalui pendapatan komisen. Sejumlah RM4.8 juta telah disalurkan kepada EB melalui pembayaran komisen. Program Celik Kewangan EB turut dianjurkan pada Mac 2023 bagi memperkasakan lagi perkhidmatan EB BSN.

Program EB BSN melibatkan 2,398 ejen meliputi 95.7% daripada 899 mukim seluruh Malaysia. Sebanyak 12.50 juta transaksi berjumlah hampir RM1.06 bilion telah dilakukan melalui EB pada 2023.

Menyedari kepentingan EB dalam memastikan keterangkuman kewangan, perkhidmatan perbankan melalui EB akan diperkasakan melalui kerjasama bersama CelcomDigi Berhad. Kerjasama ini akan menyaksikan pembaharuan dalam rangkaian EB kami dengan memanfaatkan keupayaan teknologi dan ketersambungan meluas CelcomDigi. Menerusi kerjasama ini, kami berhasrat untuk merapatkan jurang digital agar setiap rakyat Malaysia mendapat akses kepada perkhidmatan kewangan asas.

Selain daripada EB, BSN juga menyediakan perkhidmatan Cawangan Bank Bergerak (CBB) bagi mempelbagaikan akses kepada produk dan perkhidmatan kewangan kepada komuniti yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan. Rangkaian CBB BSN telah berkembang dari 8 unit kepada 10 unit di 2023, yang mana 2 unit tambahan disediakan masing-masing di Sabah dan Sarawak.

The AMB programme, launched in August 2023, equips 750 selected BSN micro-entrepreneurs with entrepreneurship and financial literacy skills through comprehensive workshops conducted across 13 locations nationwide. The programme covers vital areas such as business management, financial literacy, operational efficiency and digitalisation strategies.

BSN also collaborates with Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), Institut Sijil Kemahiran Nasional (INSKEN) and Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) to foster financial literacy through inclusive advisory and training programmes for micro-entrepreneurs.

IMPROVING ACCESSIBILITY AND INCLUSIVITY

Our commitment to fulfilling our mandate ensures more inclusive access to our banking services for all Malaysians. The Bank has strengthened its role as the sole provider of comprehensive banking solutions to some of the country's most rural areas. Our success in this endeavour primarily stems from our unwavering commitment to meeting the financial needs of rural communities through the deployment of Ejen Bank BSN (EB BSN) where customers can conveniently access the Bank's products and services without having to visit any branches. Services provided include deposits, withdrawals, bill payments, BSN SSP savings, cashless payments, prepaid reloads, and opening of Giro/i accounts.

Under the EB module, BSN disbursed approximately RM4.8 million in commissions to EBs, providing them with additional income through commissions and allowing them to expand their existing businesses. An EB Financial Literacy Programme was also conducted in March 2023 to further improve and enhance EB BSN's service delivery.

In 2023, 2,398 EB BSN are in operation, covering 95.7% of the 899 mukims throughout Malaysia. In addition, EBs facilitated approximately 12.50 million transactions totaling RM1.06 billion in 2023.

Furthering our commitment to financial inclusion and accessible banking services for all Malaysians, in 2024, BSN looks forward to collaborating with CelcomDigi Berhad. This entails rejuvenating our EB network, leveraging CelcomDigi's technological prowess and extensive connectivity to bring modern, reliable banking services to rural and underserved areas. Through this partnership, we aim to bridge the digital divide, ensuring every Malaysian has access to essential financial services.

In addition to EB, BSN also provides alternative access to essential banking services through its Cawangan Bank Bergerak (CBB). In 2023, BSN CBB has expanded from 8 units to 10, with 2 additional units serving Sabah and Sarawak, respectively.

DARI LEMBAGA PENGARAH FROM THE BOARD

MEMPERTINGKATKAN TAHAP PERKHIDMATAN

BSN mencapai peningkatan yang baik dalam pelbagai aspek khidmat pelanggan pada 2023, mengatasi sasaran yang ditetapkan. BSN kini berada pada tangga ke 15 dalam ranking perkhidmatan pelanggan 2023, melonjak 5 anak tangga dari tangga ke 20 sebelum ini. Peningkatan ini disebabkan fokus dan komitmen kami untuk sentiasa mengutamakan pelanggan yang seterusnya menghasilkan peningkatan luar biasa dalam metrik-metrik utama. Skor kepuasan pelanggan (CSAT) juga melonjak naik dari 68% pada 2019 kepada 87% pada 2023, manakala skor *promoter* bersih (NPS) meningkat dari +20 kepada +56 pada tempoh yang sama, menurut penilaian IPSOS Sdn Bhd untuk Industri Perbankan Malaysia 2023.

Pada Mac 2023, BSN juga telah memperkenalkan satu pilihan baharu pada sistem IVR Pusat Perhubungan Pelanggan BSN bagi membolehkan pelanggan mengemas kini maklumat peribadi mereka melalui pegawai perhubungan pelanggan BSN. BSN akan terus memanfaatkan teknologi digital bagi menambah baik perkhidmatan pelanggan kami.

MENINGKATKAN TADBIR URUS

Lembaga Pengarah BSN terus komited memastikan amalan terbaik industri dan keperluan pihak berkuasa kawal selia sentiasa dipenuhi bagi melindungi kepentingan Bank dan pihak-pihak berkepentingan.

Dasar-dasar berkaitan tadbir urus sentiasa disemak dan dikemas kini bagi memastikan pematuhan terhadap piawaian-piawaian dan amalan-amalan terbaik. Pada 2023, tadbir urus telah dihalusi melalui pembentukan polisi 'Appointment and Removal Policy for Key Senior Officers, Other Material Risk Takers and the Company Secretary' serta Polisi Imbuan yang baharu.

Polisi-polisi ini memastikan bahawa individu yang menyandang jawatan utama dalam Bank memiliki kecekapan dan pengalaman yang sewajarnya bagi menjalankan tugas dan tanggungjawabnya dengan berkesan. Polisi Imbuan pula menjamin rangka kerja imbuan adalah berasaskan prestasi yang saksama, telus, dan kompetitif bagi menarik dan mengekalkan bakat-bakat terbaik. Ia juga menjamin pematuhan Bank terhadap piawaian-piawaian kawal selia ke arah memupuk budaya akauntabiliti dan kecemerlangan dalam perkhidmatan kewangan.

ENHANCING SERVICE LEVELS

The Bank achieved significant improvements in customer service across multiple areas in 2023, surpassing set targets for the year. Notably, customer service ranking climbed five positions from 20th to 15th in 2023. This progress was driven by a focused effort to cultivate a customer-centric mindset, resulting in remarkable increases in key metrics. The customer satisfaction score (CSAT) surged from 68% in 2019 to an impressive 87% in 2023, while the net promoter score (NPS) rose from +20 to +56 during the same period, as evaluated by IPSOS Sdn Bhd for the Malaysian Banking Industry 2023.

In March 2023, a new option was introduced in the Contact Centre IVR system to further simplify customers' experience with BSN. This option facilitates seamless personal information updates for customers, leveraging digital technology. Calls are directed to specialised agents who assist customers in updating their personal details.

ELEVATING GOVERNANCE

Upholding the importance of sound corporate governance, the Board continuously ensures that recommended industry best practices and compliance requirements are met to safeguard the interest of the Bank and its stakeholders.

As the Board sets the tone from the top for ethical and responsible decision-making in the Bank, governance-related policies are constantly reviewed and updated to ensure adherence to best standards and practices. In 2023 focus was directed towards the establishment of an Appointment and Removal Policy for Key Senior Officers, Other Material Risk Takers and the Company Secretary, as well as a new Remuneration Policy.

These policies ensure that those assuming key positions within the Bank have the necessary qualities, competencies and experience to perform the duties and carry out the responsibilities required of the positions in the most effective manner. The new Remuneration Policy further ensures a fair, transparent and competitive performance-driven remuneration framework that will attract and retain top talents as well as align employees' interests with the mandate delivery and long-term success of the Bank. It also ensures that the Bank complies with regulatory standards towards fostering a culture of accountability and excellence in financial services.

Setakat 31 Disember 2023/
As of 31 December 2023

2,398 EB BSN
12.50 juta/million
transaksi EB/ EB transactions

Jumlah transaksi/
Total transaction value
RM1.06 billion/billion

Pembayaran komisen/
EB commission
RM4.8 juta/million

Mesej Utama/Key Messages

MEMBINA BUDAYA BERPRESTASI TINGGI

Pengurusan bakat di BSN menyaksikan transformasi ketara pada tahun 2023 melalui rombakan dalam struktur ganjaran dan manfaat kakitangan. Semakan semula dan pelarasan struktur gaji telah dijalankan pada tahun ini bagi menyediakan pakej yang lebih kompetitif untuk kakitangan kami.

Penambahbaikan juga dilakukan ke atas terma-terma perkhidmatan, termasuk peningkatan hari cuti bersalin dan piihan untuk penunaian awal manfaat perubatan selepas persaraan secara sukarela.

Dalam aspek pengurusan bakat, BSN juga telah mengemas kini aspek pengurusan bakat kami melalui penyediaan templat Profil Bakat. Templat ini memberi gambaran menyeluruh mengenai aspirasi kerjaya, pengalaman profesional, dan pelan pembangunan setiap seorang bakat kami. Klasifikasi bakat berstruktur bagi menilai tahap prestasi dan potensi juga dilaksanakan untuk mengenal pasti dan memupuk bakat di seluruh organisasi.

Selain itu, usaha untuk memupuk kepelbagaian dalam organisasi turut dilaksanakan menerusi inisiatif-inisiatif seperti Forum Kepimpinan Wanita bagi menggalakkan penglibatan kakitangan wanita di peringkat pengurusan. Pihak pengurusan juga sebulat suara untuk memfokuskan komitmen terhadap keperluan bagi mencapai amalan-amalan kelestarian.

Sistem Maklumat HR (HRIS) juga telah diperkasakan kepada KaizenHR versi 6 bagi meningkatkan fungsi dan perkhidmatan seperti menyediakan akses mudah alih dan juga pengurusan tuntutan yang dipertingkatkan. Proses Pengurusan Prestasi juga telah diperkemaskan melalui peralihan daripada sistem manual kepada sistem dalam talian.

Selain itu, reka bentuk organisasi Bank turut diperhalusi dengan garisan pelaporan yang lebih jelas khususnya untuk Jabatan Pengurusan Cawangan dan Jabatan Perbankan Digital bagi memastikan perkhidmatan yang lebih efisien dan sentiasa mengutamakan pelanggan.

Komitmen BSN terhadap pembelajaran dan pembangunan berterusan terserlah menerusi pelbagai program latihan khusus untuk setiap tahap dan fungsi kakitangan yang berbeza (*unique learners*). Antaranya adalah seperti Program Pemimpin Perbankan Global yang bermatlamat memupuk pemikiran kritikal dan kemahiran menyelesaikan masalah dalam kalangan kakitangan.

Secara purata, setiap kakitangan telah menjalani 133 jam pembelajaran atau 17 hari pembelajaran. Selain itu, daripada 417 kemasukan kumulatif, 53% daripada tenaga kerja kami telah mendapat pensijilan dari 'Asian Institute of Chartered Bankers' (AICB).

BUILDING A HIGH-PERFORMANCE CULTURE

BSN launched a transformative journey in talent management in 2023. This year, we witnessed a comprehensive overhaul of employee rewards and benefits. We significantly revised salary structures and adjustments to formulate more competitive and attractive packages for our valued employees.

Improvements were made to terms of service, including an increase in maternity leave days and the introduction of voluntary encashment of post-retirement medical benefits.

In the realm of talent management, BSN introduced a Talent Profile template, providing a holistic view of individuals' career aspirations, professional experiences, and development plans. A structured talent classification exercise, evaluating performance levels and potential, was also implemented to identify and nurture talent across the organisation.

Furthermore, efforts to foster diversity in the workplace were exemplified by initiatives like the Women in Leadership Forum which encouraged women within BSN to assume leadership roles. A strategic management retreat further underscored a collective commitment to progress, with leaders aligning on the imperative to steer towards sustainable practices.

Innovation also extended to HR Information Systems (HRIS), successfully migrating to KaizenHR version 6, enabling enhanced functionalities such as mobile access and improved claim management. The launch of an online Performance Management process streamlined performance evaluations, transitioning from manual to system-enabled performance management functions.

The Bank's organisational design was also further developed to optimise operations, including expanded reporting lines for key departments like Branch Management and Digital Banking. These changes aimed to facilitate operational efficiency and customer-centric initiatives.

Lastly, BSN's dedication to continuous learning and development was reflected in diverse training programmes tailored to different employee levels and functions (*unique learners*). Notable additions included the Global Banking Leaders Programme, aimed at cultivating critical thinking and problem-solving skills across junior and middle management levels.

On average, each employee has engaged in 133 learning hours or 17 learning man-days. As a result, 99% of our workforce, comprising 7,443 employees, are unique learners. A noteworthy highlight is that out of 417 cumulative enrollments, 53% of our workforce have achieved Asian Institute of Chartered Bankers (AICB) certification.

DARI LEMBAGA PENGARAH FROM THE BOARD

MEMAJUKAN USAHA DIGITAL KAMI

Pendigitalan kekal menjadi agenda utama dalam pelan transformasi BSN dengan objektif utama kami untuk menjadikan saluran perkhidmatan digital sebagai akses utama bagi para pelanggan BSN. Pada tahun 2023, transformasi digital yang diperkenalkan kepada pelanggan BSN adalah seperti berikut:

BSNSecure (Pengesahan Pelbagai Faktor) & Kill Switch untuk myBSN - Jun 2023

BSNSecure (Multi-factor Authentication) & Kill Switch for MyBSN - June 2023

Penerimaan DuitNow QR dalam BSNeBiz - September 2023

DuitNow QR acceptance on BSNeBiz - September 2023

Aplikasi Perbankan Mudah Alih (Beta / Pilot) dengan interface UI UX baharu - November 2023

Mobile Banking app (Beta / Pilot) with new UI UX interface - November 2023

RPP Request to Pay myBSN (Pilot) - Disember 2023

RPP Request to Pay on myBSN (Pilot) - December 2023

Wallet Perbankan Dalam Talian RPP DuitNow

myBSN (Pilot) - Disember 2023

RPP DuitNow Online Banking Wallet on myBSN (Pilot) - December 2023

DuitNow QR, dengan penglibatan 500 pedagang dalam BSNeBiz - penghujung 2023

DuitNow QR, 500 merchants onboarded on BSNeBiz - by the end of 2023

PROGRESSING OUR DIGITAL JOURNEY

Digitalisation remains a key game-changer for BSN, representing a modernisation drive in our products and services. As it plays a pivotal role in transforming BSN, we are gradually steering our digital channels to become the primary touchpoints for customers. For the year 2023, we have successfully introduced the following new achievements, features and capabilities within our digital channels:



Selain itu, kami juga telah membangunkan keupayaan pemantauan 24x7 khusus untuk mengenal pasti aktiviti dalam talian yang mencurigakan (*Online Fraud Management*), menaik taraf infrastruktur dan perkakasan teknologi kami, dan mengoptimumkan kecekapan operasi bagi memenuhi permintaan pasaran untuk akses digital. Pangkalan pelanggan untuk Perbankan Internet myBSN turut berkembang pada tahun 2023. Terkini, 39.1% (TK2022: 34.8%) atau 3.08 juta pelanggan yang layak telah berdaftar sebagai pengguna myBSN.

Sesuai peredaran masa dan teknologi, kami menjangkakan lebih ramai pelanggan-pelanggan BSN akan beralih kepada perkhidmatan perbankan mudah alih terutama sekali setelah pelancaran beta aplikasi perbankan mudah alih baharu BSN pada November 2023 dan pelancaran kepada pelanggan pada Februari 2024. BSN terus komited untuk sentiasa menambah baik ciri-ciri aplikasi tersebut dan memperkenalkan lebih banyak lagi perkhidmatan perbankan digital berserta idea dan inovasi baharu.

In addition to the above, we have also established 24x7 Online Fraud Management capabilities, upgraded our technology infrastructure and hardware, and continuously optimised our operational efficiency and process to meet the market's demands for digital accessibility. Our customer base for myBSN Internet Banking continues to grow. Currently, 39.1% (FY2022: 34.8%) or 3.08 million eligible customers are registered as myBSN users.

Looking ahead, we anticipate a significant shift towards mobile services, marked by the beta launch of BSN's new mobile banking app in November 2023 and the public launch in February 2024. BSN remains committed to ensuring our mobile banking app offers up-to-date functions and is progressing towards introducing more digital services, powered by new ideation and innovation.

Mesej Utama/Key Messages

MEMAJUKAN KELESTARIAN

Tahun ini menyaksikan kemajuan penting dalam perjalanan kelestarian kami. Pada 17 Jun 2023, inisiatif kelestarian BSN telah dilancarkan secara rasmi, bersama-sama dengan pelan kelestarian yang komprehensif di dalam Buku Panduan Kelestarian BSN. Di bawah Pelan Strategik Korporat (CSP), kelestarian adalah salah satu teras utama kami dengan 10 aliran kerja ESG dicipta bagi memacu neutraliti karbon dan menerapkan amalan-amalan kelestarian dalam seluruh operasi.

Kami juga telah memastikan penglibatan warga BSN secara menyeluruh menerusi program latihan, hebahan dan pelbagai inisiatif lain. Pada Julai 2023, BSN telah menguruskan program latihan ESG untuk ahli-ahli Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan BSN serta menganjurkan bengkel pengurusan bagi memastikan risiko perubahan iklim sentiasa diambil kira dalam setiap keputusan operasi. Selain itu, 45 kakitangan barisan hadapan turut menyertai e-pembelajaran ESG selain menyediakan pensijilan dan kursus-kursus mengenai ESG dan risiko iklim untuk pegawai kelestarian.

Maklumat lanjut mengenai kelestarian boleh didapati dalam Laporan Kelestarian pertama kami melalui pautan https://www.bsn.com.my/cms/upload/pdf/sustainability/sr2023_en.pdf?csr=14332810257762257838

MENYOKONG KOMUNITI DENGAN CARE

BSN memperuntukkan RM1.54 juta pada 2023 untuk Program BSN Care, khususnya bertumpu kepada teras pendidikan, kesihatan & keselamatan, komuniti, dan sukan. Sumbangan ini bertujuan untuk membantu para pelajar dan masyarakat mendapat akses kepada pendidikan berkualiti sekaligus meningkatkan kesejahteraan komuniti secara keseluruhan. Ia disalurkan melalui organisasi-organisasi bukan kerajaan (NGOs), sekolah, persatuan, hospital, universiti dan pelbagai entiti lain.

Antara inisiatif pendidikan pada tahun ini ialah program 'BSN Jom To School 2023 - BSN Keeps Schools in Shape', yang mana sejumlah RM500,000 disumbangkan kepada 25 buah sekolah di seluruh negara untuk tujuan pembaikan infrastruktur. BSN turut menghulurkan bantuan kepada SK Pulau Pababag di Sabah berikutan insiden runtuh jeti, dengan sumbangan sebanyak RM10,000 kepada para pelajar yang terjejas dan RM500 kepada setiap guru terlibat sebagai komitmen Bank terhadap kebajikan pendidikan dan keselamatan.

BSN bekerjasama dengan Persatuan Lestari Hijau Pulau Pinang (GREW) untuk mendidik pelajar dari sekolah angkat kami mengenai prinsip ESG bagi memupuk generasi baharu mengenai amalan kelestarian.

BSN juga komited terhadap aspek kesihatan & keselamatan, kebajikan masyarakat, dan sukan. Inisiatif kesihatan & keselamatan kami iaitu Program Kesedaran Kebakaran BSN Care dengan kerjasama Jabatan Bomba menyediakan latihan keselamatan kebakaran dan menyumbang 260 alat pemadam api kepada 65 rumah kebajikan.

Selain itu, inisiatif kemasyarakatan kami pada tahun ini termasuk sumbangan bantuan banjir di Kelantan, Terengganu dan Johor serta sumbangan berupa keperluan asas dan bakul makanan kepada golongan yang memerlukan sempena bulan Ramadan dan Hari Raya. Kami menyumbang bekalan makanan asas dan pek kebersihan (*hygiene packs*) bernilai RM50,000 kepada 500 keluarga di Johor.

ADVANCING SUSTAINABILITY

We have made dynamic strides in our sustainability commitment this year. On 17 June 2023, BSN's sustainability journey was officially launched, accompanied by a comprehensive Sustainability Playbook. Under the Corporate Strategic Plan (CSP), sustainability is one of our key thrusts, with a clear embodiment of 10 ESG work streams to drive carbon neutrality and embed sustainable practices across operations.

Internal engagements and awareness were promoted through training and various other initiatives. Notably, in July 2023, BSN conducted ESG training for the Board and senior management, held a workshop on incorporating climate risk in decision-making, enrolled 45 front-liners in ESG e-learning, and provided continuous certification and courses on ESG and climate risk for sustainability personnel.

More sustainability content can be found in our inaugural Sustainability Report available at https://www.bsn.com.my/cms/upload/pdf/sustainability/sr2023_en.pdf?csr=14332810257762257838

SUPPORTING COMMUNITIES WITH CARE

BSN allocated RM1.54 million in 2023 through its BSN Care programme, focusing on the education, health & safety, community and sports pillars. These contributions were directed towards non-governmental organisations (NGOs), schools, associations, hospitals, universities and various entities to assist students and communities, ensure access to quality education and enhance overall well-being.

Notable educational initiatives include the 'BSN Jom To School 2023 – BSN Keeps Schools in Shape' programme, where BSN contributed RM500,000 to 25 schools nationwide for infrastructure improvements. We donated RM10,000 to SMK Tekek in Pulau Tioman to enhance the learning environment and contribute to improving student's overall development. Additionally, BSN supported SK Pulau Pababag in Sabah after a jetty collapse incident, donating RM10,000 to affected students and RM500 each to the teachers involved, demonstrating the Bank's commitment to educational welfare and safety.

BSN collaborated with Persatuan Lestari Hijau Pulau Pinang (GREW) to educate students from our adopted schools on ESG principles and to nurture a new generation of advocates for sustainable practices.

BSN's dedication extended to health and safety, community welfare and sports. Highlighting our health and safety initiatives, the BSN Care Fire Awareness Programme, in collaboration with the Fire and Rescue Department, provided fire safety training and donated 260 fire extinguishers to 65 charity homes.

Furthermore, our community initiatives included substantial donations for flood relief in Kelantan, Terengganu and Johor as well as assisting those in need during the month of Ramadan and Hari Raya with essential supplies and food baskets. This includes a donation of basic food supplies and hygiene packs worth RM50,000 to 500 families in Johor.

DARI LEMBAGA PENGARAH FROM THE BOARD

Bank turut membantu 13 rumah jagaan warga emas dengan menyampaikan makanan dan keperluan asas berjumlah lebih RM162,000. BSN terus membantu golongan yang memerlukan melalui inisiatif *BSN Care Food Basket*. Individu dan keluarga yang memerlukan di Meru Raya, Ipoh dan Nilai menerima bakul makanan dan duit raya, berjumlah RM15,000.

Di bawah teras sukan, BSN telah menyumbang kepada pelbagai acara yang mempromosikan gaya hidup sihat. Sumbangan-sumbangan ini membantu pembaikan fasiliti sukan di sekolah-sekolah serta menaja acara kemasyarakatan seperti 'Rival Ramadan Ride 2023', 'Program Fun Ride', dan 'Larian Hijau MySESMA 2023'. BSN juga memperkasakan para pelajar berkeperluan khas dengan menyokong 'Kejohanan Olahraga Pendidikan Khas Peringkat Negeri Terengganu 2023', yang memupuk perkembangan fizikal dan mental menerusi acara-acara kesukanan.

BSN juga menyumbang RM300,000 untuk bantuan kemanusiaan ke Palestin melalui Tabung Akaun amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin (Tabung AAKRP).

Menerusi inisiatif yang pelbagai dan berimpak ini, BSN menunjukkan komitmennya dalam mencipta peluang saksama, memupuk amalan-amalan kelestarian dan menyelaraskan misi kesejahteraan sosial dan amalan-amalan perbankan bertanggungjawab.

The Bank extended a helping hand to 13 senior citizen care homes by providing food and basic necessities amounting to more than RM162,000. We have been continuously reaching out to the needy across communities through the BSN Care Food Basket initiative. Deserving individuals and families in Meru Raya, Ipoh and Nilai received food baskets and duit raya, totalling RM15,000.

Under the sports pillar, BSN contributed RM29,000 to various events promoting a healthy lifestyle. These contributions supported the refurbishment of sports facilities in schools and sponsored community events such as 'Rival Ramadan Ride 2023', 'Program Fun Ride', and 'Larian Hijau MySESMA 2023'. BSN also empowered special needs students by supporting the 'Kejohanan Olahraga Pendidikan Khas Peringkat Negeri Terengganu 2023', fostering physical and mental development through athletic opportunities.

BSN also contributed RM300,000 towards humanitarian aid to Palestine through Tabung Akaun Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin (Tabung AAKRP).

Through these diverse and impactful initiatives, BSN demonstrated its commitment to creating equal opportunities, fostering sustainable practices, and aligning with its broader mission of societal well-being and responsible banking practices.

PERSEDIAAN TK2024

Pada tahun 2024, BSN akan terus memberi tumpuan kepada pelaksanaan mandat kami, disokong oleh strategi yang komprehensif berserta komitmen terhadap kecemerlangan operasi dan tambah baik proses. Fokus utama BSN adalah ke arah penyediaan perkhidmatan perbankan digital yang lebih mantap. Perjalanan digital kami akan dijalankan secara berperingkat agar seiring dengan tahap sedia ada terkini Tenaga Kerja, Proses, dan Teknologi kami. Pada ketika ini, Transformasi IT kekal menjadi fokus semasa sebagai tonggak asas bagi memastikan kestabilan dan kemampuan untuk menyokong cita-cita digital kami.

BSN tetap kekal memberi tumpuan kepada pertumbuhan kukuh dalam aset, liabiliti, dan pendapatan berasaskan fi bagi mengekalkan kedudukan kukuh kami dalam pasaran yang dinamik. Bagi memacu pertumbuhan ini, kami memberi tumpuan kepada inovasi produk, kerjasama strategik dan kempen taktikal. Pendekatan kami dibina berdasarkan prinsip *Optimise, Innovate, and Scale Up* bagi memastikan hasil yang optimum.

Kami juga akan terus meluaskan jangkauan kami ke kawasan terpencil bagi memastikan akses kewangan yang inklusif. BSN kini beroperasi melalui 387 cawangan di seluruh negara, menyalurkan perkhidmatan perbankan kepada 95.8% mukim, mempunyai 2,398 EB BSN dan menyediakan 10 CBB di sekitar Malaysia. BSN juga menguasai 54.3% pasaran pembiayaan mikro Malaysia.

Setakat 31 Disember 2023/
As of 31 December 2023

387 cawangan/branches

2,398 EB BSN/EB BSN

Menyalurkan perkhidmatan/
Serving

95.8% mukim/of mukims

54.3%
pasaran pembiayaan mikro/
market share in microfinance

GEARED FOR FY2024

In 2024, BSN will continue to focus on its mandates, underpinned by a comprehensive strategy and a strong commitment to operational excellence, while revolutionising working dynamics and driving process improvements. BSN is embarking on a transformative journey towards a robust digital banking proposition. This phased evolution ensures scalability aligned with our People, Processes, and Technology readiness. IT transformation is a foundational pillar, providing stability and adaptability to support our digital and operational advancements.

BSN is strategically focused on achieving robust growth in assets, liabilities, and fee-based income, ensuring dynamic market positioning. To drive this growth, we are emphasising product innovation, strategic collaborations, and tactical

campaigns. Our approach is built on the foundational principles of *Optimise, Innovate, and Scale Up* for optimal outcomes.

Our unwavering pursuit of innovative solutions and strategic partnerships extends our reach to remote areas, ensuring inclusive financial access. Currently, we operate 387 branches, serve 95.8% of mukims, and maintain a strong presence with 10 CBB, a 54.3% market share in microfinance, and 2,398 EB BSN.

Mesej Utama/Key Messages

Kami kekal menegakkan tadbir urus dan integriti melalui fungsi audit, risiko dan pematuhan yang kukuh. Usaha pematuhan kami memberi tumpuan kepada pendigitalan dan pengurusan penipuan, disokong oleh program latihan dan kesedaran berterusan. Inisiatif utama termasuklah pensijilan AML/CFT dalaman, strategi pengurusan penipuan berpusat dan proses pematuhan yang diperkemas sekaligus menyumbang kepada pengurusan risiko yang mantap.

Pada masa yang sama, inisiatif Sumber Manusia kami mencerminkan komitmen kami untuk membina organisasi yang mampan, memupuk bakat, dan memupuk budaya yang sejajar dengan visi jangka panjang kami. Pendekatan holistik ini meletakkan BSN di barisan hadapan bagi inovasi dan daya tahan, membantu kami dalam membuat persiapan untuk cabaran landskap kewangan pada tahun yang akan datang. Dengan sokongan pihak berkepentingan dalaman dan pelanggan setia kami, BSN bersedia untuk terus menerajui inovasi kewangan dan perbankan inklusif.

Sila rujuk butiran lanjut mengenai Tinjauan Strategik pada halaman 59.

PENGHARGAAN

Bagi pihak Lembaga Pengarah dan Pengurusan, saya ingin menyampaikan penghargaan kepada para pengarah yang telah menamatkan tempoh jawatan mereka semasa tahun tinjauan. Penghargaan khusus untuk Puan Rossana Annizah Ahmad Rashid, yang berkhidmat sebagai Pengerusi dari 2 Januari 2020 hingga 31 Januari 2023. Kami juga merakamkan penghargaan kepada Encik Mohd Sakeri Bin Abdul Kadir selaku Timbalan Pengerusi, yang mana tempoh jawatan beliau tamat pada 1 November 2023; Encik Ahmad Lutfi B. Abdull Mutalip, berkhidmat dari 9 Ogos 2019 hingga 2 Februari 2023; dan Dato' Mohd Rizal Mohd Jaafar, yang telah bersama kami dari 23 Oktober 2019 hingga 23 Oktober 2023. Terima kasih atas sumbangan tidak ternilai anda. Kami juga mengalu-alukan Puan Saleena Mohd Ali, yang menyertai kami sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif BSN pada 1 November 2023.

Saya dan Lembaga Pengarah ingin mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada pasukan Pengurusan BSN dan Warga BSN. Komitmen jitu dan perkhidmatan cemerlang anda menjadi asas kepada kejayaan Bank. Penghargaan ikhlas juga ditujukan kepada pihak-pihak berkepentingan dan kawal selia. Sokongan dan bimbingan berterusan anda adalah penting dalam perjalanan perniagaan kami.

Melangkah ke hadapan, kami kekal teguh dengan komitmen untuk menyediakan produk-produk dan perkhidmatan kewangan berinovatif dalam terus memperkasakan rakyat Malaysia.

Terima kasih atas kepercayaan dan kerjasama berterusan anda.

Selamat Haji Sirat
Ahli Lembaga Pengarah BSN

We remain steadfast in upholding governance and integrity through strong audit, risk, and compliance functions. Our compliance efforts focus on digitalisation and fraud management, supported by ongoing training and awareness programmes. Key initiatives include internal AML/CFT certification, a centralised fraud management strategy, and streamlined compliance processes, all contributing to robust risk management.

At the same time, our human resource initiatives reflect our commitment to building a sustainable organisation, nurturing talent, and fostering a culture aligned with our long-term vision. This holistic approach positions BSN at the forefront of innovation and resilience, preparing us to navigate the complexities of the financial landscape in the coming year. With the support of our internal stakeholders and loyal customers, BSN is poised to grow from strength to strength, leading the charge in financial innovation and inclusive banking.

For more details on forward-looking plans refer to Strategic Outlook on page 59.

IN APPRECIATION

On behalf of the Board and Management, I wish to express our utmost appreciation to the directors whose tenure concluded during the year under review. Specifically, we extend our gratitude to Puan Rossana Annizah Ahmad Rashid, who served as Chairman from 2 January 2020 to 31 January 2023. Appreciation is also extended to Encik Mohd Sakeri Bin Abdul Kadir, whose term as Deputy Chairman concluded on 1 November 2023; Encik Ahmad Lutfi B. Abdull Mutalip, who served from 9 August 2019 to 2 February 2023; and Dato' Mohd Rizal Mohd Jaafar, who was with us from 23 October 2019 to 23 October 2023. Thank you for your invaluable contributions during your tenure. In their stead, we welcome Puan Saleena Mohd Ali, who joined us as an Independent Non-Executive Director of BSN on 1 November 2023.

I extend the Board's heartfelt gratitude to BSN's dedicated Management and staff for their unwavering commitment and exceptional service. Through their dedication, the Bank remains resolute in achieving our aspirations and objectives. Our sincere appreciation also goes to our valued stakeholders and regulatory partners for their ongoing support and guidance.

Moving forward, we remain committed to serving our nation by providing accessible and forward-thinking financial products and services.

Thank you for your continued trust and collaboration.

Selamat Haji Sirat
Member of the Board, BSN



MEMUDAHKAN URUSAN PERBANKAN

BSN memacu transformasi digital melalui platform bersepadu yang berorientasikan pelanggan, menawarkan perkhidmatan perbankan yang mudah, selamat, dan mesra pengguna. Menerusi penggunaan teknologi terkini, BSN merevolusikan perkhidmatan kewangan di Malaysia, lantas menetapkan tanda aras baharu dalam kecekapan dan inovasi.

MAKING BANKING EASY

BSN drives digital transformation through seamless, customer-focused platforms that deliver convenient and secure banking services. Harnessing cutting-edge technology, BSN is reshaping the way Malaysians interact with financial services, establishing new standards for efficiency and innovation.



LEMBAGA PENGARAH

BOARD OF DIRECTORS

Dari kiri ke kanan
From left to right

1. Rossana Annizah Ahmad Rashid
Pengerusi Bukan Eksekutif
Non-Executive Chairman

2. Mohd Sakeri Abdul Kadir
Timbalan Pengerusi
Deputy Chairman

3. Tuan Haji Selamat Sirat
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
Independent Non-Executive Director

4. Datin Zaimah Zakaria
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
Independent Non-Executive Director



Kepimpinan/Leadership

Dari kiri ke kanan

From left to right

5. Ahmad Lutfi Abdull Mutalip @ Talib

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Independent Non-Executive Director

6. Dato' Mohd Rizal Mohd Jaafar

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Independent Non-Executive Director

7. Jay Khairil Jeremy Abdullah

Ketua Eksekutif/Pengarah Eksekutif

Chief Executive/Executive Director

8. Puan Saleena Mohd Ali


Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Independent Non-Executive Director




IMBASAN LEMBAGA PENGARAH BOARD AT A GLANCE

Komposisi Pengarah/Board Composition



- Pengerusi dan Pengarah Eksekutif/Chairman and Executive Director
- Pengarah Bukan Eksekutif Bebas/Independent Non-Executive Director
- Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas/Non-Independent Non-Executive Director

Kumpulan Umur/Age Group




- 40-45 tahun/years
- 46-50 tahun/years
- 51-55 tahun/years

Tempoh Perkhidmatan Kepimpinan/ Length of Leadership Tenure



Jantina/Gender



PROFIL LEMBAGA PENGARAH

BOARD OF DIRECTORS' PROFILE

ROSSANA ANNIZAH AHMAD RASHID

Pengerusi Bukan Eksekutif
Non-Executive Chairman



Malaysia
Malaysian



58



Perempuan
Female

Tarikh Pelantikan/Date of Appointment
1 Februari 2020/1 February 2020

Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah
Pada TK2023/Board Meeting Attendance in
FY2023
1/1*

*** Tempoh pelantikan beliau telah berakhir**
pada 31 Januari 2023/Term ended on
31 January 2023



Puan Rossana Annizah Ahmad Rashid dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah pada 1 Februari 2020.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam Perbankan dan Kewangan daripada University of Canberra, Australia. Beliau juga merupakan ahli CPA Australia.

Puan Rossana berkhidmat di beberapa lembaga pengarah termasuk sebagai Pengerusi Negara Kumpulan Syarikat Jardine Matheson di Malaysia. Beliau kini merupakan Pengerusi dan Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif Prudential BSN Takaful Berhad. Selain itu, beliau juga berkhidmat sebagai ahli Panel Pelaburan dan Ahli Jawatankuasa Risiko Panel Pelaburan di Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Malaysia.

Pada Februari 2022, Puan Rossana telah dilantik sebagai Pengarah Webe Digital Sdn. Bhd. dan TM Digital Innovation Sdn. Bhd.

Beliau pernah memegang beberapa jawatan kepimpinan dalam sektor telekomunikasi dan perbankan. Beliau pernah menyandang pelbagai jawatan di peringkat pengurusan kanan di TIME dotCom Berhad, Maxis Berhad dan RHB Bank Berhad setelah memulakan kerjayanya dengan Citibank Malaysia.

Puan Rossana Annizah Ahmad Rashid was appointed as Chairman of the Board on 1 February 2020.

She holds a Bachelor of Arts in Banking and Finance from the University of Canberra, Australia. She is also a member of CPA Australia.

Puan Rossana serves on several boards, including her role as the Country Chairman of Jardine Matheson Group of Companies in Malaysia. She currently sits as the Chairman and Non-Independent Non-Executive Director of Prudential BSN Takaful Berhad. Furthermore, she serves as a member of the Investment Panel and Investment Panel Risk Committee of the Employee Provident Fund (EPF), Malaysia.

In February 2022, Puan Rossana was appointed as a Director of Webe Digital Sdn. Bhd. and TM Digital Innovation Sdn. Bhd.

She has several leadership positions in the telecommunications and banking sectors. She previously served in various senior management roles with TIME dotCom Berhad, Maxis Berhad and RHB Bank Berhad, after beginning her career with Citibank Malaysia.

PROFIL LEMBAGA PENGARAH

BOARD OF DIRECTORS' PROFILE

MOHD SAKERI ABDUL KADIR

Timbalan Pengerusi Deputy Chairman

 Malaysia
Malaysian

 54

 Lelaki
Male

Tarikh Pelantikan/Date of Appointment
4 Disember 2020/4 December 2020

**Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah
Pada TK2023/Board Meeting Attendance in
FY2023**
10/11*

*** Tempoh pelantikan beliau telah berakhir
pada 1 November 2023/Term ended on
1 November 2023**



Encik Mohd Sakeri Abdul Kadir telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah pada 4 Disember 2022.

Beliau memiliki Sarjana Ekonomi daripada Universiti Putra Malaysia dan Sarjana Muda Ekonomi Matematik daripada Temple University, Philadelphia, Amerika Syarikat. Beliau juga memiliki Diploma Pentadbiran Awam daripada INTAN dan Sijil Perancangan, Pemantauan dan Penilaian bagi Program Pembangunan daripada University of Bologna, Itali.

Encik Mohd Sakeri mempunyai lebih 28 tahun pengalaman dalam perkhidmatan sektor awam, terutamanya di Kementerian Kewangan (MoF). Beliau kini bertugas sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) di Kementerian Kerja Raya. Sebelum ini, beliau telah berkhidmat sebagai Setiausaha Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat, Kementerian Kewangan. Sebelum itu, beliau telah mengendalikan pelbagai jawatan termasuk Setiausaha (Bahagian Pengurusan Strategik Badan Berkanun), Timbalan Setiausaha (Bahagian Cukai) dan Timbalan Pengarah (Pejabat Belanjawan Negara), Kementerian Kewangan.

Beliau kini merupakan Ahli Lembaga Pengarah di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang (PKPP), Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan UMP Holdings Sdn. Bhd.

Encik Mohd Sakeri Abdul Kadir was appointed to the Board on 4 December 2022.

He holds a Master in Economics from University Putra Malaysia and a Bachelor of Arts in Mathematical Economics from Temple University, Philadelphia, United States of America (USA). Additionally, he possesses a Diploma in Public Administrative from INTAN and a certificate in Planning, Monitoring and Evaluation for Development Programmes from University of Bologna, Italy.

Encik Mohd Sakeri has more than 28 years of working experience in the public services sector, mostly with the Ministry of Finance (MoF). He currently serves as the Deputy Secretary General (Management) at the Ministry of Works. Preceding this role, he held the position of Undersecretary for the Strategic Financial Control and Corporate Division at the Ministry of Finance. Prior to that, he held successive roles including Undersecretary (Statutory Body Management Division), Deputy Undersecretary (Tax Division), and Deputy Director (National Budget Office) within the Ministry of Finance.

He currently sits on the board of Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang (PKPP), Universiti Malaysia Pahang (UMP) and UMP Holdings Sdn. Bhd.

TUAN HAJI SELAMAT SIRAT

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Independent Non-Executive Director



Malaysia
Malaysian



63



Lelaki
Male

Tarikh Pelantikan/Date of Appointment
14 Jun 2017/14 June 2017

**Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah
Pada TK2023/Board Meeting Attendance in
FY2023**
12/12*



Tuan Haji Selamat Sirat telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah pada 14 Jun 2017.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari University of Dubuque, Iowa, Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari Universiti Malaya (UM). Beliau juga Perancang Kewangan Bertauliah dalam Perancangan Kewangan Islam.

Tuan Haji Selamat dahulunya Ketua Pegawai Operasi, Al-Rajhi Bank dari Januari 2013 hingga Februari 2017, dan telah memegang jawatan Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif selama hampir 18 bulan. Beliau bertanggungjawab secara keseluruhan untuk pembangunan dan pelaksanaan hala tuju strategik operasi untuk Al-Rajhi Bank. Beliau merupakan pegawai bank yang berkecuali dan mempunyai pengalaman melebihi 33 tahun di bank-bank antarabangsa.

Tuan Haji Selamat mempunyai pengalaman luas dalam semua aspek perbankan, setelah menyandang pelbagai jawatan termasuk Jurubank Korporat, Pengurus Perniagaan Industri Kecil dan Sederhana, Perbankan Pengguna dan Pengurus Kanan di Bahagian Perbankan Islam.

Tuan Haji Selamat merupakan ahli Jawatankuasa Lembaga Audit dan Pematuhan di Perbadanan Waqf Selangor.

Tuan Haji Selamat Sirat was appointed to the Board on 14 June 2017.

He holds a Master's Degree in Business Administration from the University of Dubuque, Iowa, Bachelor of Economics from University of Malaya (UM). Additionally, he is a Certified Financial Planner in Islamic Financial Planning.

Tuan Haji Selamat was formerly the Chief Operating Officer, of Al-Rajhi Bank from January 2013 until February 2017, and assumed the post of Acting CEO for almost 18 months. He was responsible for the overall development and implementation of strategic operational direction for Al-Rajhi Bank. He is an experienced banker with more than 33 years of experience working in international banks.

Having served in various capacities, including Corporate Banker, Business Manager for Small and Medium Industry, Consumer Banking and Senior Manager in an Islamic Banking Division, Tuan Haji Selamat has vast experience in all aspects of banking.

Tuan Haji Selamat is a member of the Board Audit and Compliance Committee of Perbadanan Waqf Selangor.

PROFIL LEMBAGA PENGARAH

BOARD OF DIRECTORS' PROFILE

DATIN ZAIMAH ZAKARIA

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
Independent Non-Executive Director



Malaysia
Malaysian



65



Perempuan
Female

Tarikh Pelantikan/Date of Appointment
26 Mac 2018/26 March 2018

Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah
Pada TK2023/Board Meeting Attendance in
FY2023
12/12



Datin Zaimah Zakaria telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah pada 26 Mac 2018.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Ijazah Sarjana Muda Sains Perniagaan dari Universiti Putra Malaysia (UPM). Beliau juga adalah Perunding Etika Sosial Antarabangsa yang bertauliah dan juga ahli Persatuan Pasaran Kewangan Malaysia (PPKM).

Datin Zaimah merupakan Timbalan Presiden Eksekutif - Kumpulan Perniagaan Strategik dan Integrasi Serantau, RHB Bank Berhad dari April 2008 sehingga Mac 2015. Sebelum itu, beliau merupakan Ketua Perbendaharaan di Al-Rajhi Bank Malaysia dan pernah memegang jawatan sebagai Pengurus Besar Kanan Alliance Investment Bank untuk tempoh lima tahun sejak tahun 2001.

Setelah berkhidmat di pelbagai sektor dalam industri kewangan, Datin Zaimah mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang luas terutamanya dalam bidang perbankan pelaburan dan perbendaharaan.

Datin Zaimah merupakan ahli lembaga pengarah bagi Malaysia Generali Malaysia (dahulunya dikenali sebagai AXA Affin General Insurance Berhad) dan Impact Research Consultancy Sdn. Bhd.

Datin Zaimah Zakaria was appointed to the Board on 26 March 2018.

She holds a Master's Degree in Business Administration (Finance) from the International Islamic University Malaysia (IIUM) and a Bachelor of Science in Agribusiness from Universiti Putra Malaysia (UPM). Additionally she is a Certified International Social Etiquette Consultant and a member of Persatuan Pasaran Kewangan Malaysia (PPKM).

Datin Zaimah was formerly the Executive Vice President - Group Strategic Business and Regional Integration at RHB Bank Berhad from April 2008 until March 2015. Prior to this, she was the Head of Treasury at Al-Rajhi Bank Malaysia and had assumed the post of Senior General Manager at Alliance Investment Bank for five years since 2001.

Having served various senior positions in the financial industry, Datin Zaimah has vast experience and knowledge in banking especially in areas related to investment and treasury.

Datin Zaimah currently sits on the boards of, Generali Malaysia (formerly known as AXA Affin General Insurance Berhad) and Impact Research Consultancy Sdn. Bhd.

AHMAD LUTFI ABDULL MUTALIP @ TALIB

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
Independent Non-Executive Director



Malaysia
Malaysian



52



Lelaki
Male

Tarikh Pelantikan/Date of Appointment
9 Ogos 2019/9 August 2019

Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah
Pada TK2023/Board Meeting Attendance in
FY2023
7/7*

*** Tempoh pelantikan beliau telah berakhir**
pada 8 Ogos 2023/Term ended on
8 August 2023



Encik Ahmad Lutfi Abdull Mutalip @ Talib dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah pada 9 Ogos 2019.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dengan kepujian Kelas Tinggi Kedua dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada tahun 1995 dan seterusnya memperoleh sijil kesetiausahaan korporat dari Institute of Chartered Secretaries and Administrators (ICSA), United Kingdom.

Encik Lutfi merupakan rakan kongsi pengasas Messrs. Azmi & Associates, Peguambela & Peguamcara, Malaysia. Beliau memiliki pengalaman yang luas dalam bidang kewangan, korporat dan pengurusan hartanah dengan pengkhususan dalam Perbankan Islam.

Beliau kini merupakan Ahli Lembaga Pengarah di Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF), AAA Consulting Sdn. Bhd., Prudenz Corporatehouse Sdn. Bhd., Impact Analytix Sdn. Bhd. dan Azmi Global Pte Ltd.

Encik Ahmad Lutfi Abdull Mutalip @ Talib was appointed to the Board on 9 August 2019.

He graduated with a second class upper LL.B (Honours) in 1995 from the International Islamic University Malaysia (IIUM) and subsequently obtained his corporate secretarial certificate from the Institute of Chartered Secretaries and Administrators (ICSA), United Kingdom.

Encik Lutfi is one of the founding partners of Messrs. Azmi & Associates, Advocates & Solicitors, Malaysia. He has considerable experience in finance, corporate and conveyancing matters with strong emphasis in Islamic Banking.

He currently sits on the board of Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF), AAA Consulting Sdn. Bhd., Prudenz Corporatehouse Sdn. Bhd., Impact Analytix Sdn. Bhd. and Azmi Global Pte. Ltd.

PROFIL LEMBAGA PENGARAH

BOARD OF DIRECTORS' PROFILE

DATO' MOHD RIZAL MOHD JAAFAR

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
Independent Non-Executive Director

 Malaysia
Malaysian

 49

 Lelaki
Male

Tarikh Pelantikan/Date of Appointment
23 Oktober 2019/23 October 2019

Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah
Pada TK2023/Board Meeting Attendance in
FY2023
10/10*

*** Tempoh pelantikan beliau telah berakhir**
pada 22 Oktober 2023/Term ended on
22 Oktober 2023



Dato' Mohd Rizal Mohd Jaafar dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah pada 23 Oktober 2019.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari Universiti Malaya (UM). Dato' Rizal juga merupakan Akauntan Bertauliah di bawah Institut Akauntan Malaysia.

Dato' Mohd Rizal merupakan Pengarah Urusan Kumpulan Widad Group Berhad. Beliau memulakan kerjayanya sebagai Pengurus Hubungan, Jabatan Pengawasan Perbankan di Bank Negara Malaysia pada tahun 1999. Pada tahun 2010, beliau telah memegang jawatan sebagai Pengarah, Strategi dan Pejabat Pengurusan Transformasi di SME Bank Berhad. Beliau kemudian dinaikkan pangkat sebagai Ketua Pegawai Operasi Kumpulan pada tahun 2012.

Beliau kini merupakan Ahli Lembaga Pengarah bagi Widad Group Berhad dan anak-anak syarikatnya Widad Business Group Sdn. Bhd. dan Dataprep Holdings Berhad.

Dato' Mohd Rizal Mohd Jaafar was appointed to the Board on 23 October 2019.

He holds a Master's Degree in Business Administration from the International Islamic University Malaysia (IIUM) and a Bachelor's Degree in Accounting from University of Malaya (UM). Dato' Rizal is also a Chartered Accountant under the Malaysian Institute of Accountants.

Dato' Mohd Rizal is the Group Managing Director of Widad Group Berhad. He started his career as a Relationship Manager, Banking Supervision Department at Bank Negara Malaysia in 1999. He joined SME Bank Berhad in 2010 as Director, Strategy and Transformation Management Office. He was then promoted to the post of Group Chief Operating Officer in 2012.

He currently sits on the boards of Widad Group Berhad and its subsidiaries, Widad Business Group Sdn. Bhd. and Dataprep Holdings Berhad.

JAY KHAIRIL JEREMY ABDULLAH

Ketua Eksekutif/Pengarah Eksekutif
Chief Executive/Executive Director



Malaysia
Malaysian



47



Lelaki
Male

Tarikh Pelantikan/Date of Appointment
3 Februari 2021/3 February 2021

Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah
Pada TK2023/Board Meeting Attendance in
FY2023
11/11



Encik Jay Khairil Jeremy Abdullah telah dilantik sebagai Ketua Eksekutif dan Pengarah Eksekutif pada 3 Februari 2021.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam Perniagaan dan Kewangan dari Heriot-Watt University, Scotland, United Kingdom dan Diploma Tinggi dalam Pengurusan Perakaunan (LCCI Higher) dari Systematic Group of Colleges Malaysia. Beliau merupakan seorang Jurubank Bertauliah dan Akauntan Pengurusan Global Bertauliah. Beliau ialah ahli Institut Akauntan Malaysia, ahli Chartered Institute of Management Accountants dan Ahli Berkanun di Institut Juruaudit Dalamam.

Encik Jay Khairil merupakan seorang jurubank profesional yang mempunyai pengalaman melebihi 20 tahun dan jawatan terakhir beliau adalah sebagai Ketua Juruaudit Dalamam Kumpulan di Alliance Bank Financial Group.

Sebelum itu, beliau telah berkhidmat di BSN sebagai Ketua Pegawai Kewangan di mana beliau telah membantu Bank untuk mencapai prestasi kewangan yang kukuh melalui pengurusan aset dan liabiliti yang berhemah, langkah pengoptimuman kos dan penambahbaikan proses yang berkaitan.

Beliau juga pernah memegang jawatan sebagai Ketua Audit Serantau untuk Kumpulan CIMB serta Timbalan Pengarah Audit Dalamam di Bank Negara Malaysia.

Encik Jay Khairil Jeremy Abdullah was appointed as Chief Executive and Executive Director of BSN on 3 February 2021.

He holds a Bachelor of Arts in Business and Finance from Heriot-Watt University, Scotland, United Kingdom and a Higher Diploma in Management Accounting (LCCI Higher) from Systematic Group of Colleges Malaysia. He is a Chartered Banker and a Chartered Global Management Accountant. Additionally, he is a member of the Malaysian Institute of Accountants, a member of the Chartered Institute of Management Accountants and a Chartered Member of the Institute of Internal Auditors.

Encik Jay Khairil is a seasoned banking professional with over 20 years of experience, whereby his last role was the Group Chief Internal Auditor of the Alliance Bank Financial Group.

Prior to that, he was with BSN as Chief Financial Officer where he helped the Bank achieve strong financial performance through prudent management of assets and liabilities, cost optimisation measures and relevant process improvements.

Encik Jay Khairil was also the Regional Head of Audit for CIMB Group and Deputy Director of Internal Audit with Bank Negara Malaysia.

PROFIL LEMBAGA PENGARAH

BOARD OF DIRECTORS' PROFILE

PUAN SALEENA MOHD ALI

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
Independent Non-Executive Director



Malaysia
Malaysian



58



Perempuan
Female

Tarikh Pelantikan/Date of Appointment
1 November 2023/1 November 2023

Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah
Pada TK2023/Board Meeting Attendance in
FY2023
2/2*

*** Dilantik pada 1 November 2023/**
Appointed on 1 November 2023



Puan Saleena Mohd Ali telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah pada 1 November 2023.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Sains Komputer dari Woodbury University, Amerika Syarikat (AS).

Puan Saleena adalah seorang profesional berlatarbelakang luas dalam pelbagai bidang Teknologi Maklumat seperti Pengurusan Risiko IT, Operasi IT dan Penyelesaian IT. Pengalaman kerjayanya yang menjangkau lebih 30 tahun menjadikan beliau seorang yang berpakaran tinggi.

Puan Saleena dilantik sebagai Pengarah Infomina Sdn. Bhd. pada 2021 dan kemudiannya dilantik sebagai Pengerusi Infomina Berhad pada 2022.

Puan Saleena Mohd Ali was appointed to the Board on 1 November 2023.

She holds a Bachelor of Science in Computer Science from the Woodbury University, United States of America (USA).

Puan Saleena is a seasoned professional with an extensive background in various areas in Information Technology such as IT Risk Management, IT Operations, and IT Solutions. Her extensive career of over 30 years has provided her with a wealth of expertise.

Puan Saleena was appointed as the Director of Infomina Sdn. Bhd. in 2021 and was subsequently appointed as the Chairman of Infomina Berhad in 2022.

JAWATANKUASA SYARIAH

SHARIAH COMMITTEE

Dari kiri ke kanan

From left to right


1. **Prof. Madya Dr. Mohamad Zaharuddin Zakaria**
Pengerusi/Chairman
2. **Prof. Madya Dr. Kamaruzaman Noordin**
Ahli/Member
3. **Encik Ahmad Lutfi Abdull Mutalip @ Talib**
Ahli/Member
4. **Dr. Asma Hakimah Ab Halim**
Ahli/Member
5. **Dr. Razli Ramli**
Ahli/Member
6. **Prof. Madya Dr. Mohamed Fairouz Abdul Khir**
Ahli/Member



PROFIL JAWATANKUASA SYARIAH

SHARIAH COMMITTEE'S PROFILE

Kumpulan Umur/Age Group




Tempoh Perkhidmatan Kepimpinan/ Length of Leadership Tenure



Jantina/Gender



Kaum/Race



PROF. MADYA DR. MOHAMAD ZAHARUDDIN ZAKARIA

Pengerusi/Chairman

Malaysia
Malaysian

43

Lelaki
Male

Tarikh Pelantikan/Date of Appointment
1 Jun 2016/1 June 2016

Prof. Madya Dr. Mohamad Zaharuddin Zakaria telah dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Syariah bermula 1 Jun 2016 dan kemudiannya dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Syariah bermula 1 Jun 2020.

Beliau kini merupakan Pensyarah Kanan di Fakulti Syariah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan juga Penyelaras Pusat Wakaf dan Zakat USIM. Beliau mendapat Ijazah B.A (Kepujian) Syariah dan Undang-Undang dari USIM dan seterusnya Ijazah Sarjana Undang-Undang Syariah dari Universiti Jordan dan Ijazah Doktor Falsafah dalam Fiqh dan Usul al-Fiqh (Syariah) dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Bidang pengkhususan beliau adalah Fiqh Muamalat, Perbankan dan Kewangan Islam, Pasaran Modal Islam, Pengurusan Kewangan Islam, Kaedah-Kaedah Fiqh dan Perundangan Islam. Selain menerbitkan beberapa penulisan akademik, beliau turut terlibat secara aktif dalam bidang penyelidikan di USIM.

Assoc. Prof. Dr. Mohamad Zaharuddin Zakaria was appointed as Shariah Committee member since 1 June 2016 and later has been appointed as Chairman of Shariah Committee since 1 June 2020.

He is currently a Senior Lecturer at Faculty of Shariah and Law, Islamic Science University Malaysia (USIM) and also served as Coordinator for Centre of Awqaf and Zakat, USIM. He obtained his first degree in Shariah and Judiciary from USIM, Master of Shariah Judiciary from University of Jordan and PhD in Fiqh and Usul Al-Fiqh (Shariah) from International Islamic University Malaysia (IIUM). His areas of interest are Fiqh Muamalat, Islamic Banking and Finance, Islamic Capital Market, Islamic Wealth Management, Islamic Legal Maxims and Islamic Jurisprudence. He has published several articles on Islamic law of contract, Islamic Capital Market, and actively involved in numerous research projects in his academic institution (USIM).

Kepimpinan/Leadership



**PROF. MADYA DR.
KAMARUZAMAN NOORDIN**

Timbalan Pengerusi /Deputy Chairman



Malaysia
Malaysian



47



Lelaki
Male

Tarikh Pelantikan/Date of Appointment
1 Januari 2021/1 January 2021

Prof. Madya Dr. Kamaruzaman Noordin telah dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Syariah sejak 1 Januari 2021 dan kemudiannya dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Syariah sejak 1 Januari 2023.

Beliau memegang Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Pengajian Islam dari University of Wales, United Kingdom. Beliau juga memiliki Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dan telah mendapat Kepujian Kelas Pertama dalam Ijazah Sarjana Muda Syariah dari Universiti Malaya.

Pada masa ini, beliau merupakan Timbalan Dekan Penciptaan Nilai dan Perusahaan dan merupakan Profesor Madya di Jabatan Syariah dan Pengurusan Universiti Malaya.

Prof. Madya Dr. Kamaruzaman juga memegang peranan penting lain dalam sektor kewangan iaitu sebagai Pengerusi Jawatankuasa Syariah Affin Islamic Bank, ahli Jawatankuasa Penasihat Syariah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), ahli Jawatankuasa Tabung Zakat Universiti Malaya (JTZUM) dan Penasihat Syariah yang berdaftar di Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Sebelum ini, beliau adalah Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Penasihat Syariah bagi Kenanga Investment Bank Berhad (2012-2020).

Assoc. Prof. Dr. Kamaruzaman Noordin was appointed as Shariah Committee member since 1 January 2021 and later appointed as the Deputy Chairman of Shariah Committee since 1 January 2023.

He obtained a PhD in Islamic Studies from the University of Wales, United Kingdom. He has a Master's Degree in Business Administration (MBA) along with a First Class Honours in Bachelor in Shariah from the University of Malaya.

Currently, he holds the position of Deputy Dean of Value Creation and Enterprise and is an Associate Professor of the Department of Shariah and Management of the University of Malaya.

Assoc. Prof. Dr. Kamaruzaman also holds other key roles in the financial sector as the Chairman of Shariah Committee of Affin Islamic Bank, a member of the Shariah Advisory Committee of Employees Provident Fund (EPF), a member of Jawatankuasa Tabung Zakat Universiti Malaya (JTZUM) and a registered Shariah Adviser of Securities Commission Malaysia.

Previously, he was the Chairman and member of Shariah Advisory Committee for Kenanga Investment Bank Berhad (2012-2020).



**ENCIK AHMAD LUTFI
ABDULL MUTALIP @ TALIB**

Ahli/Member



Malaysia
Malaysian



52



Lelaki
Male

Tarikh Pelantikan/Date of Appointment
1 April 2020/1 April 2020

Encik Ahmad Lutfi Abdull Mutalip @ Talib telah dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Syariah bermula 1 April 2020.

Beliau memperoleh Sarjana Muda Undang-Undang (LL.B) dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada tahun 1995 dan kemudian menjadi ahli Badan Peguam Malaysia (Malaysian Bar) pada tahun 1996. Beliau memperoleh kelayakan profesional dari Institute of Chartered Secretaries and Administrators (ICSA) pada Februari 1996. Beliau memulakan kariernya sebagai pengamal undang-undang bersama Hisham Sobri & Kadir dari tahun 1996 hingga tahun 2000. Encik Ahmad Lutfi kemudian menjadi salah seorang rakan kongsi pengasas Azmi & Associates pada tahun 2000 dan kini mengetuai 15 orang peguam yang pakar dalam perkhidmatan kewangan dan perbankan Islam. Beliau juga merupakan salah seorang ahli Lembaga Pengarah Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF) dan ahli Jawatankuasa Syariah Kewangan Islam MIDF.

Encik Ahmad Lutfi Abdull Mutalip @ Talib was appointed as Shariah Committee member since 1 April 2020.

He obtained his Bachelor of Laws (LL.B) from International Islamic University Malaysia (IIUM) in 1995 and was admitted to the Malaysian Bar in 1996. He also obtained his professional qualification from the Institute of Chartered Secretaries and Administrators (ICSA) and graduated from the Institute in 1996. He embarked on his journey as a legal practitioner by joining Hisham Sobri & Kadir from 1996 to 2000. Encik Ahmad Lutfi was one of the founding partners of Azmi & Associates in 2000 and now leads a team of 15 lawyers who specialise in financial services and Islamic banking. He is also a member of Board of Directors of Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF) and a member of MIDF Islamic Finance Shariah Committee.

PROFIL JAWATANKUASA SYARIAH SHARIAH COMMITTEE'S PROFILE

DR. ASMA HAKIMAH AB HALIM



Ahli/Member



Malaysia
Malaysian



46



Perempuan
Female

Tarikh Pelantikan/Date of Appointment
1 Januari 2019/1 January 2019

Dr. Asma Hakimah Ab Halim telah dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Syariah bermula 1 Januari 2019.

Beliau kini merupakan pensyarah kanan Fakulti Undang-Undang Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sejak 2007. Beliau memperolehi Sarjana Muda Undang-Undang (LLB) dan LL.B (Syariah) dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Sijil Program Pentadbiran Syarikat (CiCA) dari universiti yang sama pada tahun 2002. Kemudian beliau melanjutkan pengajiannya dalam bidang Undang-Undang (LL.M) di UKM pada tahun 2006 dan memperoleh Ijazah Doktor Falsafah dari Glasgow Caledonian University (GCU) pada tahun 2015. Beliau juga telah menerbitkan beberapa artikel mengenai Undang-Undang Islam, Perbankan Islam dan terlibat secara aktif dalam pelbagai projek penyelidikan di institusi akademiknya.

Dr. Asma Hakimah Ab Halim was appointed as Shariah Committee member since 1 January 2019.

She is currently a senior lecturer at Faculty of Law, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) since 2007. She obtained her Bachelor of Laws (LLB) and LL.B (Shariah) from International Islamic University Malaysia (IIUM) and Certificate in Company Administration Programme (CiCA) from the same university in 2002. She then pursued her Master in Laws (LL.M) in UKM in 2006 and then obtained her PhD from Glasgow Caledonian University (GCU) in 2015. Dr. Asma Hakimah has published several articles on Islamic Law of contract, Islamic Banking and actively involved in numerous research projects in her academic institution.

DR. RAZLI RAMLI



Ahli/Member



Malaysia
Malaysian



57



Lelaki
Male

Tarikh Pelantikan/Date of Appointment
1 Januari 2021/1 January 2021

Dr. Razli Ramli dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Syariah bermula 1 Januari 2021.

Beliau kini merupakan Pensyarah Kanan di Azman Hashim International Business School (AHIBS), Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Beliau memegang Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Pengurusan dari Universiti Utara Malaysia (UUM) dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari The Flinders University of South Australia. Beliau mempunyai pengalaman melebihi 25 tahun dalam bidang perbankan dan kewangan di mana 18 tahun daripadanya adalah di dalam bidang Kewangan Islam dan beliau juga merupakan ahli kepada Malaysian Institute of Management (MIM).

Dr. Razli Ramli was appointed as Shariah Committee member since 1 January 2021.

He is currently a Senior Lecturer at Azman Hashim International Business School (AHIBS), Universiti Teknologi Malaysia (UTM). He holds a PhD in Management from Universiti Utara Malaysia (UUM) and possesses a Bachelor in Economics from The Flinders University of South Australia. He brings with him over 25 years of experience in banking and finance including 18 years in the field of Islamic finance and he is also a member of the Malaysian Institute of Management (MIM).

Kepimpinan/Leadership



PROF. MADYA DR. MOHAMED FAIROOZ ABDUL KHIR

Ahli/Member



Malaysia
Malaysian



47



Lelaki
Male

Tarikh Pelantikan/Date of Appointment

1 Januari 2023/1 Januari 2023

Prof. Madya Dr. Mohamed Fairouz Abdul Khir dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Syariah bermula 1 Januari 2023.

Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan (Fiqh) daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Beliau juga memperoleh Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah Syariah di Universiti Malaya. Beliau kini merupakan Profesor Madya di International Center for Education in Islamic Finance (INCEIF). Beliau juga merupakan ahli Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Pengerusi Jawatankuasa Syariah CIMB Islamic Bank Berhad dan Pengerusi Jawatankuasa Syariah Zurich Takaful Malaysia Berhad (ZTMB). Beliau merupakan Penasihat Syariah Berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia bagi Skim Unit Amanah dan Sekuriti Islam (Sukuk).

Assoc. Prof. Dr. Mohamed Fairouz Abdul Khir was appointed as Shariah Committee member since 1 January 2023.

He has a Bachelor in Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences with specialisation in fiqh from International Islamic University Malaysia (IIUM). He also obtained Masters of Shariah and PhD from the University of Malaya. He is currently an Associate Professor at International Center for Education in Islamic Finance (INCEIF). He also serves as member of Shariah Advisory Council (SAC) of Securities Commission Malaysia, Chairman of Board Shariah Committee of CIMB Islamic Bank Berhad and Chairman of the Shariah Committee of Zurich Takaful Malaysia Berhad (ZTMB). He is also a registered Shariah adviser with Securities Commission, Malaysia for the Islamic Unit Trust Schemes and Islamic Securities (Sukuk).

PENGURUSAN MANAGEMENT

Dari kiri ke kanan

From left to right

1. **Jay Khairil Jeremy Abdullah**
Ketua Eksekutif
Chief Executive
2. **Mujibburrahman Abd Rashid**
Ketua Pegawai Perniagaan
Chief Business Officer
3. **Zarir Mohd Rawi @ Mohd Rauf**
Ketua Pegawai Operasi
Chief Operating Officer
4. **Norhafizah Md Shariff**
Ketua Pegawai Kewangan
Chief Financial Officer
5. **Izham Ab Wahab**
Ketua Pegawai Modal Insan
Chief Human Capital Officer
6. **Ummul Shirin Mohamed Thalha**
Ketua Undang-Undang & Sekretariat Korporat
Head, Legal & Corporate Secretariat
7. **Azlan Abu Bakar**
Ketua Pegawai Kredit
Chief Credit Officer
8. **Asaraf Aboo Bakar**
Ketua Perbendaharaan & Pelaburan
Head, Treasury & Investment



Kepimpinan/Leadership

*Dari kiri ke kanan
From left to right*

9. Ahmad Khairi Shamsuddin
Ketua Kewangan
Head, Finance

10. Albert Loo Choon Kiat
Ketua Perniagaan Kad & Merchant
Head, Cards & Merchant Business

11. Andrea Lim Zui Ling
Ketua Pegawai Risiko
Chief Risk Officer

12. Suzaini Mukhtar
Ketua Deposit & Pembayaran
Head, Deposit, Payment & Financial

13. Sr Rosman Ramlan
Ketua Perkhidmatan Am &
Keselamatan Dalam
Head, General Services &
Internal Security

14. Aizurra Mellissa Mohamed Muzammil
Ketua Komunikasi Strategik
Head, Strategic Communications

15. Haris Yaakob Abdullah
Ketua Perancangan Korporat &
Perolehan Strategik
Head, Corporate Planning &
Strategic Sourcing



PENGURUSAN MANAGEMENT

*Dari kiri ke kanan
From left to right*

16. Roodi Mohd Rashid
Ketua Juruaudit Dalaman
Chief Internal Auditor

17. Misah Meon
Ketua Pemulihan Kredit
Head Credit Recovery

18. Norainah Mohmad Zakuan
Ketua Perbankan Runcit
Head Retail Banking

19. Azrul Farique Mustafa
Ketua Perbankan Digital
Head Digital Banking

20. Darween Naidu Doraisingam
Ketua Transformasi & Kelestarian
Head Transformation & Sustainability

21. Lee Li Foon
Ketua Pegawai Maklumat
Chief Information Officer

22. Mohd Khairil Mohd Nor
Naib Presiden, Pejabat Ketua Eksekutif
Vice President, Chief Executive Office



Kepimpinan/Leadership

Dari kiri ke kanan
From left to right

23. Arida Ariffin

Ketua Customer Experience
Head, Customer Experience

24. Mohd Fuad Jamel

Ketua Penyelidikan & Pembangunan Produk
Head Product Research & Development

25. Phamani Rankersamy

Ketua Pengurusan Data
Head Data Management

26. Anuar Elias

Ketua Perbankan Islam
Head Islamic Banking

27. Norliza Adenan

Ketua Pegawai Integriti & Governans
Chief Integrity & Governance Officer


28. Mohd Azani Mohd Abu

Pengurus
Manager

29. Nik Khairuddin Nik Mohd Khalid

Pengurus
Manager





MEMUPUK CELIK & DAYA TAHAN KEWANGAN

BSN memupuk celik kewangan melalui program jangkauan berimpak tinggi serta inisiatif pendidikan yang disasarkan. Dengan memperkukuh kemahiran kewangan asas rakyat Malaysia, BSN membantu individu membuat keputusan yang berasaskan ilmu, seterusnya menyumbang kepada pembinaan masyarakat yang lebih berdaya tahan.

NURTURING FINANCIAL LITERACY & RESILIENCE

BSN promotes financial literacy through impactful outreach programmes and targeted educational initiatives. By strengthening the fundamental financial skills of Malaysians, BSN empowers individuals to make informed decisions, contributing to the development of a financially resilient society.



HASIL PEMBANGUNAN & PENCAPAIAN MANDAT DEVELOPMENTAL OUTCOMES & MANDATE ACHIEVEMENTS

BSN kekal komited memenuhi mandatnya dalam memastikan penyediaan perkhidmatan kewangan dan peningkatan akses kewangan untuk segmen sasaran di seluruh negara, khususnya usahawan mikro dan kumpulan B40.

Kami terus menjadi peneraju industri dengan pegangan pasaran sebanyak 54.3% dalam kalangan 11 Institusi Kewangan Mikro (MFI) pada 2023. Komitmen kami terbukti dengan peningkatan 86.5% dalam baki pembiayaan semasa tahun tinjauan kepada RM987.2 juta untuk lebih 40,000 pelanggan serta agihan RM499.1 juta kepada hampir 16,300 pelanggan.

Selaras dengan belanjawan 2023: objektif Malaysia Madani dalam memacu ekonomi yang inklusif dan mampan, kami terus memberi tumpuan kepada pemerkasaan sektor perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS). BSN terus menyediakan skim pembiayaan mikro menerusi BSN Micro Kasih yang dilancarkan pada April 2023, menggantikan skim pembiayaan BSN Micro Semarak-i. Setakat 31 Disember 2023, kami telah meluluskan RM392.8 juta untuk lebih 12,500 perniagaan mikro dan mengagihkan lebih kurang RM380.0 juta di bawah skim ini.

Sejak pelancaran program *Business Micro Community* (BMC) BSN pada 2022, 1,865 perniagaan mikro berjaya dinaiktaraf kepada status SME berikutan peningkatan perolehan tahunan mereka kepada RM300,000 ke atas. Program ini juga telah memberi kesan ekonomi yang positif dengan penciptaan hampir 10,000 pekerjaan baharu, di mana 60% daripadanya adalah pekerjaan sepenuh masa. Selain itu, kami telah bekerjasama dengan rakan-rakan strategik bagi menyediakan pengurusan kewangan, strategi perniagaan dan pemasaran serta latihan digitalisasi untuk lebih 5,400 perniagaan mikro pada TK2023.

Selaras dengan visi “Tiada Rakyat Malaysia yang Ketinggalan,” kami terus memberi tumpuan utama kepada penyediaan pembiayaan untuk segmen pendapatan rendah, khususnya kumpulan B40 dengan pendapatan isi rumah di bawah RM5,250. Setakat 31 Disember 2023, 68% (atau 286,500 akaun) daripada jumlah keseluruhan portfolio pembiayaan kami yang berjumlah RM19.5 bilion merupakan isi rumah B40 dengan pembiayaan sebanyak RM4.2 bilion untuk 61,918 akaun telah diluluskan sepanjang tahun.

Isi rumah B40 mewakili 73.5% (atau 73,300 akaun) daripada jumlah keseluruhan pembiayaan perumahan kami merangkumi pembiayaan perumahan untuk hartanah di bawah nilai RM300,000 seperti Projek Perumahan Rakyat (PPR), Perumahan Mampu Milik untuk B40, Perumahan Khas Pekerja Estet, dan pembeli rumah pertama. Di bawah skim ini, kami telah menyediakan pembiayaan untuk lebih kurang 66,100 peminjam B40 merangkumi RM8.0 bilion atau 79.7% daripada jumlah keseluruhan pembiayaan perumahan kami. Selain itu, 66.2% (atau 170,000 akaun) daripada pembiayaan peribadi kami dan 63.4% (atau 43,100 akaun) daripada pembiayaan Sewa Beli telah dilanjutkan kepada segmen ini.

Dalam memenuhi mandat institusi bagi memastikan akses kewangan untuk seluruh rakyat Malaysia, kami mengekalkan rangkaian perbankan cawangan terbesar di seluruh negara dengan 387 cawangan, dengan 179 cawangan terletak kawasan luar bandar serta 2 cawangan tambahan bank bergerak (CBB) yang membawa kepada 10 unit CBB kesemuanya yakni 5 unit di Sabah, 4 di Sarawak, dan 1 di Pahang.

BSN remains committed to fulfilling our mandated objectives in ensuring the delivery of financial services and enhancing financial accessibility for our targeted segments nationwide, specifically microentrepreneurs and B40 income group.

We maintained our position as the industry leader, holding a significant 54.3% of market share among 11 Micro Finance Institutions (MFIs) in 2023. Our commitment is evident by 86.5% increase in financing outstanding during the year to RM987.2m for over 40,000 customers and disbursed RM499.1 million was disbursed to nearly 16,300 customers.

In line with the Budget 2023: Malaysia Madani's objective to drive inclusive and sustainable economy, our focus remains to empower the micro, small and medium enterprises (PMKS) sector. BSN continued to provide micro-financing scheme through our own funded BSN Micro Kasih which was launched in April 2023, succeeding BSN Micro Semarak-i financing scheme. As at 31 December 2023, we have approved RM392.8 million for over 12,500 micro businesses and approximately RM380.0 million were disbursed under this scheme.

Kami terus menjadi peneraju industri dengan pegangan pasaran sebanyak 54.3% dalam kalangan 11 Institusi Kewangan Mikro (MFI) pada 2023.

We maintained our position as the industry leader, holding a significant 54.3% of market share among 11 Micro Finance Institutions (MFIs) in 2023.

Since the launch of BSN's Business Micro Community (BMC) programme in 2022, 1,865 micros have successfully elevated to SME status by growing their annual turnover to RM300,000 and above. This programme has also resulted to positive spill-over into the economy by creating nearly 10,000 new job, approximately 60% being in full-time employment. Additionally, we have collaborated with strategic partners to provide financial management, business and marketing strategies as well as digitalisation trainings to over 5,400 of micro businesses in FY2023.

In alignment with our vision of “No Malaysian Left Behind,” our primary focus continues to be providing financing to the low-income segment, particularly the bottom 40% income of population (B40) with household income below RM5,250. As at 31 December 2023, 68% (or 286,500 accounts) of our total financing portfolio amounting to RM19.5 billion were B40 households with RM4.2 billion financing for 61,918 accounts were approved during the year.

B40 household represented 73.5% (or 73,300 accounts) of our total home financing which includes home financing for properties below RM300,000 value, such as Project Perumahan Rakyat (PPR), Affordable Housing for B40, Special Estate Workers Housing and first-time home buyers. Under this scheme, we have provided financing to approximately 66,100 B40 borrowers which accounts for RM8.0 billion or 79.7% of our total home financing. Additionally, 66.2% (or 170,000 accounts) of our personal financing and 63.4% (or 43,100 accounts) of our Hire Purchase financing were extended to this segment.

In carrying our institutional mandates to ensure financial accessibility to all Malaysians, nationwide we have maintained the largest branch network with 387 branches, of which 179 are in rural areas and expanded additional 2 mobile bank branches (CBB) bringing the total of CBB to 10 units servicing Sabah (5 units), Sarawak (4 units) and Pahang (1 unit).

Mandat & Kelestarian/Mandate & Sustainability

Selain itu, kami mempunyai 2,398 ejen bank (EB) di seluruh negara bagi memastikan masyarakat di kawasan terpencil dan luar bandar mendapat akses kepada perkhidmatan perbankan asas seperti simpanan pengeluaran dan pembayaran bil. Secara keseluruhan, CBB kami telah memproses lebih 66 ribu urusniaga berjumlah RM18.6 juta manakala EB kami telah memproses 12.5 juta urusniaga berjumlah RM1.1 bilion.

Kami terus menyokong inisiatif Kerajaan untuk memupuk kesedaran kewangan menerusi program-program bersama pelajar, penjawat awam, dan golongan berpendapatan rendah mengenai kepentingan menabung, pengurusan kewangan, pambanteras penipuan kewangan, keselamatan perbankan dalam talian, serta perkongsian media sosial.

Kami juga telah membantu Kerajaan dalam menyalurkan Sumbangan Tunai Rahmah (STR) kepada lebih 8.6 juta individu dan isi rumah yang layak, berjumlah RM7.15 bilion.

RINGKASAN HASIL PEMBANGUNAN 2023

Program-program Celik Kewangan/Pendidikan

Selaku salah satu rakan di bawah Rangkaian Pendidikan Kewangan atau *Financial Education Network* (FEN), BSN telah memainkan peranan penting dalam memacu program-program celik kewangan samada bersendirian atau dengan kerjasama ahli-ahli FEN yang lain iaitu Kementerian Pendidikan (MoE), Bank Negara Malaysia (BNM), dan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). Kami juga telah bekerjasama dengan agensi-agensi seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Pada 2023, kami telah mengendalikan lebih kurang 500 sesi program Jelajah Celik Kewangan bagi memberi kesedaran kewangan kepada segmen sasaran kami (pelajar, guru-guru, penjawat awam, kakitangan agensi kerajaan, pekerja kolar biru, dan masyarakat terpinggir lain). Ini merangkumi topik-topik pengurusan kewangan, penipuan kewangan digital, serta perkongsian ilmu mengenai produk-produk pembiayaan dan pengurusan kekayaan yang sesuai. Sesi-sesi tersebut dijalankan di sekolah-sekolah di seluruh negara, termasuk di kawasan terpencil seperti Long Bang, Bario dan Long San di Sarawak.

BSN juga bekerjasama dengan MoE bagi membangunkan Modul Celik Kewangan yang dilancarkan pada 18 Oktober 2023 oleh Menteri Pendidikan. Modul celik kewangan ini telah dimuatnaik ke platform *Digital Educational Learning Initiative Malaysia* (DELIMa) bagi mendidik pelajar sekolah rendah dan menengah mengenai pengurusan kewangan, menabung, pelaburan, dan hutang.

Kami juga telah melawat lebih 3,700 sekolah untuk menyampaikan program celik kewangan berkaitan pengurusan kewangan dan bagi menerapkan tabiat menabung dalam kalangan pelajar serta guru-guru dan kakitangan sekolah.

Selaras dengan mandat kami untuk mempromosi dan menggiatkan tabiat menabung, kami terus menerapkan kepentingan menabung di lebih 10,200 sekolah menerusi skim BSN Smart Junior (BSJ) atau BSN Skim Galakan Simpanan Pelajar (BSN SGSP). Setakat 31 Disember 2023, lebih kurang 901,000 pelajar mempunyai akaun simpanan BSN dengan deposit berjumlah RM513.6 juta.

Additionally, we have 2,398 banking agents (EB) nationwide to ensure communities in remote and rural areas have access to basic banking services like deposits, withdrawals and bill payments. Collectively our CBB have processed more than 66 thousand transactions amounting to RM18.6 million and our EB have processed 12.5 million transactions amounting to RM1.1 billion.

We have continued to support Government's initiative to create financial awareness through our programmes with students, civil servants and low-income communities on the importance of savings, financial management, combating financial scams and safe online banking as well as social media postings.

Furthermore, we have also facilitated the Government in channelling the Sumbangan Tunai Rahmah (STR) cash aids to over 8.6 million eligible individuals and households totalling RM7.15 billion.

SUMMARY OF 2023 DEVELOPMENT OUTCOMES

Financial Literacy/Education Programmes

As one of the partners under Financial Education Network (FEN), BSN has been played an active role in driving financial literacy programmes independently as well as in collaboration with other members of the FEN, namely Ministry of Education (MoE), Bank Negara Malaysia (BNM) and Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). Additionally, we also collaborated with other agencies such as Polis Diraja Malaysia (PDRM) and Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

In 2023, we have carried out approximately 500 sessions of "Jelajah Celik Kewangan" programme to provide financial awareness to our targeted segments (i.e.: students, teachers, civil servants, government agencies staff, blue collared workers and other underserved communities). This includes topics that covers financial management, digital financial scams and fraud, knowledge sharing on suitable financing and wealth management products. The sessions were mainly conducted in schools nationwide, even to remote areas such as Long Bang, Bario and Long San in Sarawak.

BSN also partnered with MoE to develop Module Celik Kewangan which was launched on 18 October 2023 by the Minister of Education. The financial literacy module was uploaded on Digital Educational Learning Initiative Malaysia (DELIMa) platform to educate primary and secondary school students on financial management, savings, investment and debt.

Additionally, we have also visited more than 3,700 schools to deliver financial literacy programmes on financial management and to inculcate savings habits amongst students as well as the schools' teachers and staff.

True to our mandate to promote and mobilize savings, we have continuously inculcate the importance of savings with presence in over 10,200 schools through BSN Smart Junior (BSJ) scheme or BSN Skim Galakan Simpanan Pelajar (BSN SGSP). As at 31 December 2023, approximately 901,000 students have BSN savings account with total of RM513.6 million deposits.

HASIL PEMBANGUNAN & PENCAPAIAN MANDAT

DEVELOPMENTAL OUTCOMES & MANDATE ACHIEVEMENTS



Kami telah memenuhi aspirasi kami untuk menjadi peneraju pasaran dalam Kewangan Mikro dengan 54.3% daripada pasaran saham dengan RM566.9 juta yang dikeluarkan kepada lebih daripada 84,000 pelanggan sepanjang tahun.

We have met our aspiration to be the market leader in Micro Finance with 54.3% of the market share with RM566.9 million disbursed to more than 84,000 customers during the year.

Pada 2023, kami telah memperkenalkan kempen Sijil Simpanan Premium (SSP) Kasih untuk para penerima STR bagi memupuk tabiat menabung dalam kalangan mereka di samping berpeluang memenangi cabutan bertuah pada setiap suku tahun. Setakat 31 Disember 2023, 40.7% atau 1.5 juta daripada jumlah keseluruhan penyimpan SSP kami adalah dari kumpulan B40 dengan simpanan berjumlah RM1.1 bilion.

Kami juga telah memainkan peranan penting membantu Kerajaan mengagihkan RM654.2 juta di bawah Bantuan Awal Persekolahan (BAP) kepada lebih 4.4 juta pelajar bagi meringankan beban perbelanjaan persekolahan yang ditanggung oleh ibu bapa dan penjaga mereka.

Program Tanpa Tunai BSN

Bagi mengalakkan lagi urusan tanpa tunai, BSN telah mendidik para pelajar dan guru mengenai penggunaan kad debit menerusi Program Tanpa Tunai BSN. Pada 2023, kami telah menyediakan terminal-terminal pusat Jualan atau *Point of Sales* (POS) kepada 60 buah sekolah (daripada 181 sekolah) bagi membolehkan pembayaran tanpa tunai untuk lebih 29,000 pelajar.

Dengan kerjasama Lembaga Pembangunan Tioman (TDA), kami telah melancarkan masyarakat tanpa tunai di Pulau Tioman pada 7 Ogos 2023 di mana 68 peniaga dilengkapi dengan terminal POS bagi menggalakkan penggunaan pembayaran tanpa tunai. Peniaga kami juga menyertai program-program kesedaran mengenai penggunaan platform korporat dalam talian kami iaitu BSNeBiz bagi membantu peralihan mereka kepada masyarakat tanpa tunai.

Membiaya dan Memupuk Perniagaan Mikro

Tinjauan tahunan kami ke atas 15,109 perniagaan mikro di bawah program BMC semasa tahun kewangan telah mengenalpasti peningkatan lebih 1,673 (keseluruhannya 3,197 sejak 2022) perniagaan mikro dengan 784 peminjam (keseluruhannya 1,865 sejak 2022) ke taraf SME, dengan pencapaian perolehan jualan tahunan sebanyak RM300,000 dan ke atas.

Kemajuan pelanggan kami selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk memupuk pertumbuhan produktiviti dalam kalangan SME mikro (MSME). Bagi menyokong lagi pertumbuhan dan kestabilan pelanggan mikro kami, BSN telah bekerjasama dengan pelbagai rakan korporat termasuk Construction Industry Development Board (CIDB), Visa MYNIC Berhad, AKPK dan Maxis Berhad ganti serta juga Kementerian Kesihatan dalam menyediakan pelbagai latihan pengurusan kewangan dan perniagaan, pendigitalan perniagaan, dan pemasaran. Semasa tahun tinjauan, 62 program latihan telah dijalankan untuk 5,435 pelanggan kami oleh rakan korporat kami.

Kami berjaya memenuhi aspirasi untuk menjadi peneraju pasaran dalam Pembiayaan Mikro dengan 54.3% bahagian pasaran dan agihan RM566.9 juta kepada lebih 84,000 pelanggan semasa tahun tinjauan menerusi pelbagai skim termasuk Mikro Kasih, Mikro Semarak Niaga, dan Mikro Perusahaan Kecil Komuniti Cina.

In 2023, we have introduced Sijil Simpanan Premium (SSP) Kasih campaign for STR recipients to nurture the discipline of savings amongst with chances of winning draw, every quarter. As at 31 December 2023, 40.7% or 1.5 million of our total SSP depositors were from B40 amounting to RM1.1 billion.

We have also played a pivotal role facilitating the Government to distribute RM654.2 million under *Bantuan Awal Persekolahan* (BAP) to over 4.4 million students to aid children's schooling expenses borne by their parents and guardians.

BSN Cashless Programmes

To further promote adoption of cashless transactions, BSN have educated and encouraged students as well as teachers on the usage of debit card through our BSN Cashless Programme. In 2023, we have onboarded and deployed Point of Sales (POS) terminals to 60 schools (total of 181 schools) for cashless payments benefitting over 29,000 students.

Together with Lembaga Pembangunan Tioman (TDA), we have launched cashless society on Tioman Island on 7 August 2023 whereby 68 merchants were onboarded and provided with point-of-sales (POS) terminals during the year to encourage the use of cashless payment options. Our merchants were also provided with awareness programmes on the usage of our corporate online platform, BSNeBiz to assist businesses to transition to cashless community.

Financing and Nurturing Micro Businesses

Our annual review of 15,109 micro businesses under the BMC program during the year identified more than 1,673 (cumulatively, 3,197 since 2022) micro businesses saw improvement with 784 borrowers (cumulatively, 1,865 since 2022) graduated from micro to SME level, achieving RM300,000 and above annual sales turnover.

The progress of our customers is aligned with the Government's aspiration to foster productivity growth among micro SMEs (MSME). To further support the growth and stability of our micro customers, BSN have collaborated with various corporate partners including Construction Industry Development Board (CIDB), Visa MYNIC Berhad, AKPK and Maxis Berhad as well as Ministry of Health to provide multitude of trainings on financial and business management, business digitalization, and marketing. During the year, 62 training programmes were conducted for 5,435 of our customers by these partners.

We have met our aspiration to be the market leader in Micro Finance with 54.3% of the market share with RM566.9 million disbursed to more than 84,000 customers during the year through various schemes such as Micro *Kasih*, Micro *Semarak Niaga* and Micro *Perusahaan Kecil Komuniti Cina*.

Mandat & Kelestarian/Mandate & Sustainability

Skim Mikro Kasih dilancarkan pada April 2023 sebagai kesinambungan Mikro Semarak Niaga. Skim pembiayaan ini distruktur khusus untuk segmen mikro yang kurang mendapat perkhidmatan terutamanya usahawan wanita dan belia selain perniagaan pemula atau kecil, termasuk penjaja. Kami menawarkan pembiayaan untuk tujuan modal kerja dan perbelanjaan modal pada 4.00% setahun dengan agihan RM155.5 juta kepada lebih 3,500 usahawan wanita dan 2,000 usahawan belia.

Selain itu, kami juga telah memainkan peranan penting dalam menyokong inisiatif Kerajaan mempertingkatkan ekonomi digital dan pendedahan MSME kepada era digital menerusi Geran Digital Perusahaan Mikro Kecil & Sederhana (PMKS) Madani dan Geran Digital Penjaja Madani dengan kerjasama Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC). Sejak pelancaran geran-geran ini pada 2023, kami telah membantu mengagihkan RM33.2 juta kepada 10,000 perniagaan.

BSN telah memulakan satu program bagi memacu transformasi digital untuk Pelanggan Mikro. Kami telah bekerjasama dengan Dropee sejak Julai 2023, dengan inisiatif utama mempertingkatkan kapasiti pelanggan Pembiayaan Mikro kami dalam platform e-dagang. Terkini, kami telah berjaya mendaftar 27 pelanggan aktif dalam platform Dropee pada 2023.

Pembiayaan Sosial Islamik

Selaku salah satu institusi kewangan yang menyertai iTEKAD oleh BNM bagi menyokong dan memperkukuhkan pengurusan kewangan dan keselamatan usahawan mikro berpendapatan rendah, BSN telah membangunkan BSN Mulaniga bagi menyokong perniagaan Asnaf & B40. Di bawah program pembangunan keusahawanan ini, setiap peserta akan menerima geran RM10,000 untuk modal kerja atau pembelian aset/mesin serta latihan berstruktur. Seajar dengan pemantauan satu (1) tahun prestasi perniagaan mereka selepas pengagihan geran tersebut, BSN dan TERAS akan menilai kemajuan dan kelayakan para peserta untuk memohon pembiayaan mikro sehingga RM20,000 pada 0% untuk tempoh maksimum lima (5) tahun.

Dengan kerjasama Teraju Ekonomi Asnaf (TERAS), subsidiari Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), lima puluh empat (54) peserta telah menyertai program ini, di mana sembilan belas (19) berjaya menyelesaikannya dan pembiayaan RM27,000 diagihkan kepada dua (2) pelanggan. Kami juga telah memeterai kerjasama baharu dengan Hidayah Centre Foundation di mana tiga puluh (30) peserta dikenalpasti. Pada 2023, RM710,000 geran telah diagihkan kepada tujuh puluh empat (74) peserta baharu semasa tahun tinjauan.

Pada 31 Oktober 2023, BSN telah memeterai kerjasama strategik dengan Yayasan Waqaf Malaysia bagi meningkatkan kutipan dana waqf tunai menerusi platform perbankan kami. Kutipan waqf tunai tersebut akan diagihkan untuk pembangunan solar/tenaga, pendidikan, kesihatan, dan ekonomi.

Micro *Kasih* scheme was launched in April 2023 as a continuation of Micro *Semarak Niaga*. The financing scheme was structured to serve the underserved micro segments, particularly women and youth entrepreneurs as well as start-ups or small businesses, including hawkers. We offered financing for the purpose of working capital and capital expenditure at 4.00% per annum with RM155.5 million were disbursed to more than 3,500 women and 2,000 youths have benefitted from the scheme.

Additionally, we have also played a pivotal role supporting Government's initiative to reform the digital economy and increase the exposure of MSMEs to the digital era through *Geran Digital Perusahaan Mikro Kecil & Sederhana (PMKS) Madani* and *Geran Digital Penjaja Madani* together with Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) and Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC). Since the launched of the grants in 2023, we have we have facilitated the disbursement of RM23.4 million to over 6,886 MSMEs.

BSN has initiated a program to drive digital transformation for Micro Customers. We have been collaborating with Dropee since July 2023, and the main initiative is to enhance the capacity of our existing Micro Finance customers on the e-commerce platform. As of today, we have successfully enrolled 27 active customers into the Dropee platform in 2023.

Islamic Social Finance

As one of the participating financial institution of iTEKAD by BNM to support and strengthen low-income microentrepreneurs' financial management and sustainability, BSN has established BSN Mulaniga to support Asnaf & B40 businesses. Under the entrepreneurship development programme, each participant will receive a maximum of RM10,000 grant for their working capital or asset/machinery purchases and structured trainings. Pursuant to one (1) year monitoring of their business performance after disbursement of the grants, BSN and TERAS will assess the participants' progress and eligibility to apply for micro financing up to RM20,000 at 0% for a maximum tenure of five (5) years.

Together with Teraju Ekonomi Asnaf (TERAS), a subsidiary of Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), fifty-four (54) participants have embarked on this journey, of which nineteen (19) has completed the program and RM27,000 financing was disbursed to 2 (two) customers. We have also established a new partnership with Hidayah Centre Foundation whereby eighteen (18) more participants were identified. In 2023, RM710,000 grants were disbursed to the seventy-four (74) new participants onboarded during the year.

On 31 October 2023, BSN has entered into a strategic partnership with Yayasan Waqaf Malaysia to increase cash waqf fund collection through our banking platform. The cash waqf collected shall be distributed to solar/energy, education, health and economic development.

HASIL PEMBANGUNAN & PENCAPAIAN MANDAT

DEVELOPMENTAL OUTCOMES & MANDATE ACHIEVEMENTS

RANGKA KERJA UKURAN PRESTASI (PMF) & PENCIPTAAN TAMBAHAN

BSN terus komited dalam menginstitusikan PMF ke dalam perniagaan kami bagi memastikan keterangkuman kewangan dan akses untuk segmen berpendapatan rendah, perniagaan mikro dan penyimpan kecil yang kurang mendapat perkhidmatan perbankan, khususnya di kawasan luar bandar dan terpencil di seluruh negara.

Kami juga telah merangkumkan penunjuk PMF berikut ke dalam Kad Skor BSN serta KPI pengurusan kanan dan Pertengahan yang berkaitan di ibu pejabat, selain ke cawangan-cawangan.

PERFORMANCE MEASUREMENT FRAMEWORK (PMF) & ADDITIONALITY CREATION

BSN remains committed in institutionalising PMF into our business to ensure we continue to fulfil our mandate in ensuring financial inclusion and accessibility to the low-income segments, underserved micro businesses and small savers, particularly in rural and remote areas of the country.

We have also embedded the following PMF indicators into BSN's Corporate Scorecard and the KPIs of relevant senior and middle management in HQ, and expanded to the branches.

Tambahan Kewangan Financial Additionality	Penunjuk Indicators	Prestasi untuk TK2023 Performance for FYE2023	Nota Notes
1. Rangkuman kewangan dan jangkauan Financial inclusion and outreach	Titik akses perbankan menyediakan khidmat minimum seperti penerimaan deposit DAN khidmat pengeluaran wang oleh pelanggan Banking access points provides minimum services of accepting deposit AND facilitating withdrawal of funds by customers	Titik akses perbankan sebanyak 3,773 merangkumi: Banking access points totaled 3,773 of which: • 387 cawangan/branches • 574 ATM/ATMs • 147 CDM/CDMs • 257 CRM/CRMs • 10 unit cawangan bank bergerak (CBB)/ units of cawangan bank bergerak (CBB) • 2,398 EB BSN	Titik akses perbankan di kawasan luar bandar sebanyak 2,310: Banking access points servicing rural areas totaled 2,310: • 179 cawangan/branches (46.3%) • 237 ATM/ATMs (41.3%) • 79 CDM/CDMs (53.7%) • 101 CRM/CRMs (39.3%) • 10 unit cawangan bank bergerak (CBB)/units of cawangan bank bergerak (CBB) (100%) • 1,704 EB BSN (71.1%)
	Di mana: titik akses di kawasan kurang mendapat akses perkhidmatan (mukim dengan titik akses kurang daripada 5) Of which: access points in underserved areas (mukims with no more than 5 access points)	Titik akses perbankan di kawasan kurang mendapat akses perkhidmatan sebanyak 1,262 (33.6%) Banking access points in underserved areas totaled 1,262 (33.6%)	
	Di mana: EB BSN di kawasan kurang mendapat akses perkhidmatan (mukim dengan titik akses kurang daripada 5) Of which: EB BSN in underserved areas (mukims with no more than 5 access points)	EB BSN di kawasan kurang mendapat akses perkhidmatan 954 (40.0%) EB BSN in underserved areas: 954 (40.0%)	
2. Bilangan isi rumah B40 yang menerima pembiayaan BSN Number of B40 households benefitting from BSN financing	Pembiayaan yang diluluskan untuk isi rumah B40 Financing approved to B40 households	Pembiayaan yang diluluskan untuk B40 sebanyak 61,918 akaun, berjumlah RM4.19 bilion Approved financing to B40s totalled 61,918 accounts amounting to RM4.19 billion	Pembiayaan tertunggak kepada B40 berjumlah RM19.5 bilion Financing outstanding to B40s stood at RM19.5 billion

Mandat & Kelestarian/Mandate & Sustainability

Tambahan Kewangan Financial Additionality	Penunjuk Indicators	Prestasi untuk TK2023 Performance for FYE2023	Nota Notes
3. Bilangan perniagaan mikro yang menerima pembiayaan BSN Number of micro businesses benefitting from BSN financing	Pembiayaan diluluskan untuk perniagaan mikro Approved financing to micro businesses - Perniagaan baharu (<i>beroperasi kurang dari 3 tahun</i>) - Peminjam kali pertama (<i>baru kepada sistem perbankan BSN</i>) - Of which new businesses (<i>in operation less than 3 years</i>) - Of which first time borrowers (<i>new to BSN banking system</i>)	Kes diluluskan sebanyak 18,719 akaun berjumlah RM575.8 juta Approved cases totalled 18,719 accounts amounting to RM575.8 million - Kes perniagaan baharu yang diluluskan sebanyak 7,264 akaun berjumlah RM201 juta - Kes peminjam kali pertama yang diluluskan sebanyak 13,573 akaun berjumlah RM389.9 juta - Approved cases to new business totalled 7,264 accounts amounting to RM201 million - Approved cases to first time borrowers totalled 13,573 accounts amounting to RM389.9 million	Pembiayaan tertunggak kepada perniagaan mikro berjumlah RM1.8 bilion Financing outstanding to micro businesses stood at RM1.8 billion
4. Program Celik Kewangan Financial literacy programmes	Bilangan individu menerima manfaat daripada program celik kewangan BSN Number of individuals benefitting from BSN's financial literacy programmes - Di mana beberapa individu adalah belia - Of which a number of individuals are youth	900,484 individu menyertai program celik kewangan anjuran BSN 900,484 individuals had participated in BSN's financial literacy programme 503,571 adalah belia berusia 13 hingga 21 tahun 503,571 were youths aged 15 to 24 years old	Berdasarkan bilangan pendeposit di bawah Skim Galakan Simpanan Pelajar (SGSP) dan BSN Smart Junior (BSJ) yang berjaya membuka akaun bersama BSN pada TK23 Based on number of depositors that we have reached out under the Skim Galakan Simpanan Pelajar (SGSP) and BSN Smart Junior (BSJ) and have successfully opened account with BSN for FY23

Tambahan Reka Bentuk Design Additionality	Penunjuk Indicators	Prestasi untuk TK2023 Performance for FYE2023	Nota Notes
1. Naiktaraf perniagaan mikro menjadi PKS (di bawah program Komuniti Mikro-BMC BSN) Graduation of micro businesses to SME (under BSN's Micro Community-BMC programme)	Bilangan perniagaan mikro yang mencapai jualan tahunan RM300,000 ke atas Number of micro businesses achieving annual sales of RM300,000 and above	784 perniagaan mikro (Jumlah sejak pelancaran pada 2022: 1,865) 784 (Total since launch in 2022: 1,865) micro businesses	
2. Penciptaan pekerjaan baharu New job creation	Bilangan pekerjaan baharu yang tercipta Number of new jobs created	4,043 (Jumlah: 9,913) pekerjaan baharu dicipta oleh 2,702 entiti di mana: - Sepenuh masa: 2,433 (Jumlah: 5,912) - Separuh masa: 1,610 (Jumlah: 4,001) 4,043 (Total: 9,913) new jobs were created by 2,702 entities of which: - Full-time: 2,433 (Total: 5,912) - Part-time: 1,610 (Total: 4,001)	

HASIL PEMBANGUNAN & PENCAPAIAN MANDAT

DEVELOPMENTAL OUTCOMES & MANDATE ACHIEVEMENTS

Tambahan Reka Bentuk Design Additionality	Penunjuk Indicators	Prestasi untuk TK2023 Performance for FYE2023	Nota Notes
3. Bilangan Bahagian Pasaran Number of Market Share	Baki tertunggak untuk Dana BSN Outstanding financing for BSN Fund	54.3% (pertama dalam industri) 54.3% (1 st in industry)	
4. Micro-i Hasanah Micro-i Hasanah	Pembiayaan untuk graduan program iTekad Financing for graduates of the iTekad programme	Agihan RM27,000 untuk 2 peserta Disbursed RM27,000 for 2 participants	

Tambahan Dasar Policy Additionality	Penunjuk Indicators	Prestasi untuk TK2023 Performance for FYE2023	Nota Notes
1. Nasihat dasar oleh BSN yang diambil oleh Kerajaan Policy advice by BSN taken up by Government	Pengenalan produk baharu sebagai sebahagian daripada inisiatif kerajaan: i. Pembiayaan untuk Mikro dan penjaja Introduction of a new products as part of government initiatives: i. Financing for Micro and hawker	- Pengenalan Mikro & Penjaja Kasih pada April 2023 menawarkan pembiayaan mikro kepada segmen kurang mendapat akses perkhidmatan seperti wanita (Kasih-Nita), belia (Kasih-Belia), veteran (Kasih-veteran) dan penjaja (Penjaja Kasih) - Pengagihan RM379 juta kepada 12,119 usahawan - Introduced Mikro & Penjaja Kasih in Apr-23 offering micro financing to underserved segments such as women (Kasih-Nita), youths (Kasih-Belia), veterans (Kasih- Veteran) and hawker (Penjaja Kasih) - Disbursed RM379 million to 12,119 entrepreneurs	Peruntukan dana untuk Mikro & Penjaja Kasih berjumlah RM950 juta. Baki pembiayaan setakat 31 Disember 2023 sebanyak RM333.1 juta Allocated funds for Mikro & Penjaja Kasih was RM950m. Financing outstanding as at 31 Dec 2023 was RM333.1 million
	ii. Pembiayaan Peribadi ii. Personal Financing	- Pelancaran BSN MyRinggit Insan-i (Akaun 2 KWSP Fasilitas Sokongan) pada April 2023 dengan RM238 juta diagihkan kepada 12,406 pelanggan - Launched BSN MyRinggit Insan-i (EPF Account 2 Support Facility) in Apr-23 with RM238 million disbursed to 12,406 customers	Baki pada RM227.8 juta Outstanding stood at RM227.8 million
2. Ejen agihan untuk Geran Digital Perusahaan Mikro Kecil & Sederhana (PMKS) Madani dan Geran Digital Penjaja Madani Disbursmeent agent for Geran Digital Perusahaan Mikro Kecil & Sederhana (PMKS) Madani and Geran Digital Penjaja Madani	Geran inisiatif disediakan oleh MOF bagi membantu PMKS menggunakan perkhidmatan digital Initiative grant provided by MOF to assist MSME in utilising digital services	- Terkini, 6.9 ribu syarikat FinTech telah menerima geran berjumlah RM 23.4 juta - As at to date, 6.9k fintech companies received grant amounting to RM23.4 million	BSN telah menerima geran sebanyak RM100 juta untuk agihan BSN has received a grant of RM100 million for distribution

Mandat & Kelestarian/Mandate & Sustainability

Tambahan Demonstrasi Demonstration Additionality	Penunjuk Indicators	Prestasi untuk TK2023 Performance for FYE2023	Nota Notes
1. Kewangan Sosial Islamik; kerjasama dengan Teraju Ekonomi Asnaf Sdn. Bhd. (TERAS) dan Pusat Yayasan Hidayah untuk program iTekad Islamic Social Finance; collaborate with Teras and Hidayah Foundation Centre for iTekad programme	BSN MulaNiaga adalah program pembangunan keusahawanan bertempoh satu (1) tahun untuk golongan Asnaf & B40 BSN MulaNiaga is a one-year (1-year) entrepreneurship development programme for Asnaf & B40	- Sejumlah 74 peserta dengan 56 dari TERAS dan 18 dari Pusat Yayasan Hidayah - A total of 74 participants, with 56 from TERAS and 18 from Pusat Yayasan Hidayah	- Peserta yang memenuhi kriteria kelayakan akan menerima geran sehingga maksimum RM10,000 berdasarkan penilaian yang dilakukan BSN dan Rakan Pelaksana (Implementation Partner) - Participants who meet the criteria of qualification will receive a grant of up to RM10,000 maximum based on the assessments of BSN and the Implementation Partner
2. Penyertaan dalam Dana Pemodalan Semula SME Participate in SME Recapitalisation Fund	Skim ini bertujuan membantu SME yang terbukti atau matang dengan rekod yang kukuh sebelum COVID-19 yang pada masa kini sedang menghadapi masalah menerusi langganan i-Saham Pilihan Kumulatif Boleh Tebus (RCPS-i) The Scheme focus to assist SME companies that are established or matured with a strong track record prior to the COVID-19 pandemic whom are currently facing challenges via the subscription of Redeemable Cumulative Preference Shares-i (RCPS-i)	- Kami telah meluluskan RM2.8 juta untuk 2 peminjam - We have approved RM2.8 million for 2 borrowers	- Dana Pemodalan Semula SME dengan jumlah dana RM600 juta - Usahasama di antara BSN (RM100 juta), SME Bank (RM200 juta), dan Teraju (RM300 juta) - SME Recapitalisation Fund with total fund of RM600 million - Joint effort between BSN (RM100 million) & SME Bank (RM200 million) and Teraju (RM300 million)
3. Kursus latihan dan pengurusan kewangan yang ditawarkan kepada perniagaan mikro Training and financial management courses offered to micro businesses	Bilangan pelanggan mikro yang mendapat manfaat daripada latihan anjuran BSN Number of micro customers benefitting from training organised by BSN	5,435 pelanggan mikro dicalonkan oleh BSN untuk menghadiri latihan anjuran pelbagai rakan latihan 5,435 micro customers were nominated by BSN to attend training by various training partners	- Latihan anjuran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)/NiuAce, AmBank, Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKKM), Visa & AKPK untuk pelanggan mikro - Training conducted by Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)/NiuAce, AmBank, Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKKM), Visa & AKPK for micro customers

HASIL PEMBANGUNAN & PENCAPAIAN MANDAT

DEVELOPMENTAL OUTCOMES & MANDATE ACHIEVEMENTS

KERJASAMA DENGAN KERAJAAN

BSN terus memainkan peranan penting dalam menyokong usaha pembangunan Kerajaan memberi pembiayaan kepada rakyat Malaysia. Jadual di bawah menunjukkan prestasi skim pembiayaan Kerajaan yang disalurkan menerusi BSN pada 2023.

COLLABORATION WITH THE GOVERNMENT

BSN continues to play a pivotal role in supporting the Government's developmental efforts, to roll out financing to help Malaysians. The following table shows the performance of Government-led financing schemes channelled through BSN in 2023.

Skim Pembiayaan Financing Scheme	Tujuan Purpose	Saiz geran diterima setakat 31 Disember 2023 Grant size received as at 31 December 2023	Prestasi setakat 31 Disember 2023 Performance as at 31 December 2023	
			Pembiayaan Tertunggak Financing Outstanding	Bilangan peminjam yang dibantu ¹ Number of borrowers assisted ¹
Semarak Niaga Semarak Niaga	Kemudahan pembiayaan mikro di bawah Program Semarak Niaga Keluarga Malaysia (Semarak Niaga) yang ditawarkan kepada perusahaan mikro bagi memberi bantuan dan sokongan kepada perniagaan Micro financing facility under the Semarak Niaga Keluarga Malaysia (Semarak Niaga) Programme which is offered to the micro enterprises aimed to provide assistance and to support the businesses	RM800 juta/million	RM493.1 juta/million	18,564
Mikro & Penjaja Kasih Mikro & Penjaja Kasih	Kemudahan pembiayaan mikro bagi membantu penjaja dan pedagang mikro mengembangkan dan meningkatkan perniagaan mereka Micro financing facility to assist hawkers and micro traders to expand and improve their businesses	RM950 juta/million	RM333.1 juta/million	12,119
BSN MyRinggit Insan-i (Kemudahan Sokongan Akaun 2 KWSP) BSN MyRinggit Insan-i (EPF Account 2 Support Facility)	Kemudahan pembiayaan peribadi di bawah Kemudahan Sokongan Akaun 2 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Personal financing facility under the Employees Provident Fund (EPF) Account 2 Support Facility	N/A	RM227.8 juta/million	12,406
Geran Digital Perusahaan Mikro Kecil & Sederhana (PMKS) Madani dan Geran Digital Penjaja Madani Geran Digital Perusahaan Mikro Kecil & Sederhana (PMKS) Madani and Geran Digital Penjaja Madani	Geran oleh MOF bagi membantu MSME dalam menggunakan perkhidmatan digital Grant provided by MOF to assist MSME in utilizing digital services	RM100 juta/million grant	RM33.2 juta/million	10,292

TINJAUAN STRATEGIK STRATEGIC OUTLOOK



TAHUN 2023 YANG SEDERHANA

2023 adalah tahun yang perlahan di mana kadar pertumbuhan untuk kebanyakan ekonomi telah meningkat sederhana selepas menunjukkan 2 tahun pemulihan pasca pandemik yang kukuh. Pertumbuhan global telah meningkat sebanyak 3.1% pada 2023 ekoran kelembapan pertumbuhan dalam ekonomi maju, pasaran kewangan yang tidak menentu disebabkan dasar monetari yang ketat, ketegangan geopolitik yang berterusan, dan peningkatan perubahan iklim. Namun begitu, inflasi terus menurun apabila pasaran menuju kestabilan dalam rantai bekalan.

KDNK Malaysia mencatatkan pertumbuhan sebanyak 3.7% pada 2023, disokong oleh perbelanjaan pengguna yang kekal berdaya tahan, aktiviti berkaitan pelancongan yang rancak, serta pemulihan projek-projek infrastruktur. Pasaran buruh kekal baik berikutan pertumbuhan perkerjaan sebanyak 2.8% tahun-ke-tahun, sementara kadar pengangguran menurun kepada 3.4% pada 2023. Secara keseluruhan, sektor perkhidmatan, pembuatan, pertanian dan pembinaan masing-masing mengalami pertumbuhan sebanyak 5.3%, 0.7%, 0.7% dan 6.1%.

Dalam sektor perbankan, pinjaman runcit meningkat 7.7% pada Disember 2023, dari 6.8% pada 2022. Pembiayaan perumahan, pinjaman peribadi, sewa beli dan pinjaman kad kredit kekal teguh, masing-masing dengan catatan pertumbuhan tahun-ke-tahun sebanyak 7.3%, 5.8%, 9.8%, dan 10.8%. Angka-angka ini membuktikan daya tahan sektor perbankan Malaysia. Sementara itu, pinjaman keseluruhan di sektor perbankan kekal stabil pada 5.3% pada Disember 2023, dipacu oleh permintaan dari perniagaan dan pengguna.

Kadar Dasar Semalaman (OPR) telah dinaikkan lagi sebanyak 25 mata asas kepada 3.0% pada Mei 2023. Hal ini selepas kenaikan kadar faedah terkumpul sebanyak 100 mata asas kepada 2.75% pada 2022. Kenaikan OPR pada Mei 2023 dapat memberi impak positif pada margin faedah bersih (NIM) bank. Dengan pertumbuhan domestik yang kekal berdaya tahan, Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) menilai bahawa pelarasan tersebut adalah wajar. Secara keseluruhan, inflasi utama menjadi sederhana pada 2023, berbanding kemuncaknya pada 2022, dengan purata 2.5% untuk tahun tersebut. Nisbah pinjaman terjejas kasar (GIL) industri bertambah baik pada 1.65% pada Disember 2023 berbanding 1.72% pada Disember 2022.

Menurut laporan aktiviti pasaran hartanah NAPIC, jumlah nilai transaksi hartanah mencecah RM196.83 bilion, dengan 399,008 unit transaksi direkodkan pada 2023. Ini menunjukkan peningkatan 2.5% dalam volum dan 9.9% dalam nilai berbanding 2022. Hartanah kediaman mencatatkan 250,586 unit transaksi bernilai RM100.93 bilion pada tahun 2023, meningkat sebanyak 3.0% dalam volum dan 7.1% dalam nilai berbanding 2022. Dari segi permintaan, jumlah pinjaman yang dipohon untuk pembelian harta kediaman menurun sedikit sebanyak 0.7% berbanding 2022 manakala pinjaman yang diluluskan meningkat sedikit sebanyak 3.1%. Walaupun berdepan dengan persekitaran kewangan dan ekonomi global yang mencabar, pasaran hartanah kekal berdaya tahan.

A YEAR OF MODERATION IN 2023

2023 has been identified as a slowdown year as the pace of growth for many economies was moderate after the robust 2-year post-pandemic recovery. The global economy grew by 3.1% in 2023 following sluggish growth in advanced economies, volatile financial market due to tightening monetary policy, prolonged geopolitical tensions and increasing climate changes. Nevertheless, inflation continues to soften as the market heads towards supply chain stabilisation.

Malaysia's GDP registered a growth of 3.7% in 2023, anchored by continuous upbeat consumer spending, vibrant tourism-related activities and revival of infrastructure projects. The job market remains in good shape as reflected in continuous positive growth in employment by 2.8% year-on-year, with the unemployment rate improved to 3.4% in 2023. Overall, the services, manufacturing, agriculture and construction sectors all experienced growth, expanding by 5.3%, 0.7%, 0.7% and 6.1% respectively.

At the banking sector, retail loan growth rose by 7.7% in December 2023, up from 6.8% recorded in 2022. Mortgage, personal use, hire purchase and credit card lending remained robust, recording year-on-year growth of 7.3%, 5.8%, 9.8% and 10.8% respectively. These figures testify to the overall resilience of the Malaysian banking sector. Meanwhile, overall industry loan growth remained steady at 5.3% in December 2023, driven by demand from both businesses and consumers.

The Overnight Policy Rate (OPR) was increased by another 25 basis points to 3.0% in May 2023. This followed a cumulative increase of 100 basis points in 2022, raising the OPR to 2.75%. The impact of the OPR hike in May 2023 has been reflected in banks' net interest margin (NIM), capturing the positive impact from the interest rate increase. With the domestic growth remained resilient, the Monetary Policy Committee (MPC) assessed that the adjustment was timely to further normalise the degree of monetary accommodation. Overall, headline inflation moderated in 2023, compared to its peak in 2022, averaging 2.5% for the year. The industry's gross impaired loans (GIL) ratio improved to 1.65% in December 2023 compared to 1.72% in December 2022.

According to the NAPIC's property market activity, total property transaction value reached RM196.83 billion, with 399,008 unit transactions recorded in 2023. This represents a 2.5% increase in volume and 9.9% in value compared to 2022. The residential property saw 250,586 unit transactions worth RM100.93 billion in 2023, increasing by 3.0% in volume and 7.1% in value compared to 2022. On the demand side, the total loans applied for the purchase of residential property slightly decreased by 0.7% as compared to 2022 while approved loans increased marginally by 3.1%. Despite the challenging global financial and economic environment, the property market managed to stay poised and resilient.

TINJAUAN STRATEGIK

STRATEGIC OUTLOOK



Walaupun menghadapi persekitaran luaran yang mencabar, pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka lebih kukuh dan berkembang antara 4% hingga 5%, disokong oleh perbelanjaan pengguna yang berdaya tahan, momentum pelaburan swasta dan infrastruktur yang berterusan.

Despite persistent challenges in the external environment, Malaysian economic growth is expected to strengthen, growing in the range of 4% to 5%, underpinned by resilient consumer spending, sustained private and infrastructure investment momentum.

Sektor hartanah telah mengekalkan momentum pemulihannya sejajar dengan pertumbuhan ekonomi. Inisiatif Belanjawan 2023 seperti pengecualian duti setem untuk pembeli rumah pertama untuk hartanah bernilai sehingga RM500,000 sehingga 31 Disember 2025 akan menyokong aktiviti pasaran hartanah, selain peningkatan dasar dan pelaksanaan inisiatif di bawah Rancangan Malaysia ke-12.

Pada 2023, sektor automotif Malaysia memecahkan rekod volum industri keseluruhan (TIV) sebanyak 11% berjumlah 799,731 unit, berbanding rekod sebelumnya sebanyak 721,177 unit pada 2022. Volum yang kukuh ini didorong oleh persekitaran rantai bekalan yang lebih baik, pelbagai pelancaran baharu, serta pemenuhan tempahan kereta bebas cukai. Selain itu, kedatangan baru pasaran kenderaan elektrik bateri (BEV) berjaya menarik pelanggan dan jualan yang lebih banyak. TIV pada 2H23 adalah 18% lebih tinggi berbanding TIV pada 1H23, berikutan desakan akhir oleh syarikat-syarikat untuk memenuhi pesanan pada 2H.

PERMINTAAN DOMESTIK YANG BERDAYA TAHAN DI SEBALIK KETIDAKTENTUAN PERSEKITARAN LUAR

IMF mengunjurkan pertumbuhan global perlahan kepada 3.2% pada 2024. Pengetatan dasar monetari di kebanyakan negara, kelembapan yang lebih meruncing dari jangkaan di China, pencerobohan di Ukraine, ketegangan dagangan AS-China, dan kesan peningkatan kadar faedah yang lebih teruk ke atas pasaran kewangan global merupakan di antara risiko penurunan dagangan global yang perlahan tahun ini. Namun, ketidakpastian dalam tinjauan global, ketidaktentuan kenaikan kadar faedah oleh Rizab Persekutuan AS, kegawatan sektor kewangan di AS dan Eropah, serta konflik geopolitik yang semakin runcing yang mengakibatkan peningkatan harga komoditi memberi cabaran kepada Malaysia. Walaupun menghadapi persekitaran luaran yang mencabar, pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka lebih kukuh dan berkembang antara 4% hingga 5%, disokong oleh perbelanjaan pengguna yang berdaya tahan, serta pemulihan dalam perkhidmatan berkaitan dagangan dan industri pembuatan iaitu pelancongan dan elektronik.

Penggunaan swasta dijangka kekal berdaya tahan pada 2024 pada 5.7%, disokong oleh peningkatan yang berterusan dalam pasaran buruh dan prospek pendapatan serta aktiviti ekonomi dan sosial domestik yang lebih kukuh. Selain itu, inisiatif kerajaan termasuk pemindahan tunai kepada kumpulan sasaran dan subsidi tersasar seperti yang digariskan dalam Belanjawan 2024 dijangka akan memperkukuhkan perbelanjaan isi rumah. Sementara itu, pelaburan swasta dijangka memacu sebanyak 6.1% pada 2024. Pertumbuhan ini selari dengan peningkatan persekitaran luar dan sentimen perniagaan yang lebih menggalakkan. Pelabur dijangka memberi tindakbalas positif kepada strategi-strategi dan langkah-langkah kerajaan bagi menarik pelaburan berteknologi tinggi dan bernilai tinggi, seperti yang digariskan di bawah Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) dan Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030.

The property sector has sustained its recovery momentum in line with economic growth. Initiatives envisaged in Budget 2023 such as stamp duty exemptions for first-time house buyers for properties worth up to RM500,000 until 31 December 2025 will also help support property market activities, in addition to accommodating policies and the implementation of initiatives under the 12th Malaysia Plan.

Malaysia's automotive sector achieved a record breaking 2023 with total industry volume (TIV) at 11% of 799,731 units, from the previous record of 721,177 units in 2022. The strong volume was attributable to the better supply-chain environment, wide range of new launches and fulfilment of tax-free cars bookings. Furthermore, new entrants to the battery electric vehicle (BEV) market succeeded in attracting customers and drawing in more sales. Notably, 2H23 TIV was 18% higher than 1H23 TIV, considering the final push by companies to deliver the orders in the 2H.

RESILIENT DOMESTIC DEMAND AMIDST EXTERNAL UNCERTAINTIES

The IMF forecasts global growth to slow to 3.2% in 2024. The tightening of monetary policy in many countries, a sharper-than-expected slowdown in China, the invasion of Ukraine, US-China trade tensions, and a more severe impact of rising interest rates on global financial markets are among the downside risks to tepid global trade growth this year. Notwithstanding, the uncertainty in the global outlook, US Fed rate hike uncertainties, financial sector turmoil in the US and Europe, and worsening geopolitical conflict leading to higher commodity prices pose potential challenges to Malaysia. Despite persistent challenges in the external environment, Malaysian economic growth is expected to strengthen, growing in the range of 4% to 5%, underpinned by resilient consumer spending, sustained private and infrastructure investment momentum and recoveries in trade-related services and manufacturing industries, namely tourism and electronics.

Private consumption is expected to remain resilient in 2024 at 5.7%, supported by continued improvement in the labour market and income prospects as well as stronger domestic economic and social activities. In addition, government initiatives, including cash transfers to targeted groups and targeted subsidies outlined in Budget 2024 are envisaged to bolster household spending. Meanwhile, private investment is poised to accelerate further by 6.1% in 2024. This growth is closely aligned with an improved external environment and more favourable business sentiments. It is envisaged that investors will respond positively to the government's strategies and measures designed to attract high-tech and high-value investments, as outlined under The National Energy Transition Roadmap (NETR) and The New Industrial Master Plan (NIMP) 2030.



Selepas kenaikan kadar kumulatif sebanyak 125 mata asas yang menormalkan OPR kepada 3% pada Mei 2023, Bank Negara Malaysia (BNM) dijangka mengekalkan OPR pada 3% sepanjang 2024, mencerminkan komitmennya dalam menyokong pertumbuhan ekonomi di sebalik tekanan inflasi yang stabil.

After a cumulative rate hike of 125bps normalising OPR to 3% in May 2023, Bank Negara Malaysia (BNM) is expected to keep the OPR unchanged at 3% throughout 2024, reflecting its commitment to supporting economic growth amidst stable inflationary pressures.

Selepas kenaikan kadar kumulatif sebanyak 125 mata asas yang menormalkan OPR kepada 3% pada Mei 2023, Bank Negara Malaysia (BNM) dijangka mengekalkan OPR pada 3% sepanjang 2024, mencerminkan komitmennya dalam menyokong pertumbuhan ekonomi di sebalik tekanan inflasi yang stabil. Kadar inflasi diramalkan antara 2.0% to 3.5%, sebahagiannya disebabkan oleh jangkaan peralihan secara berperingkat ke arah mekanisme pelaksanaan subsidi bersasar bagi memastikan pengagihan sumber yang lebih saksama.

Pada 2024, sektor perbankan Malaysia, selaku peneraju ekonomi, dijangka mengalami peningkatan 4.5% hingga 5.5% dalam pertumbuhan pinjaman. Peluang yuran berpotensi meningkat dengan perbelanjaan kad kredit yang sihat dan peningkatan yuran berkaitan pinjaman. Di sebalik ketidakpastian persekitaran luar, pinjaman pengguna dijangka mengatasi pinjaman perniagaan. Begitu juga, Penarafan RAM menjangkakan pertumbuhan pinjaman sekitar 5% pada 2024, dengan pinjaman isi rumah dijangka terus menjadi pamacu utama, disokong oleh pasaran buruh yang kukuh. Tambahan lagi, kajian meramalkan peningkatan keuntungan bank yang sederhana ekoran margin pertumbuhan pinjaman yang lebih baik serta kemungkinan peruntukan yang lebih rendah.

Pasaran buruh dijangka terus kukuh pada 2024, disokong oleh momentum positif yang berterusan dalam ekonomi domestik dan pemulihan dagangan luar. Penciptaan pekerjaan dan kadar pengangguran dijangka kembali ke tahap pra-pandemik iaitu 3.3% pada 2024. Selain itu, inisiatif kerajaan mencipta pekerjaan dan tumpuan ke atas pelaksanaan program-program peningkatan kemahiran serta strategi-strategi untuk beralih struktur perindustrian ke arah teknologi akan meningkatkan lagi produktiviti buruh, sekaligus mengunjurkan kesinambungan momentum pemulihan pasca-pandemik serta pengembangan lanjut semua sektor ekonomi yang akan meningkatkan permintaan lebih ramai pekerja.

After a cumulative rate hike of 125bps normalising OPR to 3% in May 2023, Bank Negara Malaysia (BNM) is expected to keep the OPR unchanged at 3% throughout 2024, reflecting its commitment to supporting economic growth amidst stable inflationary pressures. The inflation rate is forecast to range from 2.0% to 3.5% in 2024, partly ascribed to the progressive adoption of a targeted subsidy mechanism aimed at promoting a more equitable resource distribution.

In 2024, the Malaysian banking sector, as a bellwether of the economy, is expected to see a 4.5% to 5.5% improvement in loan growth. Fee opportunities could improve from healthy credit card spending and a pick-up in loan-related fees. Amidst external uncertainties, consumer loans are expected to surpass business loans. Likewise, RAM Ratings foresees loan growth of around 5% in 2024, with household loans expected to continue being the primary driver, buoyed by strong labour market conditions. Furthermore, the research house predicts modest profit improvement in banks on account of marginally better loan growth and potentially lower provisions.

Labour market is predicted to strengthen further in 2024 underpinned by continuous upbeat momentum in the domestic economy and recovery in external trade. Healthy job creation and the unemployment rate projected to revert to pre-pandemic levels of 3.3% in 2024. In addition, the government's initiatives to create jobs and focus on the implementation of talent skills enhancement programmes and strategies to shift industrial structure towards technology-driven will further boost labour productivity, thus anticipating the post-pandemic recovery momentum to continue and all economic sectors to expand further, demanding more workers.

TINJAUAN STRATEGIK STRATEGIC OUTLOOK

Pasaran automatif dijangka menguncup sebanyak 4.3% pada 2024, dengan Persatuan Automatif Malaysia (MAA) mengunjurkan jumlah volum industri (TIV) sebanyak 765,000 unit. Tinjauan konservatif ini terhasil daripada normalisasi jualan kenderaan selepas tamat tempoh pengecualian SST serta jangkaan pelaksanaan mekanisme subsidi bersasar kerajaan, yang berkemungkinan mempercepatkan inflasi dan memberi impak negatif ke atas pendapatan boleh guna dan penggunaan swasta. Namun, insentif berkaitan kenderaan elektrik (EV) dalam Belanjawan 2024 akan menyokong pembangunan dan prospek jangka panjang sektor automobil. Insentif menerusi rebat serta pengecualian dan penolakan cukai akan meningkatkan kemampuan memiliki EV dan membolehkan sektor ini memperluaskan pasaran sasarannya.

Pada 2024, sektor hartanah dijangka kekal positif berdasarkan permohonan pinjaman terkini yang sihat, peningkatan pinjaman yang diluluskan, serta potensi projek-projek infrastruktur yang baharu. Menurut data BNM, permohonan pinjaman kumulatif untuk pembelian hartanah meningkat sebanyak 5.7% tahun-ke-tahun pada 2023 di mana minat pembelian hartanah kekal positif pasca pembukaan semula ekonomi dan sempadan negara. Sementara itu, pinjaman kumulatif yang diluluskan meningkat 7.3% pada 2023. Cadangan-cadangan utama berkaitan sektor hartanah yang diumumkan dalam Belanjawan 2024, seperti pelonggaran syarat-syarat untuk *Malaysia My Second Home* (MM2H), berpotensi menarik minat lebih ramai pembeli hartanah antarabangsa selain menangani isu hartanah tidak terjual di Malaysia, khususnya di Kuala Lumpur, Johor, dan Pulau Pinang. Selain itu, peruntukan skim jaminan pinjaman perumahan di bawah Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) akan meningkatkan akses kepada pembiayaan untuk pembeli rumah pertama. Pengkalan OPR akan memberi impak positif kepada pemulihan permintaan hartanah untuk baki tahun 2023 dan 2024, justeru membantu golongan B40 dan M40 memohon pinjaman selain mendorong lebih banyak pembelian rumah. Ini sejajar dengan usaha kerajaan meningkatkan ketersediaan perumahan mampu milik, seperti yang digariskan dalam Semakan Pertengahan Penggal Rancangan Malaysia ke-12 (12MP MTR) dan skim Kejiranan MADANI. Tambahan lagi, kerajaan akan terus menekankan penyediaan perumahan mampu milik selain memperkukuhkan segmen perumahan awam, termasuk penyediaan kemudahan yang lebih baik untuk perumahan awam. Kerajaan mungkin akan melibatkan pemaju swasta untuk mencapai matlamatnya menyediakan lebih banyak rumah mampu milik. Langkah ini bermanfaat untuk pemaju dengan pendedahan dalam segmen perumahan mampu milik.

Secara ringkasnya, ekonomi Malaysia dijangka mengalami pemulihan yang kukuh pada 2024. Semua sektor ekonomi dijangka menerima manfaat daripada dasar-dasar terkini seperti NETR, NIMP 2030, dan 12MP MTR, yang selari dengan rangka kerja Ekonomi MADANI. Melangkah ke hadapan, keberkesanan pelaksanaan dasar-dasar ini akan meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi dan daya tahan negara selain mengutamakan kebijakan Rakyat di kala Malaysia menghadapi cabaran-cabaran lanskap global.

The automotive market is projected to contract by 4.3% in 2024, with the Malaysian Automotive Association (MAA) forecasting total industry volume (TIV) at 765,000 units. The conservative outlook stems from normalisation of vehicle sales after the SST exemption expiry and the anticipated rollout of the government's targeted subsidy mechanism, which could potentially accelerate inflation while negatively impacting consumers' disposable income and private consumption. However, the electric vehicle (EV) -related incentives in Budget 2024 will support the development and long-term prospects of the automobile sector. Incentives through rebates, tax relief, and deductions will increase EV affordability and enable the sector to expand its target market.

Ekonomi Malaysia dijangka mengalami pemulihan yang kukuh pada 2024. Semua sektor ekonomi dijangka menerima manfaat daripada dasar-dasar terkini seperti NETR, NIMP 2030, dan 12MP MTR, yang selari dengan rangka kerja Ekonomi MADANI.

The Malaysian economy is poised for a steady recovery in 2024. All economic sectors are expected to benefit from the recent policies such as NETR, NIMP 2030 and 12MP MTR, which are in tandem with the Ekonomi MADANI framework.

The property sector in 2024 is expected to remain positive based on the current healthy loan applications, higher approved loans, and potential new infrastructure projects. According to data released by BNM, cumulative loan applications for the purchase of property increased by 5.7% year-on-year in 2023 as buying interest on properties remained healthy post-reopening of the economy and country borders. Meanwhile, cumulative approved loans increased by 7.3% in 2023. On the other hand, key proposals related to the property sector that were announced in Budget 2024, such as the relaxation of conditions for Malaysia My Second Home (MM2H), are likely to attract more international property purchasers and address overhang issues in Malaysia, particularly in Kuala Lumpur, Johor, and Penang. Additionally, the provision of house loan guarantee schemes under the Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) will make financing more accessible to first-time house buyers. The unchanged OPR should bode well

for a recovery in demand for property for the rest of 2023 and 2024, thus helping the B40 and M40 to be better positioned to apply for loans and encourage more home purchases. This also aligns with the government's endeavours to increase the availability of affordable housing, as outlined in the 12th Malaysia Plan Mid-Term Review (12MP MTR) and the MADANI Neighbourhood scheme. In addition, the government may continue to emphasis on providing affordable housing as well as strengthening the public housing segment, including providing better amenities for public housing. The government may rope in private developers to achieve its goal in providing more affordable homes. This could benefit developers with exposure in the affordable housing segment.

In a nutshell, the Malaysian economy is poised for a steady recovery in 2024. All economic sectors are expected to benefit from the recent policies such as NETR, NIMP 2030 and 12MP MTR, which are in tandem with the Ekonomi MADANI framework. Looking ahead, effective implementation of these policies will further enhance the nation's economic growth and resilience and prioritise the welfare of the Rakyat as Malaysia navigates through the challenging global landscape.

BSN PADA 2024: PRESTASI YANG MAMPAN

Bagi tahun 2024, BSN akan melaksanakan strategi komprehensif selari dengan matlamatnya untuk terus maju ke hadapan.

Komitmen kepada kecemerlangan operasi menjadi fokus utama kami, dengan pendekatan dwi-transformasi yang bakal membentuk semula lanskap operasi. Secara dalaman, integrasi elemen-elemen 5C bakal merevolusikan dinamik kerja di BSN. Transformasi ini bermatlamat memfokuskan semula kakitangan BSN ke arah kecemerlangan operasi menerusi peningkatan proses yang teliti, sejajar dengan komitmen organisasi terhadap kebolehsuaian dan kecekapan. Dalam usaha transformatif ini, BSN akan merevolusikan lanskap perbankanannya menerusi inovasi perbankan digital yang teguh. Evolusi ke arah inovasi perbankan digital dan perkhidmatan nilai tambah ini akan dilaksanakan secara berperingkat, bagi memastikan ia sejajar dengan ketersediaan Insan, Proses, dan Teknologi. Transformasi IT bertindak sebagai asas penting, menyediakan pendorong yang kukuh dan stabil bagi menyokong kemajuan digital dan operasi menerusi arkitektur perusahaan. Integrasi strategik ini memastikan kebolehsuaian dan kestabilan dalam lanskap yang pantas berubah, membentuk tunjang usaha transformasi BSN.

Pada masa sama, tumpuan strategik BSN ke atas pertumbuhan aset dan liabiliti telah mengutuhkannya di pasaran. Bagi meningkatkan pertumbuhan dalam Aset, Liabiliti, dan Pendapatan Berasaskan Yuran, BSN memberikan tumpuan secara strategik ke arah Inovasi Produk, Kerjasama, dan Kempen Taktikal. Prinsip asas *Optimise, Innovate dan Scale Up* telah diterapkan untuk mendapatkan kesan yang optima.

Dalam memenuhi mandatnya, BSN terus berusaha mencapai penyelesaian inovatif dan mewujudkan kerjasama strategik dengan kerajaan, pihak berkepentingan, dan masyarakat setempat. Dengan memanfaatkan teknologi, membina kerjasama strategik, dan membangunkan produk-produk kewangan bersesuaian, BSN akan memperluaskan jangkauannya ke kawasan pedalaman, memastikan akses kewangan yang inklusif, dan memastikan tiada rakyat terkecuali daripada menerima manfaat produk-produk kami. Sehingga hari ini, kami mempunyai 387 cawangan (208 di bandar; 179 di luar bandar) dengan liputan perkhidmatan di 95.8% mukim, 10 Cawangan Bank Bergerak (CBB), 54.3% bahagian pasaran Kewangan Mikro, dan 2,398 EB. Bank akan terus mengukuhkan kedudukannya dengan sokongan pihak berkepentingan dalaman serta pelanggan setia kami.

Mendokong tonggak tadbir urus dan integriti, fungsi-fungsi kawalan audit, risiko, dan pematuhan kekal teguh dengan komitmen mereka. Tumpuan Pematuhan merangkumi digitalisasi dan pengurusan penipuan, disokong oleh usaha berterusan program-program latihan dan kesedaran. Pensijilan dalaman AML/CFT, strategi pengurusan penipuan berpusat, dan proses-proses pematuhan yang diselaraskan menyumbang kepada pengurusan risiko yang mantap.

Inisiatif-inisiatif pengurusan risiko pula merangkumi penambahbaikan kad skor, ujian tekanan risiko iklim, perlindungan kecairan, automasi proses risiko operasi, peningkatan keselamatan siber, dan sokongan ketersediaan Perbankan Islam.

Selain itu, inisiatif-inisiatif sumber manusia mencerminkan dedikasi kami dalam membina sebuah organisasi yang mampan, memupuk bakat, dan memupuk budaya yang selari dengan visi jangka panjang kami. Pendekatan holistik ini menjadikan BSN peneraju inovasi dan daya tahan, yang bersedia menghadapi kesukaran lanskap kewangan pada tahun mendatang.

BSN IN 2024: SUSTAINABLE PERFORMANCE

As we stand at the threshold of 2024, BSN's vision is resolute and forward-focused, encapsulating a comprehensive strategy for the year.

Our commitment to operational excellence takes center stage, with a dual transformation approach poised to reshape the operational landscape. Internally, the integration of the 5Cs elements is set to revolutionize the working dynamics within BSN. This transformation aims to refocus BSN staff towards operational excellence through meticulous process improvements, aligning with the organisation's commitment to adaptability and efficiency. Embarking on a transformative journey, BSN is poised to revolutionize its banking landscape through a robust digital banking proposition. This evolution towards digital banking innovation and value-added services unfolds methodically in phased stages, ensuring scalability proportionate to People, Processes, and Technology readiness. The IT transformation serves as a foundational pillar, providing a solid and stable enabler to support digital and operational advancements through enterprise architecture. This strategic integration ensures adaptability and stability in a rapidly evolving landscape, forming the backbone of BSN's transformation journey.

Simultaneously, BSN's strategic focus on robust growth across assets and liabilities promises dynamic market positioning. To propel robust growth in Asset, Liability, and Fee-Based Income, the business is strategically pivoting its focus towards Product Innovation, Collaborations, and Tactical Campaigns. The foundational principles of *Optimise, Innovate, and Scale Up* have been ingrained for optimal outcomes.

In fulfilling its mandate, BSN unwaveringly pursues innovative solutions and establishes strategic partnerships with the government, stakeholders, and local communities. Leveraging on technology, forging strategic alliances, and designing customized financial products, BSN is dedicated to extending its reach to the remotest areas, ensuring inclusive financial access and leaving no one underserved or excluded from the benefits of our offerings. To-date, we are present at 387 branches (208 urban; 179 rural) with 95.8% mukims served, 10 *Cawangan Bank Bergerak (CBB)*, 54.3% market share on Micro Finance and 2,398 EBs. The Bank will continue to grow from strength to strength with the support from not only our internal stakeholders but also from our loyal customers'.

Upholding the pillars of governance and integrity, control functions in audit, risk, and compliance remain steadfast in their commitment. The focus on Compliance entails digitalization and fraud management, bolstered by continuous efforts in training and awareness programmes. Internal AML/CFT certification, centralized fraud management strategy, and streamlined compliance processes contribute to robust risk management.

Risk management initiatives on the other hand encompass refinement of scorecards, climate risk stress testing, safeguarding liquidity, operational risk process automation, cybersecurity enhancements, and support for Islamic Banking readiness.

Additionally, our human resource initiatives echo our dedication to building a sustainable organisation, nurturing talent, and fostering a culture aligned with our long-term vision. This holistic approach positions BSN at the forefront of innovation and resilience, ready to navigate the complexities of the financial landscape in the year ahead.

LAPORAN AKTIVITI

ACTIVITY REPORT

January

January

PELANCARAN HADIAH BAHARU BSN SSP 2023

Acara pelancaran hadiah baharu BSN Sijil Simpanan Premium (SSP) 2023 telah berlangsung pada 5 - 8 Januari 2023 di AEON Mall, AU2, Setiawangsa, Kuala Lumpur.

Kempen BSN SSP ini telah melahirkan seramai 83 jutawan setakat Disember 2022. Pembaharuan yang dilaksanakan pada tahun 2023 adalah dengan menyediakan hadiah baharu melalui kategori cabutan lain.

Selain menawarkan hadiah berjumlah RM1 juta, kereta mewah seperti BMW X5, BMW 320i M Sport, kereta Myvi dan pelbagai hadiah lumayan yang lain juga ditawarkan.



LAUNCH OF NEW BSN SSP PRIZE 2023

The launching of the new BSN SSP 2023 prize was held on 5 - 8 January at AEON Mall, AU2, Setiawangsa, Kuala Lumpur.

The BSN SSP campaign has produced 83 millionaires as of December 2022. In 2023, a new prize was introduced in other draw categories.

Apart from the RM1 million prize money, also offered are luxury cars including a BMW X5, BMW 320i M Sport, MyVi and other lucrative prizes.

April

April

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA BSN DAN PKNS

Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) bekerjasama dengan Bank Simpanan Nasional (BSN) dalam memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) menerusi penawaran kemudahan pembiayaan perumahan kepada pembeli rumah PKNS yang sekali gus membuka peluang kepada mereka untuk memenangi hadiah kelengkapan rumah berharga sehingga RM50,000.

Kerjasama strategik ini membolehkan kedua pihak memperoleh manfaat bersama dalam usaha meningkatkan kemajuan sektor perumahan khususnya di negeri Selangor di bawah pembangunan PKNS dengan tawaran pakej pembiayaan yang komprehensif dari BSN meliputi projek pembangunan hartanah PKNS yang telah siap atau sedang dibina.

MoU itu ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif PKNS, Dato' Mahmud bin Abbas manakala BSN diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Jay Khairil di Ibu Pejabat PKNS, Shah Alam.



MEMORANDUM OF UNDERSTANDING BETWEEN BSN AND PKNS

Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) and Bank Simpanan Nasional (BSN) signed a Memorandum of Understanding (MoU) via the offering of a housing financing facility to buyers of PKNS houses, which also gave them the opportunity to win house appliances worth up to RM50,000.

This strategic cooperation enables both parties to benefit from the advancement in the housing sector particularly in Selangor under PKNS with a comprehensive financing package from BSN which covers property development projects under PKNS that have been completed or are under construction.

The MoU was signed by the CEO of PKNS, Dato' Mahmud bin Abbas while BSN was represented by its CEO, Jay Khairil at the PKNS Headquarters, Shah Alam.

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA BSN DAN ANAK SYARIKAT ANDALUSIA

Bank Simpanan Nasional (BSN) melebarkan jaringan kerjasama strategik dengan memeterai perjanjian persefahaman (MoU) bersama empat (4) lagi syarikat berdaftar di bawah Kementerian Pelancongan iaitu Maqbul Travel & Tours Sdn. Bhd, Labbaik Travel & Tours Sdn. Bhd, Fa Izin International Travel & Tours Sdn. Bhd dan Mahabbaten Travel & Tours Sdn. Bhd.

MoU ini bertujuan untuk melaksanakan pakej pembiayaan peribadi patuh syariah bagi ibadah umrah dan pelancongan mesra muslim. Sebelum ini, BSN telah menjalinkan kerjasama strategik bersama dua (2) syarikat pelancongan bagi menawarkan pakej pembiayaan peribadi yang sama menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak enam (6) syarikat.

Perjanjian persefahaman ini telah ditandatangani oleh Mujibburrahman Abd Rashid, Ketua Pegawai Perniagaan BSN bersama Firdaus Hamdi Ibrahim, Pengarah Urusan Maqbul Travel & Tours Sdn. Bhd; Ustaz Muhidin Mokter, Pengarah Urusan Labbaik Travel & Tours Sdn. Bhd; Encik Farid bin Shukor, Pengarah Operasi Fa Izin International Travel & Tours Sdn. Bhd dan Haji Redzwan Idris, Pengarah Urusan Mahabbaten Travel & Tours Sdn. Bhd.



MEMORANDUM OF UNDERSTANDING BETWEEN BSN AND THE SUBSIDIARY OF ANDALUSIA

BSN expanded its strategic cooperation network with the signing of an MoU with another four (4) companies registered under the Ministry of Tourism namely Maqbul Travel & Tours Sdn. Bhd, Labbaik Travel & Tours Sdn. Bhd, Fa Izin International Travel & Tours Sdn. Bhd, and Mahabbaten Travel & Tours Sdn. Bhd.

The MoU aims to implement a Shariah-compliant personal financing package for umrah and Muslim-friendly tourism. Before this, BSN had collaborated strategically with two (2) tourism companies in offering the same personal financing package, thus making it a total of six (6) companies.

The MoU was signed by Mujibburrahman Abd Rashid, the CEO of BSN and Firdaus Hamdi Ibrahim, Managing Director of Maqbul Travel & Tours Sdn. Bhd; Ustaz Muhidin Mokter, Managing Director of Labbaik Travel & Tours Sdn. Bhd; Encik Farid bin Shukor, Operations Director of Fa Izin International Travel & Tours Sdn. Bhd, and Haji Redzwan Idris, Managing Director of Mahabbaten Travel & Tours Sdn. Bhd.

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA BSN DAN UPSI

Bank Simpanan Nasional (BSN) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) hari ini memeterai memorandum persefahaman (MoU) bagi menyediakan produk Pembiayaan Lepas Ijazah, Pembiayaan Kakitangan dan Kad Korporat yang berlangsung di Hotel Scholar Suite, UPSI Tanjung Malim. MoU tersebut telah ditandatangani oleh Jay Khairil, Ketua Eksekutif BSN dan Profesor Dato' Dr. Md Amin bin Md Taff, Naib Canselor UPSI.

Melalui kerjasama ini, BSN menawarkan produk pembiayaan peribadi tanpa cagaran iaitu 'BSN MyRinggit/i - Postgraduate' khusus bagi bakal pelajar yang ingin melanjutkan pengajian di UPSI. Inisiatif ini adalah hasil keprihatinan kedua-dua pihak dalam menangani kesukaran yang dihadapi oleh pelajar dari segmen tertentu untuk mendapatkan pembiayaan bagi menampung kos pengajian mereka.

"BSN sentiasa mempelbagaikan penawaran produk dan perkhidmatan kami demi memenuhi keperluan pelanggan dari pelbagai segmen. Ini adalah selaras dengan visi kami iaitu 'Tiada Rakyat Malaysia Yang Ketinggalan'.



MEMORANDUM OF UNDERSTANDING BETWEEN BSN AND UPSI

BSN and UPSI signed an MoU for the Graduate Financing, Staff Financing, and Corporate Card products at the Scholar Suite Hotel, UPSI Tanjung Malim. The MoU was signed by Jay Khairil, CEO of BSN and Professor Dato' Dr Md Amin bin Md Taff, the Vice Chancellor of UPSI.

Through this cooperation, BSN offers a personal financing product without collateral namely BSN MyRinggit/i - Postgraduate especially for new students at UPSI. This initiative is the result of both parties' concern of students from certain segments in securing financing for their studies.

BSN continues to diversify its product and service offerings so as to meet the needs of customers from various segments. This is in line with our vision of 'No Malaysians Left Behind'.

LAPORAN AKTIVITI

ACTIVITY REPORT

August
Ogos

PELANCARAN PROGRAM CASHLESS SOCIETY PULAU TIOMAN

Program Cashless Society Pulau Tioman adalah kerjasama antara Bank Simpanan Nasional (BSN) dan Lembaga Pembangunan Tioman serta mendapat sokongan daripada Bank Negara Malaysia (BNM), Malaysia Productivity Corporation (MPC), Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia dan Jabatan Perikanan Malaysia.

Cashless Society Pulau Tioman diperkenalkan bagi mewujudkan budaya niaga berakaun dan tanpa tunai yang akan dapat membantu peniaga menguruskan kewangan dengan lebih baik berbanding urus niaga tunai dan memudahkan para penduduk dalam urusan harian dan pelancong berbelanja tanpa memikirkan kekurangan wang tunai ketika bercuti.

Melalui inisiatif ini, para peniaga menggunakan kemudahan seperti terminal POS BSN sebagai medium perniagaan urus niaga agar perniagaan boleh dikembangkan sejajar dengan kehendak teknologi masa kini.

LAUNCH OF CASHLESS SOCIETY PROGRAM IN PULAU TIOMAN

This program is a collaboration between BSN and Lembaga Pembangunan Tioman, supported by Bank Negara Malaysia (BNM), Malaysia Productivity Corporation (MPC), the Malaysian Communication and Multimedia Commission, and Fisheries Department of Malaysia.

Cashless Society Pulau Tioman was introduced to create a culture of accounting and cashless business which would help merchants in managing their finances better as opposed to cash transactions and ease the community's daily transactions and tourists' spending without worrying about shortage of cash during their holiday.

Via this initiative, merchants can use facilities such as BSN's POS Terminal as their business medium for transactions so that they can expand their business in line with the demands of current technology.



August
Ogos

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA BSN DAN VISA

Bank Simpanan Nasional (BSN) menjalin hubungan strategik dengan Visa untuk memulakan kerjasama bagi menggalakkan e-Dagang dalam kalangan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).

Menerusi kerjasama ini, BSN dan Visa komited untuk memupuk pembangunan PMKS melalui penganjuran program latihan perdagangan digital 'Accelerate My Business' (AMB).

Seramai 750 PMKS BSN terpilih akan mengikuti 27 sesi latihan komprehensif yang dibahagiakan kepada dua bengkel modul bagi mengembangkan perniagaan mereka ke tahap lebih tinggi di 13 lokasi seluruh negara, termasuk Sabah dan Sarawak.

MEMORANDUM OF UNDERSTANDING BETWEEN BSN AND VISA

BSN cooperated strategically with VISA to promote e-Commerce among micro, small, and medium entrepreneurs (MSME).

Via this cooperation, BSN and VISA are committed to nurture the development of MSMEs through the digital commerce training programme, Accelerate My Business (AMB).

A total of 750 BSN MSMEs were selected to participate in 27 comprehensive training sessions, grouped into two workshop modules, to expand their business to 13 locations nationwide, including Sabah and Sarawak.



MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA BSN DAN AMBANK

Bank Simpanan Nasional dan AmBank menandatangani MoU untuk bekerjasama dalam mewujudkan Bengkel Pembangunan Keusahawanan melalui “Program Memperkukuh MSMEs” dalam memberi dorongan kepada PKS-Mikro ke tahap seterusnya.

Program Memperkukuh MSMEs bertujuan untuk mempersiapkan para peserta dengan ilmu celik kewangan, pengurusan kewangan, pengurusan perniagaan, pengurusan operasi dan pengetahuan transformasi digital.

Melalui program ini, peserta cemerlang akan diberikan anugerah PKS-Mikro modul perniagaan terbaik di samping membuka peluang kepada graduan PKS-Mikro yang layak untuk menikmati tawaran produk kewangan istimewa daripada AmBank.



MEMORANDUM OF UNDERSTANDING BETWEEN BSN AND AMBANK

BSN and AmBank signed an MoU to cooperate in creating an Entrepreneur Development Workshop via the MSME Strengthening Programme in the effort to support the development of MSMEs to the next level.

The Programme aims to equip the participants with the knowledge of financial literacy, financial management, business management, operational management, and digital transformation.

Through this programme, outstanding participants are given the Best Business Modul MSME Award, apart from having the opportunity to enjoy special financial product offerings from AmBank for eligible MSME graduates.

PERLUAS HAB BSN SEKOLAH TANPA TUNAI DI KUALA LUMPUR

Bank Simpanan Nasional meneruskan lagi komitmen dalam memperkasakan pendidikan kewangan secara digital dengan memperluaskan Sekolah Tanpa Tunai di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebagai hab terbaharu. “Era baharu, era ‘cashless’ akan mengubah kaedah pembayaran sedia ada di kantin sekolah, kedai buku dan koperasi kepada pembayaran tanpa tunai.



BSN meneruskan inisiatif yang sama di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan menghimpunkan lebih daripada 250 orang wakil daripada 24 buah sekolah asrama harian yang terdiri daripada pengetua, guru penyalaras, wakil kantin sekolah, koperasi sekolah dan murid-murid untuk mendengar penerangan berkaitan kelebihan Sekolah Tanpa Tunai BSN di Sekolah Seni Malaysia, Kuala Lumpur.

BSN juga telah memperkenalkan pendaftaran Perbankan Internet myBSN kepada pelajar sekolah menengah berumur 13 tahun ke atas bagi memudahkan mereka memantau perbelanjaan harian, membuat pembelian dalam talian, menyemak baki dan tambah nilai telefon bimbit.

EXPANSION OF BSN'S HUB FOR CASHLESS SCHOOLS IN KUALA LUMPUR

BSN continues to empower digital financial education by expanding the Cashless School Hub to the Federal Territory of Kuala Lumpur. The new cashless era will change the existing method of payment at school canteens, book stores, and cooperatives to cashless payments.

BSN continued the same initiative in the Federal Territory of Kuala Lumpur by gathering over 250 representatives from 24 boarding schools namely principals, coordinating teachers, canteen representatives, cooperatives and students to listen to talks about the benefits of BSN's Cashless Schools at Sekolah Seni Malaysia, Kuala Lumpur.

BSN also introduced the registration for myBSN Internet Banking to secondary students aged 13 and above to enable them to monitor their daily expenses, make purchases online, check their balance, and top-up their mobile phone credit.

LAPORAN AKTIVITI

ACTIVITY REPORT

Oktober

Oktober

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA BSN DAN UNISZA

Bank Simpanan Nasional (BSN) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniZA) hari ini memeterai memorandum persefahaman (MoU) bagi menyediakan kemudahan pembiayaan pendidikan, pembiayaan kakitangan dan pembangunan usahawan.

BSN menawarkan pembiayaan peribadi tanpa cagaran iaitu 'BSN MyRinggit/i' - Postgraduate kepada individu yang sedang bekerja dan ingin menyambung pengajian di UniZA secara separuh masa.

MoU antara BSN dan UniZA turut melibatkan kerjasama berkaitan Pusat Pembangunan Keusahawanan UniZA yang bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pelajar dalam bidang keusahawanan.



MEMORANDUM OF UNDERSTANDING BETWEEN BSN AND UNISZA

BSN and Universiti Sultan Zainal Abidin (UniZA) signed an MoU to provide education financing, staff financing, and entrepreneur development facilities.

BSN is offering personal financing without collateral namely BSN MyRinggit/i - Pasca Siswazah to working individuals who intend to continue their studies at UniZA full time.

The MoU also entails cooperation regarding UniZA's Entrepreneurship Development Centre which aims to increase the entrepreneurial skills and knowledge of students.

November

November

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA BSN DAN YAYASAN WAQAF MALAYSIA (YWM)

Bank Simpanan Nasional dan Yayasan Waqaf Malaysian menjalinkan kerjasama strategik dalam mempertingkatkan kutipan wakaf tunai Malaysia serta membuka peluang dan ruang kepada masyarakat untuk turut serta mengimarahkan ibadah wakaf menerusi platform perbankan di BSN.

Menerusi jalinan kerjasama strategik antara YWM dan BSN ini, penyediaan kepelbagaian platform pewakafan oleh BSN seperti Ejen Bank BSN (EB BSN), JomPay, ATM atau CDM, Perbankan Internet myBSN, e-biller dan melalui kaunter di Cawangan BSN bakal memudahkan akses kepada setiap lapisan masyarakat tidak kira di bandar atau luar bandar untuk berwakaf.



Setiap sumbangan wakaf terkumpul menerusi kerjasama ini akan ditukar kepada aset tetap (yang merupakan 'ayn wakaf) yang akan memberikan impak dan manfaat kepada masyarakat secara keseluruhannya.

MEMORANDUM OF UNDERSTANDING BETWEEN BSN AND YAYASAN WAQF MALAYSIA (YWM)

BSN and YWM signed a strategic cooperation to increase the collection of cash waqf in Malaysia and to provide opportunity for the society to participate in waqf via BSN's banking platform.

Through this strategic partnership, BSN's various waqf platforms such as EB BSN, JomPay, ATM or CDM, myBSN Internet Banking, e-biller and branches will ease waqf access for all levels of society, be it in the urban or rural areas.

All waqf donation collected through this cooperation will be turned into fixed assets (ayn waqf) which will be impactful and beneficial for the general public.

BSN CARE

BSN CARE



PENDIDIKAN
EDUCATION



KESIHATAN & KESELAMATAN
HEALTH & SAFETY



KOMUNITI
COMMUNITY



SUKAN
SPORT

BSN CARE

BSN CARE



PENDIDIKAN/ EDUCATION



Bank Simpanan Nasional (BSN), menerusi program BSN Care, telah menyumbang lebih RM700,000.00 bagi tahun kewangan 2023 di bawah segmen Pendidikan. Bantuan kewangan ini diperuntukkan kepada organisasi-organisasi bukan kerajaan (NGOs), sekolah-sekolah dan entiti-entiti khusus untuk membantu para pelajar dari keluarga berpendapatan rendah, terutamanya kumpulan B40, agar mereka mendapat akses kepada pendidikan yang berkualiti.

Komitmen ini mencerminkan usaha BSN dalam meneraju pelbagai inisiatif pendidikan di mana ia bukan sahaja untuk mengekalkan tetapi juga meningkatkan prospek generasi muda menerusi peluang-peluang pendidikan berkualiti yang berterusan selain merealisasikan potensi akademik mereka. Segmen Pendidikan merangkumi spektrum yang luas, melibatkan para pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah, berkeperluan khas dan yang menetap di kawasan luar bandar, termasuk Sabah dan Sarawak. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan di bawah segmen Pendidikan BSN Care adalah:

- **'BSN Care Jom to School 2023 – BSN Keeps Schools in Shape'**

BSN telah menyumbang RM500,000.00 kepada 25 buah sekolah terpilih di seluruh negara menerusi program 'BSN Care Jom to School 2023 - BSN Keeps Schools in Shape'. Bantuan kewangan ini adalah khusus untuk mempertingkatkan prasarana sekolah dan bagi memenuhi pelbagai keperluan untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif seperti pembaikan bilik sukan sekolah, pemasangan sistem penghawa dingin, pengubahsuaian dewan dan lain-lain keperluan penting.

- **Sumbangan untuk SK Pulau Pababag Semporna, Sabah**

BSN menerusi inisiatif BSN Care telah menghulurkan bantuan kepada SK Pulau Pababag di Semporna, Sabah, berikutan insiden runtuh jeti pada 30 Januari 2023 di mana guru-guru sekolah tersebut telah menyelamatkan para pelajar daripada hanyut di bawa arus. BSN justeru menghulurkan bantuan untuk para pelajar dan guru-guru yang terkesan dengan menyumbang RM10,000.00 kepada 25 pelajar yang terlibat. Para pelajar telah menerima sumbangan berbentuk uniform sekolah baharu dan lain-lain keperluan persekolahan. Selain itu, setiap pelajar terlibat menerima beg galas BSN Care yang dilengkapi dengan barangan keperluan asas.



Bank Simpanan Nasional (BSN), through its BSN Care programme, has contributed more than RM700,000.00 in the fiscal year of 2023 under the Education pillar. This financial support strategically allocated to non-governmental organisations (NGOs), schools and entities dedicated to assisting students from low-income families, particularly those classified as B40, ensuring their access to quality education.

This commitment epitomises an enduring effort by BSN to champion diverse educational initiatives, aiming not only to sustain but also to enhance the prospects of the younger generation by providing them with continuous opportunities for quality education and the realisation of their academic potential. The Education pillar extends its impactful benefits to a broad spectrum, encompassing students from low-income families, those with special needs and students residing in rural areas, including Sabah and Sarawak. Some of the initiatives executed under the BSN Care Education pillar include:

- **'BSN Care Jom to School 2023 – BSN Keeps Schools in Shape'**

BSN extended its philanthropic support by generously contributing RM500,000.00 to 25 schools nationwide through its 'BSN Care Jom to School 2023 - BSN Keeps Schools in Shape' programme. This financial aid is meticulously directed towards improving school infrastructure and addressing diverse needs including but not limited to enhancing a conducive study environment such as the restoration of school sport's locker room, installation of air conditioning system, refurbishment of hall and other vital necessities.

- **Donation to SK Pulau Pababag Semporna, Sabah**

BSN through BSN Care initiative providing its support to SK Pulau Pababag in Semporna, Sabah, following a jetty collapse incident on 30 January 2023 where teachers bravely rescued students from the current. BSN stepped in to assist the affected students and teachers by donating RM10,000.00 to the 25 students involved. This contribution enabled the students to acquire new school uniforms and other school-related needs. Additionally, each student received a BSN Care backpack containing essential items.



PENDIDIKAN/ EDUCATION

Majlis penyerahan sumbangan telah dijalankan dengan sokongan BSN Sabah bagi memastikan bahawa sumbangan tersebut sampai kepada penerima. Bagi mengiktiraf keberanian para guru terbabit, BSN turut menyumbang BSN SSP bernilai RM500.00 kepada dua (2) orang guru tersebut.

• Sumbangan BSN Care untuk SMK Tekek Pulau Tioman

Dengan kemajuan teknologi, pendekatan konsep tanpa tunai adalah penting untuk mencapai agenda pembangunan negara. Sekolah Menengah Kebangsaan Tekek (SMK Tekek), sebuah sekolah menengah di Kampung Tekek, Pulau Tioman dengan jumlah pelajar seramai 158 orang telah mengambil bahagian secara aktif dalam program Sekolah Tanpa Tunai BSN, mencerminkan komitmen berterusan BSN terhadap urus niaga digital serta meningkatkan keterangkuman kewangan.

Setakat Julai 2023, kesemua pelajar di SMK Tekek telah menyertai program ini. Pencapaian ini menggariskan kerjasama teguh di antara SMK Tekek dan BSN dalam memastikan para pelajar mempunyai akses kepada perkhidmatan perbankan digital serta program-program celik kewangan yang komprehensif. Bagi menyokong inisiatif ini, BSN menyumbang RM10,000.00 bagi meningkatkan persekitaran pembelajaran dan memupuk pembangunan para pelajar selaras dengan segmen Pendidikan BSN Care.

The handover ceremony was successfully conducted with the support of the BSN Sabah team, ensuring that the donations reached the deserving recipients. Recognising the exceptional bravery of the teachers, BSN expressed gratitude by donating RM500.00 worth of BSN SSP to each of the two (2) teachers involved.

• BSN Care Donation to SMK Tekek Pulau Tioman

With the advancement of technology, embracing a cashless approach is integral to the nation's agenda. Sekolah Menengah Kebangsaan Tekek (SMK Tekek), a secondary school located in Kampung Tekek, Pulau Tioman, catering to 158 students has actively participated in the BSN Cashless School programme demonstrating its commitment to adopting digital transactions and promoting financial inclusion.

As of July 2023, SMK Tekek has achieved full enrollment, with all of its students now part of the programme. This notable achievement underscores a robust partnership between SMK Tekek and BSN, ensuring students have access to digital banking services and comprehensive financial literacy programmes. In support of this initiative, BSN has donated RM10,000.00 to enhancing the learning environment and fostering the overall development of the students, aligning with the Education pillar of BSN Care.



BSN CARE

BSN CARE



PENDIDIKAN/ EDUCATION

• Sumbangan BSN Care untuk Persatuan Lestari Hijau Pulau Pinang (GREW)

Dalam misi BSN mempertingkatkan pendidikan demi masa hadapan yang mampan, kerjasama dengan Persatuan Pendidik Lestari Hijau Pulau Pinang (GREW) telah dilaksanakan bagi memupuk Pendidikan untuk Pembangunan Mampan (ESD) dalam kalangan pelajar sekolah rendah dan menengah.

Menyedari peranan penting ESD dalam membentuk masyarakat yang bertanggungjawab, kerjasama strategik di antara BSN dan GREW dalam memajukan Program *Eco-School* di Pulau Pinang bermatlamat memperkukuhkan impak kemampanan sekali gus menyumbang kepada masa hadapan yang positif. Kerjasama ini memperkasa GREW dalam mendidik para pelajar dari Sekolah-Sekolah Angkat BSN mengenai prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG). Empat (4) Sekolah Angkat BSN telah dipilih untuk menyertai bengkel-bengkel yang disokong oleh GREW, bagi mendorong para pelajar terbabit untuk mendukung amalan kemampanan.

Komitmen ini jelas dilihat menerusi penyertaan aktif dalam pelbagai inisiatif seperti kempen kitar semula, pembersihan pantai, sesi perkongsian dan bengkel-bengkel pembelajaran. Kesemua aktiviti ini menunjukkan komitmen berterusan BSN dalam mempersiapkan anak-anak muda dengan pengetahuan dan nilai-nilai penting demi kelestarian masa hadapan.

Program ini selari dengan komitmen Bank terhadap prinsip-prinsip ESG. Dengan meneraju dan menyokong program ini, BSN bukan sahaja menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat, tetapi juga memperkukuhkan rangka kerja ESG, justeru mencerminkan komitmennya terhadap amalan-amalan perbankan yang mampan dan bertanggungjawab.

Komitmen teguh BSN kepada inisiatif-inisiatif ini membuktikan komitmen Bank dalam mencipta masa hadapan yang lebih baik untuk semua menerusi transformasi pendidikan. Usaha ini bukan sahaja selari dengan nilai organisasi BSN, tetapi juga menggariskan misi Bank dalam memberi impak yang positif kepada masyarakat, mempertingkatkan standard pendidikan dan memupuk peluang pembelajaran yang sama rata untuk para pelajar merentasi demografi yang pelbagai.

• BSN Care Donation to Persatuan Lestari Hijau Pulau Pinang (GREW)

At the forefront of BSN's mission to enhancing education for a sustainable future, collaborative effort with Persatuan Pendidik Lestari Hijau Pulau Pinang (GREW) has been initiated to foster Education for Sustainable Development (ESD) among primary and secondary school students.

Recognising the pivotal role of ESD in shaping responsible citizens, the strategic collaboration between BSN and GREW in advancing the Eco-Schools Programme in Penang aims to amplify sustainability impacts, contributing to a positive future. The collaboration empowers GREW in educating BSN's Adopted Schools students about the intricate principle of environmental, social and governance (ESG). Four (4) BSN Adopted Schools were selected to participate in workshops facilitated by GREW, where it strategically empowering these students to evolve into passionate advocates for sustainable practices.

The commitment is exemplified through active participation in diverse initiatives encompassing recycling campaigns, beach clean-ups, sharing session and engaging workshops. These activities showcasing BSN's dedication to equipping young minds with the knowledge and values essential for a sustainable future.

The programme aligns strategically with the Bank's profound commitment to ESG principles. By championing and supporting the programmes, BSN not only contributes to the community well-being but also fortifies its ESG framework, symbolising a commitment to responsible and sustainable banking practices.

BSN's unwavering commitment to these impactful initiatives serves as a testament to the Bank's dedication in creating a brighter future for all through the transformative power of education. These philanthropic endeavour not only aligns with BSN organisational values but also underscores the Bank's mission to make meaningful impact to the communities, uplifting educational standards and fostering equal opportunities for students across diverse demographics.



KESIHATAN & KESELAMATAN HEALTH & SAFETY



INISIATIF KESIHATAN & KESELAMATAN

Dalam komitmen BSN memupuk persekitaran perniagaan yang mampan dan bertanggungjawab, BSN turut memberi penekanan kepada segmen Kesihatan & Keselamatan di bawah inisiatif BSN Care. BSN percaya bahawa inisiatif ini bukan sahaja mencerminkan dedikasi Bank dalam memastikan kesejahteraan masyarakat, tetapi juga menjadi komponen asas kejayaan sesebuah organisasi.

- (iv) Board Tender Committee.

BOARD AUDIT COMMITTEE

1. Objective

The primary objective of the Board Audit Committee (BAC) is to review the financial statements of BSN, its internal controls, performance and findings of the internal auditors and to recommend appropriate remedial actions regularly.

2. Functions and Responsibilities

The functions and responsibilities of the BAC are as follows:

- Ensure the accounts are prepared in a timely and accurate manner, with frequent reviews of the adequacy of provisions against contingencies and bad and doubtful debts. Review the balance sheet and profit and loss statement before presenting them to the Board and ensure the annual report is published according to schedule;
- Carry out a detailed review to ensure compliance to all legal requirements encompassing statutes, guidelines, regulations, etc;

Tadbir Urus/Governance

- Mengkaji semula kawalan dalaman, termasuk skop program audit dalaman serta penemuan audit dalaman dan mengesyorkan tindakan yang harus diambil oleh pihak Pengurusan. Laporan-laporan dari audit dalaman dan JLA tidak boleh terlebih dahulu mendapat kelulusan Ketua Eksekutif atau mana-mana Pengarah Eksekutif. JLA juga perlu menilai prestasi dan memutuskan pakej imbuhan audit dalaman;
- Mengkaji semula dan menilai kecukupan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman berhubung aktiviti antara BSN dan pengurusan kecairan BSN keseluruhannya;
- Jawatankuasa ini juga perlu menilai prestasi Ketua Juruaudit Dalam dan memberi maklumbalas dan cadangan mengenai pakej imbuhan untuk kakitangan berkenaan;
- Mengkaji semula kebebasan dan prestasi Juruaudit Luar, bidang pelan audit mereka, sistem kawalan akaun dalaman, laporan-laporan audit, bantuan dari pihak Pengurusan dan kakitangan kepada ahli-ahli Juruaudit Luar serta penemuan audit dan tindakan yang perlu diambil;
- Mengkaji semula penyata kewangan di hujung tahun kewangan sebelum ianya dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan, dengan tumpuan kepada:
 - Andaian perniagaan berterusan;
 - Pematuhan kepada piawaian akaun dan keperluan undang-undang;
 - Perubahan dalam dasar dan amalan akaun;
 - Isu-isu penting dan perkara-perkara berbangkit yang mungkin terhasil dari proses audit.
- Membincangkan apa-apa isu dan keraguan yang dibangkitkan oleh Juruaudit Luar melalui audit awal dan akhir dan apa-apa jua hal yang mungkin dikemukakan oleh Juruaudit Luar tanpa pembabitkan pihak Pengurusan;
- Mengkaji semula kandungan surat kepada Pengurusan dari Juruaudit Luar serta jawapan dari pihak Pengurusan; dan
- Mengkaji semula apa-apa transaksi dan situasi percanggahan kepentingan yang mungkin timbul dalam BSN atau dalam kumpulan syarikat, termasuk apa-apa transaksi, prosedur atau tingkah laku yang boleh mempersoalkan integriti pihak Pengurusan.
- Review internal controls including the scope of the internal audit programme, the internal audit findings, and recommend actions to be taken by the Management. The reports from internal auditors and BAC should not be subject to the clearance of the Chief Executive/Executive Director. The BAC should also evaluate the performance of and decide on the remuneration package of the internal auditors;
- Review and evaluate the adequacy and effectiveness of internal control systems in relation to interbank activities and management of the overall liquidity of BSN;
- Evaluate the performance of the Chief Internal Auditor (CIA) and provide feedback on the remuneration package of the CIA;
- Review the independence and performance of the External Auditors, the scope of their audit plan, the system of internal accounting controls, the audit reports, the assistance given by the Management and its staff to the External Auditors and any findings and actions to be taken;
- Review the year-end financial statement before it is tabled to the Board for approval, focusing on the following:
 - Continuous business assumptions;
 - Compliance with accounting standards and legal requirements;
 - Changes in policy and accounting practices;
 - Important issues and extraordinary matters arising from the audit process.
- Discuss any issues and reservations raised by the External Auditors from the interim and final audits, as well as any matter which the External Auditors may wish to discuss without the involvement of the Management;
- Review the contents of the Management Letter issued by the External Auditors as well as the Management's responses thereto; and
- Review any related party transactions and conflict of interest situations that may arise in BSN or within the Group including any transaction, procedure or conduct that raises questions on the Management's integrity.

PENYATAAN TADBIR URUS KORPORAT

STATEMENT ON CORPORATE GOVERNANCE

3. Kekerapan Bermesyuarat

Jawatankuasa ini bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam dua (2) bulan. Sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 JLA telah bermesyuarat sebanyak empat belas (14) kali. Kehadiran ahli-ahli adalah seperti berikut:

Bil/ No	Pengarah/ Director	Kehadiran Mesyuarat/ Meeting Attendance
1	Tuan Haji Selamat Haji Sirat (Pengerusi/Chairman)	12/12
2	Datin Zaimah Zakaria	14/14
3	Dato' Mohd Rizal Mohd Jaafar	12/12*
4	Encik Ahmad Lutfi Abdull Motalip @ Talib	8/8**
5	Encik Mohd Sakeri Bin Abdul Kadir	9/11***
6	Puan Saleena Mohd Ali	2/2****

* Tempoh pelantikan berakhir 22 Oktober 2023
* Term of appointment ended 22 October 2023

*** Dilantik sebagai ahli JLA pada 1 Februari 2023 dan tempoh pelantikan berakhir pada 1 November 2023
*** Appointed as BAC member on 1 February 2023 and term of appointment ended on 1 November 2023

** Tempoh pelantikan berakhir 8 Ogos 2023
** Term of appointment ended 8 August 2023

**** Dilantik sebagai ahli JLA pada 6 November 2023
**** Appointed as BAC member on 6 November 2023

3. Frequency of Meetings

The BAC shall convene at least once in two (2) months. During the financial year ended 31 December 2023, the BAC convened fourteen (14) times. The attendance of Directors is as follows:

JAWATANKUASA LEMBAGA PENGURUSAN RISIKO

1. Matlamat

Matlamat utama Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko (JLPR) adalah untuk menyelia aktiviti Pengurusan Risiko dalam mengurus bahagian risiko utama BSN dan memastikan bahawa proses pengurusan risiko tersiap sedia dan berfungsi dengan berkesan.

2. Tugas dan Tanggungjawab

Tugas dan tanggungjawab JLPR adalah seperti berikut:

- Merangka strategi untuk mengurus keseluruhan Risiko berkaitan dengan aktiviti-aktiviti BSN;
- Mengesyorkan dasar pengurusan risiko yang sesuai, prosedur dan proses untuk bidang risiko utama seperti risiko-risiko pasaran, kredit, taja jamin, pelaburan dan operasi;
- Mengkaji semula kecukupan dasar pengurusan risiko, sistem-sistem dan tahap di mana kaedah-kaedah ini beroperasi secara berkesan;
- Mempromosi pendekatan bersepadu untuk menilai dan memantau risiko berselang-kait;
- Memastikan infrastruktur, sumber dan sistem tersedia ada untuk mengenal pasti, mengukur, memantau dan mengawal risiko;
- Mengkaji semula maklumat berkala dari pihak Pengurusan mengenai pendedahan risiko dan aktiviti pengurusan risiko; dan
- Merangka pelan perniagaan berterusan.

BOARD RISK MANAGEMENT COMMITTEE

1. Objective

The primary objective of the Board Risk Management Committee (BRMC) is to oversee the Senior Management's activities in managing the key risk areas of BSN and to ensure that the risk management process is in place and is functioning effectively.

2. Functions and Responsibilities

The functions and responsibilities of the BRMC are as follows:

- Formulate strategies to manage the overall risks associated with BSN's activities;
- Recommend appropriate risk management policies, procedures and processes in key risk areas such as market risk, credit risk, underwriting risk, investment risk and operational risk;
- Review the adequacy of risk management policies, systems and the extent to which these are operating effectively;
- Promote an integrated approach to evaluate and monitor interrelated risk;
- Ensure that the infrastructure, resources and systems are in place to identify, measure, monitor and control risks;
- Review the Management's periodic information on risk exposures and risk management activities; and
- Formulate business continuity plans.

Tadbir Urus/Governance

3. Kekerapan Bermesyuarat

Jawatankuasa ini bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam dua (2) bulan. Sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023, JLPR telah bermesyuarat sebanyak dua belas (12) kali. Kehadiran ahli-ahli adalah seperti berikut:

Bil/ No	Pengarah/ Director	Kehadiran Mesyuarat/ Meeting Attendance
1	Tuan Haji Selamat Haji Sirat (Pengerusi/Chairman)	11/11*
2	Datin Zaimah Zakaria	12/12
3	Encik Ahmad Lutfi Abdull Mutalip @ Talib	7/7**
4	Dato' Mohd Rizal Mohd Jaafar	10/10***
5	Puan Saleena Mohd Ali	2/2****

* Dilantik sebagai Pengerusi JLPR pada 6 November 2023

* Appointed as Chairman of BRMC on 6 November 2023

** Tempoh pelantikan berakhir 8 Ogos 2023

** Term of appointment ended 8 August 2023

*** Tempoh pelantikan berakhir 22 Oktober 2023

*** Term of appointment ended 22 October 2023

**** Dilantik sebagai ahli JLPR pada 6 November 2023

**** Appointed as BRMC member on 6 November 2023

3. Frequency of Meetings

The BRMC shall convene at least once in two (2) months. During the financial year ended 31 December 2023, the BRMC convened twelve (12) times. The attendance of Directors is as follows:

JAWATANKUASA LEMBAGA PENCALONAN DAN IMBUHAN

1. Matlamat

Matlamat utama Jawatankuasa Lembaga Pencalonan dan Imbuan (JLPI) adalah untuk merangka prosedur bertulis, formal dan telus berkaitan perlantikan ahli-ahli Lembaga, Ketua Eksekutif dan Eksekutif-eksekutif Kanan Utama dan menilai keberkesanan setiap Pengarah, Lembaga pada keseluruhannya dan jawatankuasa-jawatankuasa serta Ketua Eksekutif dan Eksekutif-eksekutif Kanan Utama. Jawatankuasa ini juga berperanan menyediakan prosedur formal dan telus untuk membangunkan dasar imbuan untuk Lembaga Pengarah, Ketua Eksekutif dan Eksekutif-eksekutif Kanan Utama dan memastikan imbuan berkenaan berdaya saing dan konsisten dengan budaya, matlamat dan strategi BSN.

2. Tugas dan Tanggungjawab

Tugas dan tanggungjawab JLPI adalah seperti berikut:

- Menetapkan keperluan minima untuk Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif menjalankan tugas secara berkesan. Ia juga bertanggungjawab menyelia komposisi Lembaga Pengarah dari segi saiz dan kemahiran yang sesuai, keseimbangan antara Pengarah Eksekutif, Bukan Eksekutif dan Bebas, serta keseimbangan antara kemahiran dan kecekapan utama menerusi semakan tahunan;

BOARD NOMINATION AND REMUNERATION COMMITTEE

1. Objective

The primary objective of the Board Nomination and Remuneration Committee (BNRC) is to establish a documented, formal and transparent procedure for the appointment of Directors, Chief Executive and Key Senior Officers, and to assess the effectiveness of individual Directors, the Board as a whole and the various committees of the Board, the Chief Executive and Key Senior Officers. The objective of the BNRC is also to provide a formal and transparent procedure for developing a remuneration policy for Directors, Chief Executive and Key Senior Officers and ensuring that compensation is competitive and consistent with BSN's culture, objectives and strategy.

2. Functions and Responsibilities

The functions and responsibilities of the BNRC are as follows:

- Establish minimum requirements for the Board and the Chief Executive to perform their responsibilities effectively. It is also responsible for overseeing the overall composition of the Board in terms of the appropriate size and skills, the balance between Executive, Non-Executive and Independent Directors, mix of skills and other core competencies required through annual reviews;

PENYATAAN TADBIR URUS KORPORAT

STATEMENT ON CORPORATE GOVERNANCE

- Mengesyorkan dan menilai pencalonan untuk menjadi ahli Lembaga Pengarah, Pengarah yang menganggotai pelbagai jawatankuasa Lembaga Pengarah serta pencalonan sebagai Ketua Eksekutif. Tugas ini termasuklah menilai prestasi pengarah dan Ketua Eksekutif jika disyorkan untuk perlantikan semula sebelum permohonan untuk kelulusan dikemukakan kepada Bank Negara Malaysia;
- Menetapkan mekanisme untuk penilaian formal dan juga menilai keberkesanan Lembaga Pengarah, sumbangan pelbagai jawatankuasa Lembaga Pengarah dan prestasi Ketua Eksekutif;
- Menyarankan kepada Lembaga Pengarah mengenai penyingkiran Pengarah/Ketua Eksekutif sekiranya tidak berkesan, melakukan kesalahan atau cuai sewaktu menjalankan tanggungjawab;
- Memastikan semua Pengarah menghadiri program induksi bersesuaian dan menerima latihan berterusan;
- Menyelia perlantikan, pelan pengambilalihan jawatan pengurusan dan prestasi Eksekutif-eksekutif Kanan Utama dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah mengenai penyingkiran mana-mana Eksekutif-eksekutif Kanan Utama yang tidak berkesan, melakukan kesalahan atau cuai dalam menjalankan tugas.
- Mengesyorkan rangka imbuhan untuk Pengarah, Ketua Eksekutif dan Eksekutif-eksekutif Kanan Utama. Dasar ini patut:
 - didokumenkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan apa-apa perubahan juga perlu mendapat kelulusan daripada Lembaga Pengarah;
 - menggambarkan pengalaman dan tahap tanggungjawab yang dipikul oleh Pengarah secara individu, Ketua Eksekutif dan Eksekutif-eksekutif Kanan Utama;
 - mencukupi untuk menarik minat dan mengekalkan Pengarah, Ketua Eksekutif dan Eksekutif-eksekutif Kanan Utama yang diperlukan untuk mengurus BSN dengan berkesan; dan
 - wujud keseimbangan untuk memastikan dana BSN tidak digunakan untuk menampung pakej imbuhan berlebihan.
- Mengesyorkan pakej imbuhan tertentu untuk Pengarah, Ketua Eksekutif dan Eksekutif Kanan. Pakej berkenaan patut:
 - berasaskan pertimbangan objektif dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah;
 - memberi pertimbangan sewajarnya kepada penilaian Jawatankuasa Pencalonan mengenai keberkesanan dan sumbangan Pengarah, Ketua Eksekutif dan Eksekutif Kanan utama;
 - tidak ditentukan oleh budi bicara mana-mana individu atau kumpulan individu tertentu; dan
 - berdaya saing dan konsisten dengan budaya, matlamat dan strategi BSN.
- Recommend and assess the nominees for directorship, the Directors to fill Board committees as well as nominees for the Chief Executive position. This includes assessing Directors and the Chief Executive for reappointment before an application for verification is submitted to Bank Negara Malaysia;
- Establish a mechanism for formal assessment and assessing the effectiveness of the Board, the contribution of the various Board committees and the performance of the Chief Executive;
- Recommend to the Board on the removal of a Director/Chief Executive if he/she is ineffective, errant or negligent in discharging his responsibilities;
- Ensure that all Directors undergo appropriate induction programmes and receive continuous training;
- Oversee the appointment, management of succession planning and performance evaluation of Key Senior Officers, and recommending to the Board the removal of any Key Senior Officers, if they are ineffective, erroneous or negligent in discharging their responsibilities.
- Recommend a framework of remuneration for Directors, Chief Executive and Key Senior Officers. The remuneration policy should:
 - be documented and approved by the Board and any changes thereto should be subject to the endorsement of the Board;
 - reflect the experience and level of responsibility borne by individual Directors, the Chief Executive and Key Senior Officers;
 - be sufficient to attract and retain Directors, Chief Executive and Key Senior Officers of calibre needed to manage BSN successfully; and
 - be balanced against the need to ensure that the funds of BSN are not used to fund excessive remuneration packages.
- Recommend specific remuneration packages for Directors, Chief Executive and Key Senior Officers. The remuneration packages should:
 - be based on an objective consideration and approved by the Board;
 - take due consideration of assessments of the Committee of the effectiveness and contribution of the Director, Chief Executive and Key Senior Officers concerned;
 - not be decided by the exercise of sole discretion of any individual or restricted group of individuals; and
 - be competitive and is consistent with BSN's culture, objectives and strategies.

Tadbir Urus/Governance

3. Kekerapan Bermesyuarat

JLPI bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam dua (2) bulan. Pada tahun berakhir 31 Disember 2023, JLPI telah bermesyuarat sebanyak sepuluh (10) kali. Kehadiran ahli adalah seperti berikut:

Bil/ No	Pengarah/ Director	Kehadiran Mesyuarat/ Meeting Attendance
1	Datin Zaimah Zakaria (Pengerusi/Chairman)	10/10*
2	Tuan Haji Selamat Haji Sirat	10/10
3	Encik Ahmad Lutfi Abdull Mutalip @ Talib	5/5**
4	Dato' Mohd Rizal Mohd Jaafar	6/7***
5	Puan Saleena Mohd Ali	3/3****

* Dilantik sebagai Pengerusi JLPI pada 1 September 2023

* Appointed as Chairman of BNRC on 1 September 2023

** Tempoh pelantikan berakhir 8 Ogos 2023

** Term of appointment ended 8 August 2023

*** Tempoh pelantikan berakhir 22 Oktober 2023

*** Term of appointment ended 22 October 2023

**** Dilantik sebagai ahli JLPI pada 6 November 2023

**** Appointed as BNRC member on 6 November 2023

3. Frequency of Meetings

The BNRC shall convene once every two (2) months. During the financial year ended 31 December 2023, the BNRC convened ten (10) times. The attendance of Directors is as follows:

JAWATANKUASA LEMBAGA TENDER

1. Matlamat

Matlamat utama Jawatankuasa Lembaga Tender (JLT) adalah untuk memperkuat urus tadbir korporat, integriti dan ketelusan dalam proses perolehan dan pengurusan kontrak.

2. Tugas dan Tanggungjawab

Tugas dan tanggungjawab JLT adalah seperti berikut:

- Memastikan semua pelawaan tender mematuhi tatacara pengurusan tender yang berkuatkuasa.
- Menyemak keupayaan teknikal dan kewangan petender.
- Mempertimbang dan memutuskan tender yang menguntungkan dengan mengambilkira harga, perkhidmatan atau kegunaan barangan, kuantiti, kualiti, tempoh penyerahan atau penyiapan, kos penyelenggaraan dan faktor-faktor lain yang berkaitan.
- Memutuskan untuk ditender semula atau mengesyorkan cara-cara perolehan yang lain, jika JLT mendapati bahawa tatacara perolehan tersebut tidak mengikut peraturan yang ditetapkan atau mengesyaki perkara luar aturan berlaku.
- Mempertimbangkan dan setuju terima tawaran dengan syarat keputusan yang dibuat adalah secara sebulat suara sahaja dan selaras dengan had nilai yang diluluskan.

BOARD TENDER COMMITTEE

1. Objective

The primary objective of the Board Tender Committee (BTC) is to reinforce corporate governance, integrity and transparency in the procurement process and contract management.

2. Functions and Responsibilities

The functions and responsibilities of the BTC are as follows:

- Ensure that all tender invitations comply with the tender management procedures in force;
- Review the technical and financial capabilities of the tenderer;
- Consider and decide on a favourable tender taking into account the costs, service or use of goods, quantity, quality, delivery or completion period, maintenance costs and other related factors;
- In the event the BTC finds that the procurement procedure does not follow the prescribed rules or suspects that irregularities have occurred, BTC may decide if a project should be re-tendered or recommends other means of procurement; and
- Consider and agree to accept the offer provided that the decision made is unanimous and in accordance with the approved value limit

PENYATAAN TADBIR URUS KORPORAT

STATEMENT ON CORPORATE GOVERNANCE

3. Kekerapan Bermesyuarat

JLT bermesyuarat apabila diperlukan. Dalam tahun kewangan berakhir 2023, JLT telah bermesyuarat sebanyak tiga belas (13) kali. Kehadiran ahli-ahli adalah seperti berikut:

3. Frequency of Meetings

The BTC shall convene as and when necessary. During the financial year ended 31 December 2023, the BTC convened thirteen (13) times. The attendance of Directors is as follows:

Bil/ No	Pengarah/ Director	Kehadiran Mesyuarat/ Meeting Attendance
1	Datin Zaimah Zakaria (Pengerusi/Chairman)	13/13
2	Tuan Haji Selamat Haji Sirat	13/13
3	Encik Ahmad Lutfi Abdull Mutalip @ Talib	8/8*
4	Dato' Mohd Rizal Mohd Jaafar	7/11**
5	Encik Mohd Sakeri Bin Abdul Kadir	9/10***
6	Puan Saleena Mohd Ali	2/2****

* Tempoh pelantikan berakhir 8 Ogos 2023
* Term of appointment ended 8 August 2023

** Tempoh pelantikan berakhir 22 Oktober 2023
** Term of appointment ended 22 October 2023

*** Dilantik sebagai ahli JLT pada 1 Februari 2023 dan tempoh pelantikan berakhir pada 1 November 2023
*** Appointed as BTC member on 1 February 2023 and term of appointment ended on 1 November 2023

**** Dilantik sebagai ahli JLT pada 6 November 2023
**** Appointed as BTC member on 6 November 2023

PENYATA PENGURUSAN RISIKO STATEMENT ON RISK MANAGEMENT

Selaras dengan prinsip dan garis panduan tadbir urus risiko, pihak Bank telah menubuhkan Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko di peringkat Jawatankuasa Lembaga yang memberi sokongan bagi pihak Lembaga Pengarah dalam mengawal selia pengurusan risiko Bank bagi memastikan objektif korporat Bank adalah disokong oleh strategi dan rangka kerja pengurusan risiko yang kukuh dan bersesuaian dengan sifat, skala dan kerumitan aktiviti Bank.

Rangka Kerja Pengurusan Risiko (RMF) Bank direka untuk memberi gambaran keseluruhan mengenai pengurusan risiko Bank, memastikan bahawa sebarang risiko yang diambil Bank dikenalpasti, dinilai/diukur, dikawal/dikurangkan, dipantau, dan dikaji/dilaporkan dengan secukupnya menggunakan sumber-sumber dan prasarana yang tersedia serta disokong oleh dokumentasi risiko, dalam kaedah yang konsisten dengan piawaian kawal selia dan amalan terbaik industri. Rangka kerja ini menggariskan pendekatan optima Bank dalam mengenalpasti, menilai, memantau, dan menangani risiko menerusi pengurusan holistik yang merangkumi risiko operasi, risiko kredit, risiko aset dan liabiliti, risiko ketidakpatuhan Syariah, risiko teknologi maklumat, risiko rasuah, risiko pengurusan kesinambungan perniagaan, risiko keselamatan siber, risiko alam sekitar, dan risiko strategik.

Di peringkat pengurusan, Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Jawatankuasa Aset dan Liabiliti bertanggungjawab dalam memastikan bahawa pengurusan seharian dan kegiatan Bank adalah selaras dengan strategi risiko, dasar risiko dan selera risiko yang telah ditetapkan. Tanggungjawab Jawatankuasa Pengurusan Risiko termasuk mengawasi dasar, garis panduan, kawalan dan pematuhan, alatan dan sistem pengurusan risiko Bank selaras dengan amalan terbaik industri dan strategi pengurusan risiko seperti yang digariskan dalam Rangka Kerja Pengurusan Risiko serta mengesyorkan selera risiko/toleransi Bank di peringkat perusahaan dan jabatan perniagaan strategik, kepada Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko dan Lembaga Pengarah. Jawatankuasa Aset dan Liabiliti pula bertanggungjawab untuk mengawasi kecukupan dan pendedahan risiko terhadap komposisi aset dan liabiliti Bank, serta keperluan pembiayaan dan kecairannya.

In line with the regulatory principles and guidelines on risk governance, the Bank has established a Board Risk Management Committee (BRMC) at the Board-committee level to provide oversight support on behalf of the Board on the supervision of risk management of the Bank to ensure that the Bank's corporate objectives are supported by sound risk management strategies and framework that are appropriate to the nature, scale and complexity of its activities.

The Bank's Risk Management Framework (RMF) has been designed to provide an overview on the management of risks within the Bank, ensuring that any risk undertaken by the Bank are adequately identified, assessed/measured, controlled/mitigated, monitored and analysed/reported using the risk resources and infrastructure available and supported by risk documentation, in a manner consistent with the regulatory standards and industry best practices. This framework outlines the Bank's optimum approach in identifying, assessing, monitoring and addressing risks through a holistic management covering operational risk, credit risk, asset and liability risk, Shariah non-compliance risk, information technology risk, corruption risk, business continuity management risks, cybersecurity risk, environmental risk and strategic risk.

At the management level, the Management Risk Committee (MRC) and Assets & Liabilities Committee (ALCO) are responsible for ensuring that the day-to-day management of the Bank's activities are consistent with its risk strategies, risk policies and risk appetite. The MRC's responsibilities include oversight of risk management policies, guidelines, controls and compliance, tools and systems of the Bank in line with best industry practices and the risk management strategy as outlined in the Risk Management Framework as well as recommending the risk appetite/tolerance of the Bank at enterprise and strategic business department levels, to BRMC and the Board. On the other hand, ALCO is responsible for overseeing the adequacy and the risk exposures of the Bank's assets and liabilities composition, as well as of its funding and liquidity needs.



Rajah 1: Struktur Pentadbiran Risiko (Pelaporan kepada Jawatankuasa)

Figure 1: Risk Governance Structure (Committee Escalation Route)

PENYATA PENGURUSAN RISIKO

STATEMENT ON RISK MANAGEMENT

STRUKTUR TADBIR URUS RISIKO LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah merupakan badan pentadbir mutlak yang meluluskan dan mengawasi pelaksanaan objektif strategik, rangka kerja tadbir urus dan budaya korporat oleh pihak Pengurusan. Antara tanggungjawab utamanya adalah meluluskan Penyata Selera Risiko dan memastikan ia kekal konsisten dengan strategi jangka pendek dan panjang Bank, pelan perniagaan dan modal serta kapasiti pengambilan risiko serta memastikan penerapan selera risiko yang berterusan dalam proses membuat keputusan.

JAWATANKUASA LEMBAGA PENGURUSAN RISIKO

BRMC menyelia keseluruhan pendedahan risiko termasuk penetapan selera/toleransi risiko Bank dan perangkaan strategi bagi menguruskan risiko-risiko berkaitan aktiviti Bank. BRMC juga dijangka mengesyorkan dasar-dasar, prosedur dan proses pengurusan risiko yang sesuai dalam aspek-aspek risiko utama seperti risiko kredit, risiko pasaran, risiko kecairan, risiko operasi, risiko IT, keselamatan siber, pengurusan kesinambungan perniagaan, ketidakpatuhan Syariah, risiko reputasi dan risiko berkaitan iklim yang menyokong selera risiko keseluruhan Bank.

JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO

Jawatankuasa Pengurusan Risiko bertindak selaku platform pengurusan peringkat atasan yang bertanggungjawab mengawasi risiko Bank dan perkara-perkara yang berkaitan. Tanggungjawab Jawatankuasa ini termasuk mengawasi dasar, garis panduan, kawalan dan pematuhan, alatan dan sistem pengurusan risiko Bank selaras dengan amalan terbaik industri seperti yang digariskan dalam Rangka Kerja Pengurusan Risiko, serta mengesyorkan selera/toleransi risiko Bank di peringkat perusahaan dan kepada Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko dan Lembaga Pengarah. Jawatankuasa Pengurusan Risiko juga memimpin penyampaian selera risiko kepada pihak berkepentingan dalaman dan luaran untuk memastikan bahawa pertimbangan pengambilan risiko yang sesuai diterapkan di dalam budaya risiko Bank serta memberi nasihat dalam penetapan selera risiko Bank dan unit perniagaan strategik untuk pertimbangan lanjut di peringkat Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko dan Lembaga Pengarah, mengikut keperluan dan kesesuaian.

JAWATANKUASA ASET DAN LIABILITI

ALCO menyokong Pengurusan dalam memastikan langkah-langkah pengurangan risiko Pengurusan Aset dan Liabiliti (ALM) yang diambil oleh Bank adalah mencukupi dan sesuai. Semua keputusan ALCO disampaikan dengan sewajarnya kepada jabatan-jabatan berkaitan. ALCO bertanggungjawab mengenalpasti, mengukur, dan mengawal risiko lembaran kira-kira (kecairan, pembiayaan, dan kadar faedah) serta pengurusan modal dalam melaksanakan strategi-strategi perniagaan pilihannya. Dalam memenuhi mandat ini, ALCO memantau, mengkaji, dan menilai impak risiko ALM ke atas kecukupan modal serta lain-lain penyebab ketidaktentuan pendapatan, seperti impak sekuriti pelaburan pasaran-ke-pasaran, tekanan persaingan, atau lain-lain perubahan kepada keadaan dan kawal selia pasaran.

ALCO juga bertanggungjawab membincangkan isu-isu/hal-hal berkaitan pengurusan modal dan melaporkan kepada BRMC apabila tahap modal mencapai tetapan pencetus, apabila terdapat sebarang ketidakpatuhan dan pelanggaran dalam tahap kecukupan modal, dan sebarang hal-hal pengurusan modal.

RISK GOVERNANCE STRUCTURE FOR BOARD OF DIRECTORS (BOARD)

The Board is the ultimate governing body which oversees and approves the Management's implementation of the strategic objectives, governance framework and corporate culture. Amongst its key responsibilities are to approve the Risk Appetite Statement and to ensure that it remains consistent with the Bank's short-term and long-term strategies, business and capital plans and risk-taking capacity as well as ensure the ongoing application of risk appetite in the key decision making process.

BOARD RISK MANAGEMENT COMMITTEE (BRMC)

BRMC provides oversight of the overall risk exposures which includes the setting of the risk appetite/tolerance of the Bank and formulating strategies to manage the risks associated with the Bank's activities. BRMC is also expected to recommend appropriate risk management policies, procedures and processes in key risk areas such as credit risk, market risk, liquidity risk, operational risk, IT risk, cyber security, business continuity management, Shariah non-compliance, reputational risk and climate-related risk that support the Bank's overall risk appetite.

MANAGEMENT RISK COMMITTEE (MRC)

MRC acts as a top-level management platform responsible for overseeing the risks and risk-related matters of the Bank. The MRC's responsibilities include oversight of risk management policies, guidelines, controls and compliance, tools and systems of the Bank in line with best industry practices and the risk management strategy as outlined in the Risk Management Framework as well as recommending the risk appetite/tolerance of the Bank at enterprise and strategic business department levels, to BRMC and the Board. The MRC also provides leadership in communicating risk appetite to relevant stakeholders so as to ensure that the appropriate risk taking consideration is embedded into the Bank's risk culture as well as advise on the setting of the risk appetite/tolerance of the Bank and strategic business unit levels for further deliberation at BRMC and the Board, as required and appropriate.

ASSET AND LIABILITIES COMMITTEE (ALCO)

ALCO provides support to the Management in ensuring that steps taken by the Bank in mitigating Asset and Liability Management (ALM) risks are sufficient and appropriate. All decisions made by ALCO are disseminated accordingly to related departments. ALCO is responsible for identifying, managing and controlling balance sheet risks (liquidity, funding and interest rate) and capital management in executing its chosen business strategies. In carrying out this mandate, ALCO monitors, evaluates and assesses the impact of ALM risk to capital adequacy as well as other potential drivers of earnings volatility, such as investment securities mark-to-market impact, competitive pressures or other related changes to market conditions and regulations.

ALCO is also responsible for deliberating on issues/matters pertaining to capital management and to escalate to BRMC when capital levels are approaching the set triggers, when there are any non-compliance and breaches in capital adequacy levels, and any other capital management matters.

Tadbir Urus/Governance

JAWATANKUASA KERJA RISIKO

Jawatankuasa Kerja Risiko berperanan sebagai platform peringkat pengurusan pertengahan untuk membincangkan isu/perkara risiko, dan meluluskan serta memutuskan perkara yang dibincangkan sebelum diajukan kepada jawatankuasa Pengurusan Kanan untuk pemberitahuan, pengesahan atau kelulusan. Ini meliputi sebarang perubahan yang dicadangkan kepada perkara/pendekatan pengurusan risiko yang melibatkan rangka kerja, dasar, garis panduan, langkah kawalan, alatan dan sistem pengurusan risiko Bank, untuk memastikan Bank sentiasa mematuhi strategi pengurusan risiko yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah seperti yang digariskan dalam Rangka Kerja Pengurusan Risiko. Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab mempertimbangkan dan membincangkan perkara-perkara berkaitan pembangunan produk baharu dan pengaturan penyumbangan luaran sebelum diajukan ke jawatankuasa-jawatankuasa atasan Bank.

JAWATANKUASA KERJA RISIKO TEKNOLOGI MAKLUMAT

Jawatankuasa Kerja Risiko Teknologi Maklumat diwujudkan untuk membincang dan menyemak isu-isu yang berkaitan dengan masalah operasi teknologi termasuk memantau tindakan mitigasi untuk kejadian kerugian, masalah aplikasi, tadbir urus data dan hartanah, ketidakcukupan proses dalaman, kawalan risiko dan langkah-langkah peningkatan lain seperti yang dikehendaki oleh Pihak Pengurusan, Lembaga Pengarah, Pengawal Selia, atau amalan terbaik industri. Dengan penglibatan aktif dalam isu-isu ini, Jawatankuasa Kerja Risiko Teknologi Maklumat bermatlamat melindungi Bank daripada impak negatif risiko-risiko berkaitan teknologi selain mempromosikan budaya pengurusan risiko yang bertanggungjawab.

STRATEGI PENGURUSAN RISIKO

"Risiko" ditakrifkan sebagai "kesan ketidakpastian terhadap objektif" dan pengurusan risiko di BSN ditakrifkan seperti berikut: "Proses yang berterusan, proaktif dan sistematik dalam memahami, mengenal pasti, mengurus dan menyampaikan risiko yang membentuk perspektif keseluruhan bagi syarikat. Ianya bagi memudahkan pihak Bank dalam membuat keputusan, menyumbang kepada pencapaian keseluruhan objektif Bank." Strategik asas pengurusan risiko Bank adalah bahawa semua aktiviti harus berusaha mencapai keseimbangan optimum seiring dengan peranan mandat Bank, dan tujuan pertumbuhan/pulangan terhadap risiko yang berkaitan. Pada masa yang sama, hubungan risiko-ganjaran juga haruslah selaras dengan struktur, tadbir urus dan amalan terbaik industri serta mematuhi keperluan kawal selia dan Syariah dan mencapai objektif yang disasarkan oleh Bank. Di samping itu, operasi dan aktiviti Bank haruslah dipandu dan ditadbir terutamanya oleh Rangka Kerja Pengurusan Risiko yang diterima pakai, dan di mana berkenaan, Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah dan keperluan kawal selia lain oleh pihak berkuasa yang berkaitan. Bersandarkan pada strategik ini, Bank telah mengamalkan konsep "tiga barisan pertahanan", di mana risiko diuruskan secara kolektif oleh semua jabatan dan fungsi berdasarkan peranan masing-masing.

RISK WORKING COMMITTEE (RWC)

RWC acts as the mid-level management platform to deliberate risk issues/matters and approve and decide on the matters discussed prior to their escalation to the Senior Management committees for notification, endorsements or approval. This includes any proposed revisions to risk management matters/approaches involving the Bank's frameworks, policies, guidelines, control measures, risk management tools and systems, to ensure that the Bank is consistently in line with the Board's approved risk management strategy as outlined in the Risk Management Framework. The RWC is also responsible for deliberation and discussion on matters related to new product development and outsourcing arrangements prior to their escalation to the higher committees of the Bank.

INFORMATION TECHNOLOGY RISK WORKING COMMITTEE (ITRWC)

IT Risk Working Committee (ITRWC) is responsible for promoting effective technology risk management practices for the Bank by monitoring and mitigating incidents of losses, addressing applications issues, ensuring compliance with data and property governance policies, identifying internal process inadequacies, and implementing risk control and escalation measures as required by the Management, Board, regulators, or industry best practices. By actively engaging on these issues, the ITRWC aims to protect the Bank from the negative impact of technology-related risks and promote a culture of responsible risk management.

RISK MANAGEMENT STRATEGY

"Risk" is defined as the "effect of uncertainty on objective" and risk management in BSN is defined as, "A continuous, proactive and systematic process to understand, identify, manage and communicate risk from an enterprise-wide perspective. It is about facilitating the Bank in making its decisions, contributing to the achievement of the Bank's Corporate Strategic Plan (CSP)." The basic strategic of the Bank's risk management is that all of its activities must strive for optimal balance between the Bank's mandated roles, and growth/return goals against the related risks. At the same time, the risk-reward relationship must also be in line with the industry's best structure, governance and practices while adhering to regulatory and Shariah requirements and achieve its targeted objectives. In addition, the Bank's operation and activities must be guided and principally governed through the accepted Risk Governance and where applicable, the Shariah Governance Framework, and other regulatory requirements by the relevant authorities. Based on this risk management strategy the Bank adopts the concept of "three lines of defence", where risks are collectively managed by all departments and functions based on their respective roles.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO

STATEMENT ON RISK MANAGEMENT

MEMBANGUNKAN BUDAYA PENGURUSAN RISIKO YANG LESTARI

Penentu utama kejayaan dalam pengurusan risiko ialah memastikan budaya kelestarian yang kukuh dan kesedaran risiko meresap dalam setiap kakitangan Bank. Pihak Bank akan memberikan sokongan penuh untuk melaksanakan proses pengurusan risiko dengan struktur organisasi yang bersesuaian dan akan memastikan kebertanggungjawaban ditakrifkan dengan jelas dan disampaikan di semua peringkat. Ini akan membolehkan maklumat risiko disampaikan melalui struktur pelaporan yang jelas dan mantap.

SELERA RISIKO

Selera risiko Bank mentakrifkan sempadan dan pertimbangan perniagaan selaras dengan strategi korporat, pelan perniagaan, dan kapasiti serta keupayaan teknologi Bank, dengan pertimbangan sewajarnya kepada kapasiti pengambilan risiko dan had toleransi Bank. Ia mewujudkan pendekatan bersepadu yang memanfaatkan tadbir urus risiko dengan meletakkan tumpuan dan penekanan yang sama kepada risiko kewangan dan bukan kewangan jangka pendek dan jangka panjang, dengan jangkaan pengawalseliaan yang diserapkan, dalam menyampaikan hasil yang ketara dengan cara yang kos efektif. Selera risiko memudahkan pihak berkepentingan dalam merumuskan hala tuju perniagaan strategik dan taktikal serta membuat keputusan operasi harian dengan mewujudkan asas untuk mengukur, memantau dan menyesuaikan, jika perlu, kedudukan risiko sebenar berbanding selera risiko yang dinyatakan. Hasil selera risiko juga membentuk asas di mana pihak berkepentingan Bank boleh menimbulkan isu risiko dan kebimbangan lain berkaitan Bank dan memastikan pengurusan risiko sejajar dengan keperluan dan jangkaan kawal selia.

DEVELOPING SUSTAINABLE RISK MANAGEMENT CULTURE

The key determinant of success in risk management is ensuring that a strong sustainable culture and awareness of risk permeates across every employee of the Bank. The Bank shall provide full support to implement the risk management processes with an appropriate organisational structure and shall ensure that accountabilities are clearly defined and communicated at all levels. This will enable risk information to be communicated through a clear and robust reporting structure.

RISK APPETITE

The Bank's risk appetite defines the boundaries and business considerations in accordance with the Bank's corporate strategy, business plan, and technological capacity and capability, with due consideration to the Bank's risk-taking capacity and tolerance limit. It establishes an integrated approach that capitalises on the risk governance by placing an equal focus and emphasis on the short-term and long-term financial and non-financial risks, with embedded regulatory expectations, in delivering tangible results in a cost effective manner. The risk appetite facilitates stakeholders in formulating strategic and tactical business directions and daily operational decision-making by establishing a basis for measuring, monitoring and adjusting, when necessary, the actual risk positions against the expressed risk appetite. The risk appetite outcomes also form the basis by which the Bank's stakeholders may raise risk issues and other relevant concerns across the Bank and ensures that the management of risks are aligned with the regulatory requirements and expectations.

Fokus Masa Nyata Real Time Focus	Barisan Pertahanan Pertama First Line of Defence	- Menerapkan rangka kerja pengurusan risiko/dasar dan amalan pengurusan risiko yang mantap ke dalam prosedur operasi standard. - Embedding risk management framework/policies and sound risk management practices into standard operating procedures. - Bertanggungjawab memantau dan menilai risiko dan kawalan. - Responsible and accountable for monitoring and assessing risks and controls. - Memastikan kakitangan mempunyai kemahiran dan latihan yang sesuai. - Ensuring staff have the appropriate skills and trainings. - Bertanggungjawab ke atas pengurusan harian risiko operasi dalam bidang kuasa mereka dengan menerapkan dasar, prosedur, proses, sistem dan sumber untuk mengurus risiko operasi yang dilaksanakan oleh fungsi tersebut. - Responsible for the day-to-day management of operational risks within their purview by embedding policies, procedures, processes, systems and resources to manage operational risks undertaken by the function. - Bertanggungjawab mengenalpasti, menilai, mengurangkan, mengawal dan memantau risiko dan kawalan sebagai sebahagian daripada operasi harian mereka. - Responsible for identifying, assessing, mitigating, controlling and monitoring risk and controls as part of their day-to-day operations. - Semua fungsi perniagaan dan sokongan bertanggungjawab melantik Wakil Risiko (RR) untuk menyokong pelaksanaan aktiviti pengurusan risiko operasi. - All business and support functions are responsible to designate Risk Representatives (RR) to support the implementation of operational risk management activities. - Proaktif dan reaktif kepada perubahan dalam persekitaran risiko. - Proactive and reactive to changes in the risk environment.	Unit Perniagaan/ Unit Sokongan Business Units/ Support Units
-------------------------------------	---	---	---

Tadbir Urus/Governance

Fokus Kajian & Masa Nyata Real Time & Review Focus	Barisan Pertahanan Kedua Second Line of Defence	- Membangunkan rangka kerja pengurusan risiko, dasar, sistem, proses dan alatan, termasuk mengesahkan dan mencabar penilaian aktiviti pengurusan risiko untuk pengurusan dan pengukuran risiko yang berkesan dan konsisten di seluruh Bank. - Develop risk management framework, policies, system, processes and tools, including validating and challenging the assessment of the risks management activities for effective and consistent management and measurement of risks across the Bank. - Menyokong unit-unit pada barisan pertahanan pertama dalam menerapkan budaya pengurusan risiko di Bank. - Support units in the 1st line of defence in embedding the risk management culture in the Bank. - Proaktif dan reaktif kepada perubahan dalam persekitaran risiko. - Proactive and reactive to changes in the risk environment.	Jabatan Pengurusan Risiko/Jabatan Pematuhan Risk Management Department/ Compliance Department
Fokus Kajian Review Focus	Barisan Pertahanan Ketiga Third Line of Defence	- Mengkaji semula keberkesanan amalan pengurusan risiko. - Review the effectiveness of risk management practices. - Mengesahkan tahap pematuhan. - Verify the level of compliance. - Mengesyorkan penambahbaikan dan tindakan pembedahan, jika perlu. - Recommend improvements and corrective actions, where necessary.	Jabatan Audit Dalaman Internal Audit Department

Rajah 2: Model Pengurusan Risiko Tiga Barisan Pertahanan

Figure 2: Risk Management Three Lines of Defence Model

PROSES PENGURUSAN RISIKO/RISK MANAGEMENT PROCESS



Rajah 3: Proses Pengurusan Risiko


Figure 3: Risk Management Process

PENYATA PENGURUSAN RISIKO

STATEMENT ON RISK MANAGEMENT

Proses pengurusan risiko dalam Bank melibatkan pengenalan/pastian, penilaian/pengukuran, mitigasi, pemantauan, komunikasi dan pelaporan bagi mengoptimalkan pulangan ke atas aktiviti pembiayaan dan pengambilan risiko. Proses-proses ini diamalkan dalam mengurus risiko kredit, pasaran, operasi dan ketidakpatuhan Syariah di semua jabatan dan fungsi Bank melalui pembentukan dasar, garis panduan, prosedur dan had risiko yang sesuai. Pengurusan risiko adalah tertumpu kepada bidang-bidang utama berikut:

The risk management process within the Bank involves the identification, assessment/measurement, mitigation, monitoring, communicating and reporting to optimise returns on financing and risk-taking activities. These processes are practiced in managing credit, market, operational and Shariah non-compliance risks across various departments and functions of the Bank via appropriate risk policies, guidelines, procedures and limits. Risk management concentrates on the following key areas:



RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO

1. Risiko Perusahaan

Risiko Perusahaan ialah proses merancang, mengatur, memimpin dan mengurus aktiviti organisasi untuk meminimumkan kesan risiko ke atas modal dan pendapatan organisasi. Pengurusan Risiko Perusahaan membolehkan organisasi menangani ketidakpastian dengan berkesan serta risiko dan peluang yang berkaitan, meningkatkan kapasiti Bank untuk mencapai keseimbangan optimum antara matlamat pertumbuhan dan pulangan serta risiko yang berkaitan. Pengurusan Risiko Perusahaan di BSN adalah berdasarkan prinsip yang digariskan dalam ISO31000:2009.

2. Risiko Operasi

Risiko Operasi merujuk kepada risiko kerugian yang timbul daripada ketidakcukupan atau kegagalan proses dalaman, manusia dan sistem, atau daripada peristiwa luaran yang termasuk tetapi tidak terhad kepada risiko perundangan dan ketidakpatuhan Syariah. Risiko operasi wujud dalam semua aktiviti, produk dan perkhidmatan Bank dan boleh merangkumi pelbagai aktiviti dan bahagian perniagaan di dalam Bank. Ia termasuk spektrum luar risiko heterogen seperti penipuan, kerosakan fizikal, gangguan perniagaan, kegagalan urus niaga, pelanggaran undang-undang dan peraturan serta kesihatan dan keselamatan kakitangan dan ketidakpatuhan Syariah.

RISK MANAGEMENT FRAMEWORK

1. Enterprise Risk

Enterprise Risk is the process of planning, organising, leading and managing the activities of the organisation in order to minimise the effects of risk on the organisation's capital and earnings. Enterprise Risk Management enables the organisation to effectively deal with uncertainty and associated risks and opportunities, enhancing the Bank's capacity to achieve an optimal balance between growth and return goals and related risks. Enterprise Risk Management in BSN is aligned with the principles outlined in ISO31000:2009.

2. Operational Risk

Operational Risk refers to the risk of loss resulting from inadequate or failed internal processes, people and systems, or from external events, which include but is not limited to, legal and Shariah non-compliance risks. Operational risk is inherent in all activities, products and services of the Bank and can transverse multiple activities and business lines within the Bank. It includes a wide spectrum of heterogeneous risks such as fraud, physical damage, business disruption, transaction failures, legal and regulatory breaches as well as employee health and safety hazards and Shariah non-compliance.

Tadbir Urus/Governance

Risiko Operasi boleh mengakibatkan kesan kewangan dan bukan kewangan seperti kesan yang timbul daripada liabiliti undang-undang, kehilangan rekurs, pengembalian, penurunan nilai, gangguan perniagaan dan kerosakan reputasi.

Bank mengekalkan rangka kerja pengurusan risiko operasi yang berkesan, yang merangkumi set piawaian, proses, dasar dan struktur yang menyediakan asas untuk melaksanakan kawalan dalaman di seluruh organisasi. Kunci kepada ini adalah penubuhan struktur tiga (3) barisan pertahanan yang terdiri daripada fungsi perniagaan dan sokongan, Pengurusan Risiko dan Audit Dalaman, dengan pengawasan yang teguh oleh Pengurusan dan Lembaga Pengarah. Tahap pelaksanaan pendekatan tiga (3) barisan pertahanan adalah setimpal dengan sifat, saiz, dan kerumitan operasi perniagaan Bank.

3. Risiko Kredit

Risiko Kredit ditakrifkan sebagai potensi kehilangan pendapatan yang timbul daripada kegagalan para pelanggan atau rakan niaga (daripada aktiviti pinjaman dan pelaburan) untuk memenuhi tanggungjawab mereka seperti yang dijadualkan. Pendedahan Bank kepada risiko kredit adalah terutamanya daripada aktiviti pinjaman/pembiayaan kepada pelanggan runcit, perusahaan mikro, kecil dan sederhana. Pelaburan dalam ekuiti, bon dan sekuriti pasaran lain juga akan mendedahkan Bank kepada risiko kredit. Berpandukan kepada selera risiko perniagaan di seluruh Bank, fungsi Jabatan Pengurusan Risiko adalah untuk menguruskan pendedahan risiko kredit ke tahap yang boleh diterima berbanding modal, dan bagi memastikan pulangan terlaras risiko dimaksimumkan ketika beroperasi berpandukan selera risiko dan tahap toleransi Bank. Untuk memastikan risiko kredit dikurangkan, prestasi kualiti aset sentiasa dipantau dan diawasi.

Satu lagi bidang yang ditadbir di bawah bidang Risiko Kredit ialah penggunaan model untuk pelbagai tujuan berkaitan kredit (contohnya peruntukan kredit di bawah MFRS9) yang mendedahkan Bank kepada Risiko Model. Risiko Model ditakrifkan sebagai risiko model yang dibangunkan tidak mencapai prestasi yang memuaskan seperti mana objektif, tujuan dan jangkaannya, yang mungkin berpotensi mengakibatkan kerugian kewangan, keputusan perniagaan yang tidak wajar, salah nyata pendedahan kewangan atau kerosakan reputasi. Untuk mengurus risiko model dengan betul, Bank telah mewujudkan proses tadbir urus, pengawasan dan pemantauan yang wajar untuk memastikan model yang digunakan kekal sesuai untuk digunakan.

Sebagai sebahagian daripada tadbir urus model, pengesahan model dilaksanakan untuk menilai sama ada model yang dibangunkan berfungsi mengikut jangkaan. Ia dilaksanakan bebas daripada fungsi pembangunan model dan penggunaan model sebelum pelaksanaan model serta selepas pelaksanaan secara berkala. Selain itu, pemantauan berkala perlu dilakukan oleh pemilik model untuk memastikan model berfungsi seperti yang dijangkakan, dan andaian yang digunakan dalam pembangunan model kekal wajar. Kedua-dua proses disemak secara bebas oleh Audit Dalaman.

Operational Risk may result in both financial and non-financial impacts such as the impact arising from legal liability, loss of recourse, restitution, write downs, business interruption and reputational damage.

The Bank maintains an effective operational risk management framework, which encompasses a set of standards, processes, policies and structures that provide the basis for carrying out internal controls across the organisation. Key to this is the establishment of a three (3) lines of defence structure consisting of the business and support functions, Risk Management and Internal Audit, with robust oversight by Management and the Board. The degree of implementation of the three (3) lines of defence approach commensurates with the nature, size and complexity of the business operations of the Bank.

3. Credit Risk

Credit Risk is defined as the potential loss of income arising from failure of customers or counterparties (from financing and investment activities) to fulfil their obligations as scheduled. The Bank's exposure to credit risk is primarily from its lending/financing activities to retail customers, micro, small and medium-sized enterprises. Investment in equities, bonds, and other marketable securities will also expose the Bank to credit risk. Guided by the Bank-wide risk appetite, the Risk Management Department's function is to manage credit risk exposures to an acceptable level vis-à-vis the Bank's capital, and to ensure maximum risk-adjusted returns while operating within the Bank's risk appetite and its tolerance level. To ensure that credit risk is being mitigated, performance on the asset quality is constantly monitored and tracked.

Another area governed under Credit Risk's ambit is the utilisation of models for various credit related purposes (e.g. credit provisioning under MFRS9) which exposes the Bank to model risk. Model Risk is defined as the risk of a developed model not performing adequately to its objectives, purposes and expectations, which may potentially result in financial loss, inappropriate business decisions, misstatement of financial disclosures, or damage to the reputation. In order to properly managed the model risk, the Bank has established proper governance, oversight and monitoring process to ensure the models used remain fit-for-use.

As part of model governance, model validation is performed in order to assess whether the developed models are performing according to expectations. It is performed independently from the model development function and model users before model implementation as well as periodically post-implementation. Additionally, periodic monitoring is required to be carried out by the model owners to ensure that the models are performing as expected, and that the assumptions used in model development remain appropriate. Both processes are reviewed independently by Internal Audit.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO

STATEMENT ON RISK MANAGEMENT

4. Risiko Aset dan Liabiliti (ALM)

Risiko ALM adalah risiko berkaitan kecairan, kadar pulangan, dan barisan aset, liabiliti serta item-item luar lembanganimbangan Bank. Risiko kecairan merujuk kepada kemampuan Bank menanggung peningkatan aset dan memenuhi obligasi, tanpa perlu menanggung kerugian melampau, termasuk kecairan pembiayaan dan pasaran.

5. Risiko Pasaran

Potensi kerugian Bank yang timbul daripada pergerakan negatif dalam faktor-faktor risiko pasaran iaitu harga ekuiti, kadar faedah/keuntungan, sebaran kredit, dan kadar tukaran matawang. Risiko ini mempunyai impak langsung ke atas pendapatan dan nilai ekonomi Bank.

6. Risiko Ketidakpatuhan Syariah

Risiko Syariah ditakrifkan sebagai risiko akibat daripada kegagalan Bank untuk mematuhi peraturan-peraturan dan prinsip-prinsip Syariah yang telah ditentukan oleh Jawatankuasa Majlis Syariah. Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah BSN (BSNSGF) untuk Skim Perbankan Islam diasaskan selaras dengan Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah bagi Institusi Kewangan Islam (SGFIFI) yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Objektif utama BSNSGF adalah untuk memperkukuhkan jangkaan keberkesanan aturan tadbir urus Syariah yang terangkum dalam strategi-strategi perniagaan dan risiko Bank berkaitan operasi, perniagaan, hal ehwal, dan aktiviti Perbankan Islam. Bank pada setiap masa harus memastikan pematuhan penuh terhadap keputusan-keputusan SA dalam melaksanakan operasi harian dan urusan perniagaan selain mempromosikan budaya pematuhan risiko Syariah yang kukuh dalam Bank.

7. Pengurusan Kesenambungan Perniagaan

Pengurusan Kesenambungan Perniagaan (BCM) merupakan rangka kerja perusahaan menyeluruh yang merangkumi dasar-dasar, proses-proses, dan amalan-amalan yang menjamin fungsi berterusan Bank ketika berlakunya gangguan. Ia juga membolehkan Bank menyambung dan memulihkan operasi serta perkhidmatannya ketika berlakunya gangguan, justeru meminimalkan sebarang impak penting ke atas Bank.

8. Teknologi Maklumat dan Risiko Keselamatan Siber

Risiko IT merupakan salah satu risiko perniagaan berkaitan penggunaan, pemilikan, operasi, penglibatan, pengaruh, dan gunapakai IT di dalam Bank. Risiko IT mungkin timbul daripada ketidakcekapan sistem IT, aplikasi, platform atau infrastruktur termasuk ancaman atau pendedahan kepada rangkaian luar atau internet, yang mungkin menyebabkan kerugian kewangan dan gangguan kepada perkhidmatan kewangan atau operasi Bank. Terdapat tiga kategori risiko IT iaitu risiko manfaat IT/pengupayaan nilai, risiko program IT dan penyampaian projek, serta risiko operasi IT dan penyediaan meja perkhidmatan.

4. Asset and Liability (ALM) Risk

ALM risk refers to the risks associated with liquidity, rate of return and the Bank's full range of assets, liabilities and off-balance-sheet items. Liquidity risk refers to the ability of the Bank to fund increases in assets and meet obligations as they fell due, without incurring unacceptable losses, including both market and funding liquidity.

5. Market Risk

Potential loss to the Bank arising from adverse movements in market risk factors, namely equity prices, interest/profit rates, credit spreads and currency exchange rates. This risk has a direct impact on the earnings, as well as the economic value of the Bank.

6. Shariah Non-Compliance Risk

Shariah risk is the risk that arises from the Bank's failure to comply with the Shariah rules and principles as determined by the Shariah Committee (SC) of BSN and relevant Shariah Authorities (SA). BSN Shariah Governance Policy (BSNSGP) is established in line with the Shariah Governance Policy Document (SGPD) issued by Bank Negara Malaysia (BNM). The primary objective of BSNSGP is to strengthen the expectations for effective Shariah governance arrangements that are well integrated with business and risk strategies of the Bank in relation to Islamic Banking operations, business, affairs and activities. The Bank shall at all times ensure full compliance with the SA's decisions in carrying out the day-to-day operations and business dealings as well as promoting a strong Shariah compliance risk culture within the Bank.

7. Business Continuity Management (BCM)

Business Continuity Management (BCM) is an enterprise-wide framework that encapsulates policies, processes and practices that ensure the continuous functioning of the Bank during an event of disruption. It also prepares the Bank to resume and restore its operations and services in a timely manner during an event of disruption, thus minimising any material impact to the Bank.

8. Information Technology and Cybersecurity Risk

IT risk is one of the business risks specifically associated with the use, ownership, operation, involvement, influence, and adoption of IT within the Bank. IT risk may arise from the non-performance of IT systems, applications, platforms or infrastructures including threats or vulnerabilities exposure to external network or internet, which could result in financial loss, disruption of financial services or the operations of the Bank. IT risk can be categorised into three (3) different categories namely IT benefits/value enablement risk, IT programme and project delivery risk and IT operations and service desk delivery.

Tadbir Urus/Governance

Risiko keselamatan siber adalah risiko perniagaan berkaitan kemungkinan ancaman dan serangan siber seperti penggodaman, perisian hasad, pancutan data, dan kejuruteraan sosial yang menjejaskan kerahsiaan, integriti, dan ketersediaan sistem maklumat dan data Bank. Risiko keselamatan siber boleh menyebabkan kerugian kewangan, kerosakan reputasi, ketidakpatuhan kawal selia, serta liabiliti perundangan. Justeru, adalah kritikal untuk Bank menyediakan langkah-langkah pengurusan keselamatan siber yang mantap bagi mengurangkan dan mengurus risiko keselamatan siber. Ini termasuk tetapi tidak terhad kepada pelaksanaan kawalan keselamatan siber yang kukuh seperti “firewall”, penilaian keselamatan lazim seperti Pentest, penyediaan latihan kesedaran keselamatan siber untuk kakitangan, serta pembangunan dan ujian pelan-pelan tindakbalas insiden bagi memastikan tindakbalas yang berkesan dan tepat pada masanya.

9. Risiko Alam Sekitar

Risiko alam sekitar timbul daripada operasi dalaman dan operasi pelanggan. Risiko alam sekitar adalah risiko kewangan akibat pendedahan Bank kepada aktiviti-aktiviti yang mungkin mengakibatkan atau terkesan daripada penjejasan alam sekitar (seperti pencemaran udara, pencemaran dan kekurangan air bersih, pencemaran dan pengeringan tanah, kehilangan biodiversiti, dan penebangan hutan) serta kehilangan ekosistem. Risiko alam sekitar juga boleh dijelaskan dalam bentuk risiko fizikal dan risiko peralihan. Ia harus dilihat sebagai risiko silang yang menjejaskan risiko utama lain. Tanggungjawab menguruskan risiko alam sekitar ditugaskan kepada tiga barisan pertahanan.

KOMITMEN ALAM SEKITAR, SOSIAL DAN TADBIR URUS (ESG) BANK SIMPANAN NASIONAL (BSN)

Sebagai sebuah Institusi Kewangan Pembangunan (IKP), BSN komited dalam menerapkan amalan-amalan baik ESG dalam perniagaan dan operasi kami bagi menyokong visi kami iaitu ‘Tiada Rakyat Malaysia Ketinggalan’. Kami menyedari akan peranan kami untuk mewujudkan masa hadapan yang lestari untuk semua, dan dalam hal ini, kami terus berusaha memahami keperluan pelbagai pihak berkepentingan kami di samping memberi perhatian kepada kesan tindakan kami ke atas komuniti di mana kami beroperasi. Kami sentiasa menilai cara untuk menerapkan amalan kelestarian agar kami dapat menguruskan risiko kami dengan wajar dalam usaha kami memperkasakan pertumbuhan ekonomi dan masyarakat selaras dengan Pelan Strategik Korporat BSN, “Melangkah Ke Hadapan. Bersama-sama. Melakukan Apa yang Kami Lakukan Dengan Baik. Lebih Baik”.

Komponen-komponen ESG diterapkan dalam pelbagai aktiviti yang dijalankan oleh BSN seperti yang diperincikan di bawah.

Cybersecurity risk is a specific type of business risk that involves the potential for cyber threats and attacks, such as hacking, malware, phishing, and social engineering, which compromise the confidentiality, integrity, and availability of the Bank's information systems and data. Cybersecurity risk can result in financial loss, reputational damage, regulatory non-compliance, and legal liability. Therefore, it is critical for the Bank to have robust cybersecurity management measures in place to mitigate and manage cybersecurity risk. This includes but not limited to implementing robust cybersecurity controls such as firewall, conducting regular security assessments such as Pentest, providing cybersecurity awareness training to employees, and developing and testing incident response plans to ensure a timely and effective response to cybersecurity incidents.

9. Environmental Risk

Environmental risk arises from internal operations as well as through customers operations. Environmental risks are financial risks posed by the exposure of the Bank to activities that may potentially cause or be affected by environmental degradation (such as air pollution, water pollution and scarcity of fresh water, land contamination and desertification, biodiversity loss, and deforestation) and the loss of ecosystem services. Environmental risk can be further described in physical risk and transition risk. It should be viewed as cross-cutting risk that affects other principal risk-types. The responsibility in managing environmental risk is assigned across the three lines of defense.

BANK SIMPANAN NASIONAL'S (BSN) ENVIRONMENTAL, SOCIAL AND GOVERNANCE (ESG) COMMITMENT

As a Development Financial Institution (DFI), BSN is committed to ensure good ESG practices are embedded in our business and operations in support of our vision of ‘No Malaysian Left Behind’. We are aware of the role we can play in creating a sustainable future for all, and in this regard, we continuously seek to understand the needs of our different stakeholders, while remaining attentive to the implications of our actions on the communities we serve. We continue to assess how we can further embed sustainability considerations, so that we can manage our risks appropriately even as we help facilitate economic and societal growth in line with BSN's Corporate Strategy Plan of “Step Forward. Together. Doing what we do well. Better”.

Components of ESG are embedded in various activities undertaken by the Bank as detailed below.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO

STATEMENT ON RISK MANAGEMENT

Tadbir Urus Korporat

Tadbir urus korporat memastikan proses membuat keputusan dilakukan secara bertanggungjawab demi menjaga kepentingan BSN dan pihak berkepentingannya. Ini memastikan kami memenuhi jangkaan pihak berkepentingan dan melaksanakan mandat kami untuk kelestarian, sekaligus mengurangkan risiko dalam perniagaan kami. Oleh itu, ia merupakan aspek penting dalam meletakkan kami sebagai penyedia perkhidmatan kewangan yang berwibawa dan boleh dipercayai. Dasar dan amalan yang wajar mengukuhkan budaya integriti dan ketelusan yang sihat di seluruh BSN. Kelestarian tadbir urus yang baik diterapkan dalam Nilai-Nilai Teras dan Kod Etika serta penginstitutionalisan sasaran dan petunjuk-petunjuk prestasi utama BSN.

Dalam melaksanakan tugas fidusiari dan fungsi kepemimpinannya, Lembaga Pengarah mentadbir dan menetapkan hala tuju strategik BSN sambil melaksanakan pengawasan yang berkesan terhadap pihak pengurusan. Lembaga Pengarah tidak terlibat dalam operasi perniagaan harian BSN. Pengarah Bebas dalam Lembaga Pengarah berperanan mewujudkan ketidakberpihakan/kesaksamaan dalam hal-hal yang mungkin menimbulkan percanggahan dan kepentingan diri bagi pihak-pihak berkaitan. Di samping itu, Pengarah Bebas memainkan dua peranan dalam penciptaan nilai dan pemeliharaan nilai, dengan sentiasa bertindak demi kepentingan terbaik pihak berkepentingan Bank.

Ketelusan dan Pelaporan

Ketelusan membina kepercayaan, keterlibatan dan komitmen pihak berkepentingan kami terhadap visi dan misi BSN. Kami sentiasa membincangkan dan mempertimbangkan tahap ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam pelaporan merentasi pelbagai fungsi BSN. Ini menyumbang secara positif kepada peningkatan kualiti pelaporan kami, dari segi penyampaian maklumat secara seimbang, bermakna dan tepat kepada pelbagai pihak berkepentingan kami.

Kelestarian Kewangan

Dalam memberi keutamaan kepada kepentingan terbaik pelanggan dan kelestarian jangka panjang, aktiviti pembiayaan kami adalah sejajar dengan Garis Panduan Bank Negara mengenai Pembiayaan Bertanggungjawab dan Dokumen Dasar mengenai Layanan Adil terhadap Pengguna Kewangan. Pembiayaan kepada pihak-pihak yang berkait ditadbir oleh Dasar Dalam Pembiayaan kepada Pihak-Pihak Berkait BSN untuk memastikan bahawa semua urus niaga dilaksanakan secara telus dan setaraf.

Melalui dasar kami yang mengutamakan unsur Islam, amalan pemberian pinjaman kami dipertingkatkan oleh prinsip Syariah di mana kami mengelak dari memberi pinjaman di sektor yang dilarang. Pengawasan risiko yang berkaitan dengan aktiviti pembiayaan kami adalah berdasarkan parameter Syariah, yang memberikan panduan kepada proses dan amalan kami untuk memastikan urus niaga dilaksanakan selaras dengan keperluan Syariah. Risiko ketidakpatuhan Syariah dikurangkan melalui pemantauan rapi terhadap ketidakpatuhan Syariah dalam semua aspek kitaran hayat produk.

Corporate Governance

Corporate governance ensures accountable decision-making in the interest of the Bank and its stakeholders. It ensures that we are meeting stakeholder expectations and carrying out our mandate for sustainability, while also mitigating the risks in our business. Hence, it is a fundamental aspect in positioning us as a trusted and credible financial services provider. Appropriate policies and practices reinforce a healthy culture of integrity and transparency throughout BSN. Sustainability of good governance is embedded in the Bank via our Core Values and Code of Ethics as well as institutionalisation of targets and KPIs.

In discharging its fiduciary duties and leadership functions, the Board governs and sets the strategic direction of the Bank while exercising effective oversight on management. The Board shall not be involved in day-to-day business operations of the Bank. Independent Directors of the Board serve to establish impartiality on matters of possible conflict and vested interests of related parties. In addition, Independent Directors play a dual role in value creation as well as value preservation, by always acting in the best interests of the Bank's stakeholders.

Transparency and Reporting

Transparency builds trust, engagement and commitment of our stakeholders to the vision and mission of the Bank. We continuously discuss and deliberate on the level of transparency and accountability in reporting across various functions of the Bank. This positively contributes to improving the quality of our reporting, in terms of presenting information in a balanced, meaningful and accurate manner to our various stakeholders.

Financial Sustainability

In putting our customers' best interest and long-term sustainability at the forefront, our financing activities are aligned with Bank Negara's Guideline on Responsible Financing and Policy Document on Fair Treatment of Financial Consumers. Financing to connected parties are governed by BSN's internal Financing to Connected Parties Policy to ensure that all such transactions are conducted in a transparent and arms-length basis.

Through our Islamic-first policy, our lending practices are enhanced by Shariah principles and we refrain from lending in prohibited sectors. Oversight of the risks associated with our financing activities is based on Shariah parameters, which guide our processes and practices to ensure that transactions are carried out in accordance with Shariah requirements. Shariah non-compliance risks are mitigated through rigorous monitoring of Shariah non-compliance in all aspects of the product life-cycle.

Tadbir Urus/Governance

Tanggungjawab Produk dan Perkhidmatan

Sebagai sebuah Institusi Kewangan Pembangunan (IKP), BSN bukan sahaja bertanggungjawab untuk membangunkan dan menyampaikan perkhidmatan kewangan yang mencipta nilai untuk Bank tetapi juga untuk menyokong matlamat sosial dan ekonomi yang lebih luas. Dengan meningkatkan penggunaan teknologi, mendorong inovasi dan penambahbaikan berterusan terhadap produk dan perkhidmatan kami, BSN menyokong pelanggan dan komuniti kami sambil memacu pertumbuhan yang lestari.

Piagam Layanan Adil Pelanggan BSN menyatakan komitmen kami untuk menyampaikan piawaian kesaksamaan yang tertinggi dalam semua urusan kami demi melindungi kepentingan dan kesejahteraan kewangan pelanggan kami. Kami komited dalam memberikan nasihat yang jelas dan jujur dan untuk memastikan produk kewangan yang kami tawarkan adalah sesuai untuk pelanggan kami. Kami percaya bahawa memberikan hasil yang adil dan saksama kepada pelanggan akan membantu kami membina dan menjalin hubungan jangka panjang dengan pelanggan kami.

Amalan Perolehan Bertanggungjawab

Proses, dasar dan tatacara dalaman kami menyediakan panduan bagi memastikan amalan perolehan kami beretika dan bertanggungjawab, mematuhi prinsip keadilan dan mempertimbangkan semua kriteria yang wajar secara menyeluruh apabila memilih pembekal. Semua keputusan pembelian mesti dibuat berdasarkan amalan tadbir urus yang baik dan demi kepentingan terbaik Bank.

Tadbir urus dan tatacara dalaman yang mantap, termasuk Dasar Tanpa Hadiah BSN, menyediakan panduan bagi semua pihak yang terlibat dalam proses perolehan ke arah memastikan tingkah laku beretika dan mencegah situasi konflik kepentingan. Semua sebut harga dan tender yang dikemukakan oleh pembekal dinilai berdasarkan kualiti barangan dan perkhidmatan, latar belakang, pengalaman dan rekod prestasi pembida dan daya saing harga.

Oleh itu, komitmen kami terhadap menegakkan ketelusan, kerahsiaan dan keadilan dalam semua urusan kami memastikan bahawa semua pembekal kami dilayan secara adil dan saksama.

Pertumbuhan dan Pengekalan Kakitangan

Warga kerja kami dan bakat mereka adalah sangat penting untuk pertumbuhan kami. Di BSN, kami menggalakkan kepelbagaian di tempat kerja yang mendorong modal insan berbakat untuk membangunkan potensi mereka sepenuhnya. Cara kerja dan tindakan kami adalah berlandaskan nilai-nilai teras kami iaitu C.A.R.E (Komited, Cerdas, Menghormati dan Beretika).

Persekitaran perniagaan masa kini memerlukan warga kerja kami untuk dilengkapi dengan kemahiran yang akan mempersiapkan mereka untuk menguruskan risiko operasi perniagaan semasa dan yang bakal muncul. Kami percaya bahawa pengurusan perolehan, pertumbuhan dan pengekalan bakat yang berkesan dan cekap dapat menjamin kesinambungan, produktiviti, prestasi dan daya saing perniagaan.

Products and Services Responsibility

As a DFI, BSN is responsible not only for designing and delivering financial services that create value for the Bank but to also support wider social and economic goals. By deepening the utilisation of technology, driving innovation and constant enhancement to our products and services, BSN supports our customers and communities while driving sustainable growth.

BSN's Treat Customers Fairly Charter specifies our commitment to provide the highest standards of fairness in all our dealings to protect the interests and financial well-being of our customers. We are committed in providing clear and honest advice and to ensure that the financial products we offer are suitable for our customers. We believe that providing fair outcomes for customers helps us to build and foster long-term relationships with our customers.

Responsible Procurement Practices

Our internal processes, policies and procedures guide us in ensuring that our procurement practices are ethical and responsible, adhere to the principles of fairness and consider all appropriate criteria thoroughly when selecting suppliers. All purchasing decisions must be based on good governance practices and in the best interest of the Bank.

Robust internal governance and procedures, including the Bank's No-Gift Policy, guide all those involved in the procurement process towards ensuring ethical conduct and preventing situations of conflicts of interest. All quotations and tenders submitted by suppliers are evaluated on the basis of quality of goods and services, background, experience and track record of the bidders and competitiveness of price.

Hence, our commitment to transparency, confidentiality and fairness in all our dealings ensures that all our suppliers can expect to be treated fairly and equally.

Employee Growth and Retention

Our people and their talent are fundamental to our growth. At BSN, we encourage a workplace with full diversity which attracts talented human capital to develop their fullest potential. We work and behave by our core values of C.A.R.E (Committed, Agile, Respectful & Ethical).

Today's business environment requires our people to be equipped with skills that will prepare them to manage present and emerging risks of our business operations. We believe that effective and efficient management of talent acquisition, growth and retention can ensure business continuity, productivity, performance and competitiveness.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO

STATEMENT ON RISK MANAGEMENT

Hubungan Komuniti

Kami percaya bahawa penglibatan dalam pelbagai inisiatif komuniti akan memupuk rasa tanggungjawab di kalangan warga kerja kami terhadap pelbagai isu sosial dan alam sekitar. Ini juga mengukuhkan kepercayaan terhadap peranan penting mereka dalam membuat perubahan positif menerusi penyelesaian yang lestari.

Sejak dahulu lagi kami telah memberi perkhidmatan kepada seluruh lapisan rakyat Malaysia tanpa mengira latar belakang, bangsa dan kedudukan sosial. Seajar dengan visi Bank iaitu 'Tiada Rakyat Malaysia Ketinggalan', Bank komited untuk menjalinkan hubungan yang lestari dan bermakna dengan pelanggannya melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR), yang bertujuan memberi impak positif kepada komuniti. CSR BSN adalah seajar dengan janji jenamanya untuk memberi masyarakat, terutamanya yang kurang mendapat perkhidmatan, peluang untuk menikmati kehidupan yang lebih baik di samping memperjuangkan mandat kami untuk menyediakan rangkuman kewangan kepada semua. BSN akan memastikan semua program CSR melengkapi nilai-nilai terasnya.

Penglibatan Pihak Berkepentingan

Penglibatan sistematik merupakan asas untuk memahami keperluan pihak berkepentingan. Maklum balas dan input pihak berkepentingan kami adalah sangat berharga dan kami berhubung dengan mereka secara berkala melalui pelbagai platform sebagai kelaziman dalam perniagaan kami. Adalah penting untuk menganalisis, memahami dan bertindak balas terhadap jangkaan, keperluan, dan isu-isu pihak berkepentingan yang kian berkembang untuk memacu prinsip-prinsip dan program-program yang akan meningkatkan kesedaran dan mendorong sokongan untuk tindakan yang berkesan ke arah mencapai pembangunan yang lestari.

Risiko Iklim

BSN menyedari bahawa perubahan iklim mempunyai impak besar ke atas masyarakat, ekonomi, dan sistem kewangan. Di mana wajar, Bank menggunakan Taksonomi Berdasarkan Perubahan Iklim dan Taksonomi Berasaskan Prinsip (CCPT) serta Pengurusan Risiko Iklim dan Analisis Senario (CRMSA) yang dikeluarkan Bank Negara dalam amalan-amalan dan model-model perniagaan keseluruhannya, termasuk tapi tidak terhad kepada rangkuman aspek kemampunan ke dalam strategi dan operasinya. Bank juga memberi sokongan berterusan di mana wajar kepada agenda kemampunan Kerajaan dan pengawal selia bagi menyokong aktiviti-aktiviti pengurangan dan adaptasi perubahan iklim. BSN berusaha membina kebingkasan terhadap risiko-risiko iklim dalam bentuk risiko fizikal, peralihan, dan liabiliti menerusi pembangunan kriteria penerimaan risiko yang berkaitan bagi menyediakan penilaian yang lebih baik ke atas pelanggan sedia ada dan prospek selain aktiviti ekonomi yang melibatkan mereka.

Community Relations

We believe that involvement in various community initiatives helps instill a sense of responsibility in our employees towards various social and environmental issues. It also reinforces belief in their critical role in bringing about positive change through sustainable solutions.

We have a long-standing tradition of serving Malaysians from all walks of life regardless of background, race and social standing. In line with the Bank's vision of 'No Malaysian Left Behind', the Bank is committed to achieve sustainable and meaningful relationships with its customers through corporate social responsibility (CSR) programmes, which will bring positive impact to the community. BSN's CSR is aligned with its brand promise to provide society, especially the underserved, the opportunity to enjoy a better life by championing our mandated roles in providing financial inclusion to all. BSN shall ensure that all CSR programmes complement its core values.

Stakeholder Engagement

Systematic engagement is fundamental to understanding stakeholders' needs. Our stakeholders and their inputs are valuable to us and we seek to reach out to them regularly through various platforms as part of the usual course of our business. It is crucial to analyse, understand and respond to the evolving expectations, needs, and issues of our stakeholders to advocate principles and programmes that will raise awareness and activate support to enable meaningful actions towards sustainable development.

Climate Risks

BSN recognises that climate change has a significant impact on the society, economy and financial system. The Bank adopts the Climate Change and Principle Based Taxonomy (CCPT) and Climate Risk Management and Scenario Analysis (CRMSA), as issued by Bank Negara where applicable into its overall business practices and models including but not limited to integrating sustainability considerations into its strategy and operations. The Bank shall also provide continuous support where applicable towards the Government and regulators' sustainability agenda to support climate change mitigation and adaptation activities. BSN will endeavor to build resilience against climate related risk in the forms of physical, transition and liability risk via the establishment of relevant risk acceptance criteria to provide better assessment of existing and prospective customers as well as the economic activities which they are involved.

KENYATAAN AUDIT DALAMAN INTERNAL AUDIT STATEMENT

Jabatan Audit Dalam (JAD) melaporkan secara bebas kepada Jawatankuasa Lembaga Audit (*Board Audit Committee, BAC*) dan ia adalah bebas daripada aktiviti dan operasi perniagaan serta unit sokongan yang lain. JAD secara berkala akan menilai kecukupan, kecekapan dan keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan dan proses tadbir urus yang dilaksanakan oleh pihak Pengurusan BSN.

Skop audit JAD merangkumi semua unit perniagaan dan sokongan termasuk anak-anak syarikat. Pengenalpastian unit-unit untuk diaudit secara keseluruhannya adalah berdasarkan rangka kerja JAD yang berasaskan faktor risiko yang diluluskan oleh BAC. Pelan audit tahunan dirangka berdasarkan penilaian risiko, pendedahan dan strategi BSN. Bahagian-bahagian yang dinilai sebagai berisiko tinggi adalah tertakluk kepada audit tahunan, manakala bahagian-bahagian yang dinilai sebagai berisiko sederhana tinggi, sederhana atau rendah adalah tertakluk kepada audit “cycle” yang diluluskan.

Walaupun berasaskan penilaian risiko, pelan audit juga mengambil kira bahagian yang akan diaudit secara tahunan mengikut keperluan kawal selia dan kriteria-kriteria lain seperti kejadian penipuan terkini, penarafan audit yang menurun sebelumnya serta faktor-faktor lain yang berkaitan. JAD juga menjalankan penyiasatan terhadap kes yang disyaki melibatkan penipuan oleh kakitangan, pelanggan atau pihak ketiga dan mencadangkan penambahbaikan yang sesuai untuk mengelakkan kejadian yang sama berulang serta tindakan yang perlu diambil.

JAD mempunyai akses tanpa had kepada pihak BAC dan maklumat yang diperlukan dalam menjalankan kerja pengauditan, yang mana asasnya termasuk mengenalpasti risiko yang boleh memberi impak negatif kepada prestasi BSN dan/atau menghalang BSN daripada mencapai matlamat korporatnya. Pihak BAC juga akan memastikan bahawa pihak pengurusan memahami risiko dan proaktif dalam pengawasan ke atas resolusi dan mitigasi mengikut keperluan.

Laporan Audit menyediakan skop audit yang dilaksanakan, penilaian ke atas sistem kawalan dalaman berserta dengan pemerhatian audit yang terperinci, tindakan mitigasi oleh pihak pengurusan, ulasan dan cadangan JAD untuk penambahbaikan. BAC menyemak dan membincangkan pengecualian atau ketidakpatuhan yang diutarakan dan memastikan bahawa sekiranya perlu dan berkaitan, pihak BAC mengarahkan pihak Pengurusan untuk memberikan perhatian kepada isu-isu berkaitan dan mengambil langkah-langkah yang wajar untuk memperkuat sistem kawalan dalaman berdasarkan cadangan-cadangan audit tersebut.

BAC terdiri daripada empat (4) Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dan seorang Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif. Ia adalah satu Jawatankuasa yang berwakilkan Lembaga Pengarah yang menyediakan pengawasan ke atas laporan kewangan, pendedahan, pematuhan peraturan undang-undang, pengurusan risiko, amalan tadbir urus dan pemantauan proses kawalan dalaman BSN. BAC memanfaatkan kerja-kerja JAD dan Laporan Audit yang dibentangkan kepada BAC. Semua penemuan-penemuan ketara dan penting oleh juruaudit dalaman, juruaudit luar dan pihak pengawalseliaan akan dilaporkan kepada BAC untuk semakan dan perbincangan. Dalam hal ini, BAC memastikan pelan mitigasi dilaksanakan oleh pihak pengurusan dan untuk memastikan tadbir urus yang wajar. Pengurusan unit perniagaan dan sokongan yang diklasifikasikan ‘Tidak Memuaskan’ oleh pihak JAD akan diberi nasihat yang sewajarnya oleh BAC.

The Internal Audit Department (IAD) reports independently to the Board Audit Committee (BAC) and is independent of the activities and operations of the business and other support units. IAD regularly evaluates the adequacy, efficiency and effectiveness of risk management, control, and governance processes implemented by the Management of BSN.

IAD scope of coverage encompasses all business and support units, including subsidiaries. The identification of the auditable units and the audit universe are based on a risk based IAD framework that is approved by BAC. The annual audit plan is developed based on assessment of risks, exposures, and strategies of BSN. Areas that are assessed to be high risk are subject to an annual audit while those that are assessed to be medium high, medium or low risk are subject to a cyclical audit.

Notwithstanding the risk assessment, the annual audit plan will include areas that will be audited annually due to regulatory requirements, and other established criteria such as recent incidence of fraud, previous adverse audit rating or other pertinent considerable factors. IAD also undertakes investigations into alleged frauds by staff, customers or third parties, and recommends appropriate improvements to prevent recurrence and actions to be taken.

IAD has unrestricted access to BAC and information required in the course of its work, which fundamentally involves identifying risks that could negatively impact the performance of BSN and/or keep it from achieving its corporate goals. The BAC ensures that Management fully understands the risks and proactively provide the required oversight for resolution and mitigation, where necessary.

The Audit Report provides the scope of audit work performed, a general evaluation of the system of internal control together with detailed audit observations, management mitigation actions, comments and IAD recommendations for improvement. The BAC reviews and deliberates exceptions or non-compliances raised and ensures that where required and applicable, the BAC directs Management to take cognisance of the issues and establish necessary steps to strengthen the system of internal controls based on audit recommendations.

BAC comprises four (4) Independent Non-Executive Directors and one (1) Non-Independent Non-Executive Director. It is a Board-delegated committee that provides oversight on financial reporting, disclosure, regulatory compliance, risk management, governance practices and monitoring of internal control processes in BSN. BAC leverages on the work of the IAD and the Audit Report that is presented to the BAC. All significant and material findings by the internal auditors, external auditors and regulators are reported to the BAC for review and deliberation. In this regard, the BAC ensures that mitigation plans are implemented by senior management to safeguard the interests of BSN and to upkeep proper governance. Management of business and support units that are rated ‘Unsatisfactory’ by IAD are counselled by the BAC.

LAPORAN JAWATANKUASA SYARIAH

SHARIAH COMMITTEE REPORT

JAWATANKUASA SYARIAH (JKS)

Sebagai sebuah Perniagaan Perbankan Islam, satu rangka kerja tadbir urus Syariah telah diwujudkan sebagai ciri khas dalam struktur organisasi Bank Simpanan Nasional (Bank), yang merangkumi penubuhan JKS selari dengan keperluan Bahagian IV Penggal 2 Seksyen 30 (1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI 2013) dan pelaksanaan Tadbir Urus Syariah oleh organ-organ utama di dalam Bank berdasarkan kepada Dokumen Polisi Tadbir Urus Syariah Bank Negara Malaysia 2019. Secara umum, JKS bertanggungjawab untuk memberikan nasihat kepada Bank untuk memastikan tujuan dan operasi, perniagaan, urusan dan aktiviti kegiatannya mematuhi Syariah.

Untuk memastikan keberkesanan pengawasan dan pengurusan risiko ketidakpatuhan Syariah oleh Bank secara keseluruhannya, JKS dibantu oleh fungsi-fungsi kawalan di bawah Tadbir Urus Syariah iaitu Bahagian Risiko Syariah Jabatan Pengurusan Risiko, Seksyen Semakan Syariah Jabatan Pematuhan dan Bahagian Audit Syariah Jabatan Audit Dalaman, manakala sokongan operasi bagi keberkesanan fungsi JKS dilaksanakan oleh Bahagian Sekretariat, Perundingan, Penyelidikan & Latihan Syariah Jabatan Perbankan Islam.

KOMPOSISI JAWATANKUASA SYARIAH

Keanggotaan JKS adalah terdiri daripada golongan cendekiawan yang mempunyai kelayakan dan pengetahuan yang diperlukan, kepakaran dan pengalaman dalam bidang Syariah terutamanya perundangan Islam dan undang-undang transaksi Islam. Di Bank Simpanan Nasional, JKS terdiri daripada enam (6) orang ahli daripada pelbagai latar belakang dari segi kelayakan, pengalaman dan pengetahuan.

MESYUARAT JAWATANKUASA SYARIAH

Dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023, dua belas (12) mesyuarat JKS termasuk mesyuarat khas telah diadakan sepanjang dua belas (12) bulan dengan kehadiran ahli-ahli JKS adalah seperti berikut:

Bil/ No	Ahli Jawatankuasa Syariah/ Shariah Committee Members	Kehadiran/ Attendance
1	Prof. Madya Dr. Mohamad Zaharuddin Zakaria	12/12
2	Prof. Madya Dr. Kamaruzaman Noordin	12/12
3	Dr. Asma Hakimah Ab Halim	12/12
4	Dr. Razli Ramli	12/12
5	Tuan Haji Ahmad Lutfi Abdull Mutalip @ Talib	12/12
6	Prof. Madya Dr. Mohamed Fairouz Abdul Khir	12/12

SHARIAH COMMITTEE (SC)

As an Islamic Banking Business, a Shariah governance framework has been put in place as a distinct feature in the organisational structure of Bank Simpanan Nasional (the Bank), which includes establishment of the SC in line with the requirement of Part IV Division 2 Section 30 (1) of the Islamic Financial Services Act 2013 (IFSA 2013) and implementation of Shariah Governance by key organs of the Bank in accordance with 2019 BNM Policy Document on Shariah Governance. In general, the SC has the responsibility to provide advice to the Bank to ensure that its aims and operations, business, affairs and activities are in compliance with Shariah.

In ensuring the oversight and effective management of the Bank's overall Shariah non-compliance risk, the SC is assisted by the control functions under the Shariah Governance namely Shariah Risk Division of Risk Management Department, Shariah Review Division of Compliance Department and Shariah Audit Division of Internal Audit Department, while the operational support for the effective functioning of the SC is provided by the Shariah Secretariat, Advisory, Research & Training Division of Islamic Banking Department.

COMPOSITION OF SHARIAH COMMITTEE

Members of the SC are scholars who have the qualifications and necessary knowledge, expertise and experience in the areas of Shariah especially Islamic jurisprudence and Islamic commercial laws. In Bank Simpanan Nasional, the SC consists of six (6) members with diverse backgrounds in terms of qualifications, experience and knowledge.

SHARIAH COMMITTEE MEETING

For the financial year ended 31 December 2023, twelve (12) SC meetings including special meeting were held during the twelve (12) months with the attendance of the SC members are as follows:

IMBUHAN REMUNERATION

OBJEKTIF & PRINSIP IMBUHAN

Imbuhan di BSN bertujuan untuk menarik, memotivasi dan mengekalkan kakitangan yang berbakat untuk mencapai objektif dan mandat jangka masa panjang dengan jayanya. BSN mengguna pakai pendekatan imbuhan yang berpandukan prinsip-prinsip berikut:

Menyokong mandat dan strategi perniagaan BSN yang diukur melalui skorkad korporat

Menggalakkan pengambilan risiko yang berhemat dan tingkah laku yang diingini

- Tahap penekanan yang bersesuaian diberikan kepada mandat BSN dengan mengaitkan imbuhan dengan skorkad korporat.
- Hasil yang dijangkakan menerusi pencapaian mandat digabungkan ke dalam skorkad korporat.
- Imbuhan dikaitkan dengan prestasi keseluruhan skorkad korporat yang mana pencapaian mandat adalah salah satu elemen utama.
- Sistem imbuhan dikaitkan dengan pengurusan prestasi kakitangan yang menggalakkan pengambilan risiko yang berhemat, hasil pematuhan dan tingkah laku yang diingini.
- Imbuhan Tidak Tetap ditangguhkan dan/atau dilucut hakkan dalam kes pengambilan risiko yang tidak wajar, ketidakpatuhan dan salah laku berdasarkan keputusan tindakan tatatertib.

Menyelaraskan imbuhan dengan prestasi

Menyediakan imbuhan yang berdaya saing dengan pasaran

- Sistem imbuhan direka bentuk untuk memastikan ganjaran adalah berdasarkan prestasi korporat dan individu.
- Prestasi individu akan diukur berdasarkan pencapaian KPI, kompetensi, hasil pengambilan risiko dan pematuhan serta kelakuan.
- Penangguhan pembayaran dan pelucuthakan Imbuhan Tidak Tetap dikenakan ke atas kes ketidakpatuhan dan salah laku yang melibatkan kesan yang negatif.
- Penanda aras imbuhan dijalankan terhadap industri dan pasaran di mana Bank beroperasi dengan mengambil kira kelestarian kewangan jangka panjang Bank.
- Peruntukan untuk Imbuhan Tidak Tetap adalah berdasarkan prestasi keseluruhan dan kedudukan kewangan Bank, trend pasaran serta keadaan ekonomi.

REMUNERATION OBJECTIVES & PRINCIPLES

Remuneration at BSN is aimed to attract, motivate and retain employees to deliver its long term objectives and mandates successfully. BSN applies a remuneration approach that is guided by the following principles:

Support BSN mandates and business strategies measured through corporate scorecard

Promote prudent risk-taking and desired conduct

- A significant emphasis is placed on BSN's mandates by linking the corporate scorecard with remuneration.
- The anticipated outcomes related to mandates delivery are integrated into the corporate scorecard.
- Remuneration is intricately tied to the overall performance of the corporate scorecard, with mandates delivery serving as a crucial component.
- The remuneration system at BSN is intricately tied to employee performance management, promoting prudent risk taking, desired compliance outcomes, and exemplary conduct.
- In instances of improper risk-taking, non-compliance and misconduct, variable pay is subject to deferral and/or forfeiture based on the consequence management measures.

Align pay with performance

Provide market-competitive pay

- The remuneration system is designed to establish a tangible link between rewards and both corporate and individual performance.
- The individual performance will be measured based on KPI achievements, competencies, risk and compliance outcomes as well as conduct.
- Deferred payment and forfeiture of variable pay are implemented in case of non-compliance and misconduct that result in significant adverse outcomes.
- Remuneration benchmarking is carried out by comparing against industry and market standards where in the Bank's operating environment, with due considerations given to the long term financial sustainability of the Bank.
- The variable pay pool is determined by considering the overall performance and financial standing of the bank, market trends and prevailing economic conditions.

IMBUHAN REMUNERATION

KOMPONEN IMBUHAN

Jumlah pampasan adalah fokus utama imbuhan dalam konteks ini melibatkan dua (2) komponen utama iaitu, Imbuhan Tetap dan Imbuhan Tidak Tetap.

REMUNERATION COMPONENTS

The total compensation is the key focus of the remuneration in this context involving two (2) main components namely, fixed pay and variable pay.

	Apa/What	Kenapa/Why	Bagaimana/How
Imbuhan Tetap/ Fixed Pay	Gaji dan Elaun Tetap/ Salary and Fixed Allowance	- Menarik dan mengekalkan bakat dengan memastikan Imbuhan Tetap kami berdaya saing dengan institusi yang setanding dengan mengambil kira kelestarian kewangan jangka panjang Bank. - Attract and retain talent by ensuring our fixed pay is sufficiently competitive with comparable institution taking into consideration the Bank's long term financial sustainability.	- Menetapkan imbuhan pada tahap yang sesuai dengan mengambil kira keadaan pasaran, kemahiran, pengalaman, tanggungjawab, akauntabiliti dan/atau prestasi kerja. Bayaran tersebut dibayar kepada kakitangan secara bulanan dan boleh diselaraskan setiap tahun atau apabila perlu. - Set at an appropriate pay level by taking into account market conditions, skills, experience, responsibilities, accountability and/or performance of the employee. The payment is paid to employees on a monthly basis and may be reviewed annually or as and when needed.
Imbuhan Tidak Tetap/ Variable Pay	Bonus prestasi/ Performance bonus	- Menggalakkan bayaran untuk prestasi. - Promote pay for performance. - Membantu menumpukan kakitangan kepada pencapaian objektif Bank dan memenuhi mandatnya. - Help to focus employees on the achievement of the Bank's objectives and fulfilment of its mandates. - Menggalakkan tingkah laku yang betul dan kelakuan beretika melalui penangguhan bonus dan pengaturan pelucutan. - Encourage the right behaviours and ethical conduct through bonus deferment and forfeiture arrangement.	- Berdasarkan prestasi Bank dan prestasi individu kakitangan. - Based on the performance of the Bank and the employee's individual performance. - Diukur berdasarkan skorkad korporat, KPI dan sasaran yang dipersetujui pada awal setiap tahun. - Measured against the corporate scorecard, KPIs and targets agreed at the beginning of each year. - Peruntukan bonus adalah berdasarkan pencapaian keseluruhan skorkad korporat dan prestasi kewangan Bank tertakluk kepada persetujuan Lembaga Pengarah dan kelulusan Kementerian Kewangan. - The bonus pool is determined based on the overall corporate scorecard achievement and the Bank's financial performance subject to the Board of Directors' endorsement and the Ministry of Finance's approval.

Tadbir Urus/Governance

IMBUHAN BAGI PEGAWAI KANAN, KETUA FUNGSI KAWALAN, SETIAUSAHA SYARIKAT DAN PENGAMBIL RISIKO UTAMA LAIN

Imbuhan bagi Pegawai Kanan, termasuk Ketua Fungsi Kawalan, Setiausaha Syarikat, dan Pengambil Risiko Utama Lain dikemukakan kepada Jawatankuasa Pencalonan dan Saraan untuk persetujuan. Seterusnya, memperoleh kelulusan daripada Lembaga Pengarah. Ringkasan imbuhan bagi Pegawai Kanan dan Pengambil Risiko Utama Lain BSN dalam tahun kewangan 2023 disenaraikan dalam jadual di bawah:


REMUNERATION FOR SENIOR OFFICERS, HEADS OF CONTROL FUNCTIONS, COMPANY SECRETARY AND OTHER MATERIAL RISK TAKERS

Remuneration packages for Senior Officers, encompassing Heads of Control Functions, the Company Secretary, and Other Material Risk Takers (OMRTs), undergo submission to the Board Nomination and Remuneration Committee for endorsement. Subsequently, approval is sought from the Board. The summarized details of remuneration for BSN's Senior Officers and OMRTs in the fiscal year 2023 are presented in the table below:

Jumlah Nilai Imbuhan (RM)/ Total Value of Remuneration (RM)	Pegawai Kanan Utama & Setiausaha Syarikat/ Key Senior Officers & Company Secretary	Pengambil Risiko Utama Lain/ OMRTs
Imbuhan Tetap/ Fixed Pay	RM6,822,800	RM480,000
Imbuhan Tidak Tetap/ Variable Pay	RM1,441,808	RM61,128
Definisi/ Definition	Pegawai Kanan ditakrifkan sebagai Ketua Pegawai Perniagaan, Ketua Pegawai Operasi, Ketua Pegawai Kewangan, Ketua Pegawai Modal Insan, Ketua Juruaudit Dalaman, Ketua Pegawai Risiko, Ketua Pegawai Pematuhan, Ketua Pegawai Kredit, Ketua Perbendaharaan dan Pelaburan. Senior Officers are defined as Chief Business Officer, Chief Operating Officer, Chief Financial Officer, Chief Human Capital Officer, Chief Internal Auditor, Chief Risk Officer, Chief Compliance Officer, Chief Credit Officer, Head of Treasury & Investment.	Pengambil Risiko Utama Lain ditakrifkan sebagai kakitangan yang boleh mengawal sejumlah besar sumber Bank atau yang mana tindakan mereka berkemungkinan mempunyai kesan ketara ke atas profil risiko Bank atau mereka di kalangan Pegawai yang diberikan imbuhan paling tinggi. Imbuhan yang ditetapkan untuk Pengambil Risiko Utama Lain perlu disemak semula dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada setiap tahun. OMRTs are defined as the employees who can materially commit or control significant amounts of the Bank's resources or whose action are likely to have a significant impact on its risk profile or those among the most highly remunerated officers. The remuneration for OMRTs must be reviewed by the Board of Directors annually.

Nota: Imbuhan Ketua Eksekutif dan para pengarah dinyatakan secara berasingan di bawah Penyata Kewangan.

Notes: The remuneration of the Chief Executive and directors are disclosed separately under Financial Statement.



PENYATA KEWANGAN

- 112 Sijil Ketua Audit Negara
- 116 Penyata Ahli Lembaga Pengarah
- 117 Pengakuan oleh Pegawai Utama yang Bertanggungjawab
- 118 Laporan Pengarah
- 121 Laporan Jawatankuasa Syariah BSN
- 124 Penyata Kedudukan Kewangan
- 125 Penyata Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain
- 127 Penyata Perubahan Ekuiti
- 130 Penyata Aliran Tunai
- 133 Nota Kepada Penyata Kewangan





**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
BANK SIMPANAN NASIONAL
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [Akta 62] untuk mengaudit Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023 Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan dan Penyata Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 5 hingga 222.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan pada 31 Disember 2023 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS), Pekeliling Perbendaharaan dan keperluan Akta Bank Simpanan Nasional 1974 [Akta 146], Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [Akta 618], Garis Panduan/Pekeliling Takaful yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759] dan Syariah.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah, Bank Simpanan Nasional bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS), Pekeliling Perbendaharaan dan keperluan Akta Bank Simpanan Nasional 1974 [Akta 146], Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [Akta 618], Garis Panduan/Pekeliling Takaful yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759] dan Syariah. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Bank Simpanan Nasional atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Bank Simpanan Nasional atau Kumpulan tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan;
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama; dan
- f. mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju,

pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Lembaga Pengarah telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Saya juga telah memaklumkan Lembaga Pengarah bahawa saya telah mematuhi keperluan etika yang berkaitan dengan kebebasan, dan telah memaklumkan semua hubungan dan hal-hal lain yang berkemungkinan menjejaskan kebebasan dan langkah pencegahan yang bersesuaian, sekiranya berkaitan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Pekeliling Perbendaharaan, Akta Bank Simpanan Nasional 1974 [Akta 146], Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [Akta 618], Garis Panduan/Pekeliling Takaful yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759] dan Syariah, saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 10 dalam penyata kewangan.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah, Bank Simpanan Nasional berdasarkan keperluan Pekeliling Perbendaharaan, Akta Bank Simpanan Nasional 1974 [Akta 146], Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [Akta 618], Garis Panduan/Pekeliling Takaful yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759] dan Syariah dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.


(DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
27 MAC 2024



PENYATA AHLI LEMBAGA PENGARAH

Kami, **SELAMAT BIN HAJI SIRAT** dan **JAY KHAIRIL JEREMY BIN ABDULLAH** yang merupakan dua daripada Ahli Lembaga Pengarah Bank Simpanan Nasional, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan pada 31 Disember 2023 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,



SELAMAT BIN HAJI SIRAT
AHLI LEMBAGA PENGARAH

Kuala Lumpur
Tarikh: 14 Mac 2024

Bagi pihak Lembaga,



JAY KHAIRIL JEREMY BIN ABDULLAH
AHLI LEMBAGA PENGARAH

Kuala Lumpur
Tarikh: 14 Mac 2024

Penyata Kewangan

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB

KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN BANK SIMPANAN NASIONAL


Kami, **SELAMAT BIN HAJI SIRAT** dan **JAY KHAIRIL JEREMY BIN ABDULLAH** sebagai Pengarah dan Ketua Eksekutif, masing-masing yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Bank Simpanan Nasional, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan kami, adalah betul dan kami membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akaun Berkanun 1960.

**SELAMAT BIN HAJI SIRAT**

Sebenar dan sesungguhnya
diakui oleh penama di atas
di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
pada 14 Mac 2024

**JAY KHAIRIL JEREMY BIN ABDULLAH**

Di hadapan saya,



LAPORAN PENGARAH

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2023

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka berserta penyata kewangan Kumpulan dan Bank yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2023.

AKTIVITI UTAMA

Aktiviti utama Bank adalah menjalankan fungsi sebagai sebuah bank simpanan iaitu menerima deposit dan memberi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan kepada pelanggan termasuk operasi perbankan Islam.

Aktiviti utama subsidiari dan syarikat bersekutu adalah seperti dinyatakan dalam Nota 10 dan 11 kepada penyata kewangan.

Tiada perubahan penting dalam aktiviti-aktiviti utama ini sepanjang tahun kewangan.

KEPUTUSAN KEWANGAN

Keputusan Kumpulan dan Bank bagi tahun kewangan adalah seperti berikut:

	KUMPULAN RM'000	BANK RM'000
Keuntungan sebelum belanja cukai dan zakat	637,594	459,194
Belanja cukai dan zakat	(108,406)	(48,187)
Keuntungan bersih bagi tahun semasa	529,188	411,007
Keuntungan bersih pada tahun semasa boleh diagihkan kepada:		
Pemilik Bank	466,719	411,007
Kepentingan tak mengawal	62,469	—
Keuntungan bersih bagi tahun semasa	529,188	411,007

Keputusan operasi Kumpulan dan Bank sepanjang tahun kewangan tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urusan niaga atau peristiwa yang penting dan luar biasa, selain daripada pelarasan yang diperlukan untuk menyelaraskan penyata kewangan Kumpulan dan Bank bagi mematuhi Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS") dan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS") selepas tamat tempoh pengubahsuaian tatacara perakaunan yang dibenarkan di bawah dokumen Bank Negara Malaysia ("BNM") iaitu dokumen polisi Pelaporan Kewangan Institusi Kewangan Pembangunan serta penggunaan awal MFRS 17, Kontrak Insurans. Pendedahan lanjut mengenai perkara ini didapati dalam Nota 49 dalam penyata kewangan.

RIZAB, PERUNTUKAN DAN ELAUN

Tiada pindahan penting kepada atau daripada rizab atau peruntukan sepanjang tahun kewangan selain daripada yang telah dinyatakan dalam penyata kewangan.

DIVIDEN

Semasa akhir tahun kewangan 31 Disember 2023, dividen tunai yang dibayar oleh Bank bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022 adalah RM30 juta.

Berkenaan dengan tahun kewangan semasa, Lembaga Pengarah telah mencadangkan dividen tunai sebanyak RM42 juta. Dividen yang dicadangkan akan diiktiraf pada tahun kewangan berikutnya setelah diluluskan oleh pihak luar yang berkenaan.

Penyata Kewangan

LAPORAN PENGARAH

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2023

PARA PENGARAH BANK

Para Pengarah yang berkhidmat sejak tarikh laporan yang lepas dan pada tarikh laporan ini ialah:

Selamat Bin Haji Sirat
Datin Zaimah Binti Zakaria
Saleena Binti Mohd Ali (dilantik pada 1 November 2023)
Suraya Binti Hassan (dilantik pada 2 Januari 2024)
Prof. Madya. Dr. Kamaruzaman Bin Noordin (dilantik pada 2 Januari 2024)
Mohd Hassan Bin Ahmad (dilantik pada 15 Februari 2024)
Jay Khairil Jeremy Bin Abdullah
Ahmad Lutfi Bin Abdull Mutalip @ Talib (meletakkan jawatan pada 8 Ogos 2023)
Dato' Mohd Rizal Bin Mohd Jaafar (meletakkan jawatan pada 22 Oktober 2023)
Mohd Sakeri Bin Abdul Kadir (meletakkan jawatan pada 1 November 2023)

Kesemua para Pengarah adalah Pengarah Bukan Eksekutif kecuali Jay Khairil Jeremy Bin Abdullah. Kesemua para Pengarah adalah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

MANFAAT PARA PENGARAH

Sejak akhir tahun kewangan terdahulu, tiada Pengarah Bank telah menerima atau layak menerima sebarang manfaat (selain daripada manfaat yang termasuk dalam amaun agregat emolumen yang telah diterima atau patut dan belum diterima oleh para Pengarah atau gaji tetap kakitangan sepenuh masa Bank seperti yang dinyatakan dalam Nota 37 dalam penyata kewangan) dibawah kontrak yang dibuat oleh Bank atau syarikat berkaitan dengan mana-mana Pengarah atau dengan firma di mana para Pengarah adalah ahlinya, atau dengan syarikat di mana para Pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang penting.

Sepanjang tempoh dan pada akhir tahun kewangan, tiada sebarang perjanjian yang menyatakan Bank merupakan pihak yang mana Pengarahnya mungkin memperoleh manfaat menerusi pembelian saham atau debentur dalam Bank atau mana-mana badan korporat yang lain.

LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN

Sebelum penyata kewangan Kumpulan dan Bank disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah yang sewajarnya:

- untuk memastikan bahawa tindakan yang sewajarnya telah diambil untuk menghapus kira hutang dan pembiayaan lapuk dan membuat peruntukan bagi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan dan mereka berpuas hati bahawa semua hutang dan pembiayaan lapuk yang diketahui telah dihapus kira dan peruntukan yang secukupnya telah dibuat untuk hutang dan pembiayaan ragu; dan
- untuk memastikan bahawa mana-mana aset semasa yang tidak mungkin direalisasikan dalam rekod perakaunan dalam urusiaga biasa perniagaan termasuk nilai aset semasa yang ditunjukkan dalam rekod perakaunan Kumpulan dan Bank telah diturun nilai kepada jumlah yang mana aset semasa dijangka boleh direalisasi.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang boleh menyebabkan:

- jumlah yang dihapus kira untuk hutang dan pembiayaan lapuk atau peruntukan bagi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan dalam penyata Kumpulan dan Bank tidak mencukupi dengan ketaranya; atau
- nilai aset-aset semasa dalam penyata kewangan Kumpulan dan Bank mengelirukan; atau
- tidak diambil kira di dalam laporan ini atau penyata kewangan yang boleh menyebabkan sebarang jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Bank yang mengelirukan; atau
- yang telah timbul yang menyebabkan pematuhan kepada kaedah penilaian aset atau liabiliti Kumpulan dan Bank mengelirukan atau tidak bersesuaian.

LAPORAN PENGARAH

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2023

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

- i) sebarang cagaran ke atas aset-aset Kumpulan atau Bank untuk menjamin liabiliti pihak lain yang telah timbul sejak berakhirnya tahun kewangan; atau
- ii) sebarang liabiliti luar jangka bagi Kumpulan atau Bank yang telah timbul sejak berakhirnya tahun kewangan.

Tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti lain daripada Kumpulan dan Bank yang boleh dikuatkuasakan atau mungkin boleh dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas berakhirnya tahun kewangan yang akan atau boleh menjejaskan dengan ketara keupayaan Kumpulan dan Bank untuk memenuhi kewajipan mereka apabila tiba masanya.

Pada pendapat para Pengarah, selain daripada yang didedahkan dalam penyata kewangan, prestasi kewangan Kumpulan dan Bank bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2023 tidak terjejas secara ketara oleh sebarang perkara, urusan atau peristiwa penting dan luar biasa dan tiada sebarang perkara, urusan atau peristiwa penting dan luar biasa berlaku dalam tempoh antara tahun kewangan dan tarikh laporan ini.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah mengikut resolusi para Pengarah:



SELAMAT BIN HAJI SIRAT
PENGARAH



JAY KHAIRIL JEREMY BIN ABDULLAH
PENGARAH

Kuala Lumpur, Malaysia
Tarikh: 14 Mac 2024

LAPORAN JAWATANKUASA SYARIAH BSN

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Dengan Nama Allah, Yang Maha Pemurah, Yang Maha Penyayang
Segala Puji-Pujian Hanya kepada Allah SWT dan Selawat serta Salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW,
kaum keluarga dan sahabat Baginda.

PENGENALAN

Dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab sebagai Jawatankuasa Syariah Bank Simpanan Nasional (Bank) sepertimana digariskan di dalam Dokumen Polisi Tadbir Urus Syariah yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan juga sebagai mematuhi surat pelantikan, kami dengan ini mengemukakan laporan kami bagi penyata kewangan berakhir 31 Disember 2023.

Pengurusan Bank pada setiap masa bertanggungjawab memastikan operasi Bank dan perniagaan berkaitan Perbankan Islam dijalankan selaras dengan prinsip Syariah, dan adalah menjadi tanggungjawab kami untuk menyatakan pendapat secara bebas berdasarkan semakan kami ke atas operasi, perniagaan, hal ehwal dan aktiviti produk-produk serta perkhidmatan patuh Syariah Bank untuk menghasilkan laporan ini.

PERLAKSANAAN TANGGUNGJAWAB

Dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab kami, kami membentuk pendapat berdasarkan maklumat yang dibentangkan kepada Jawatankuasa termasuk meneliti, berdasarkan ujian bagi setiap jenis transaksi, dokumentasi dan prosedur berkaitan yang diguna pakai oleh Bank adalah tidak melanggar hukum dan prinsip Syariah.

Selain itu, kami juga dibantu oleh Sekretariat Jawatankuasa Syariah dan fungsi kawalan di bawah tadbir urus Syariah yang terdiri daripada Pengurusan Risiko Syariah, Semakan Syariah dan Audit Syariah.

Kami dengan ini mengesahkan bahawa Sekretariat Jawatankuasa Syariah telah memberi sokongan operasi terhadap keberkesanan fungsi Jawatankuasa Syariah dan kami telah menugaskan kerja dan kuasa tanggungjawab kepada Bahagian Perundingan, Penyelidikan & Latihan Syariah berdasarkan kepada skop mandat yang telah dipersetujui di mana kerja, pertimbangan utama dan keputusan berkaitan perkara yang ditugaskan tersebut serta laporan-laporan lain yang berkaitan telah dilaporkan kepada kami semasa mesyuarat bagi tujuan perbincangan, kelulusan, pengesahan, persetujuan dan pemakluman kami.

Sementara itu, fungsi kawalan ini memainkan peranan penting dalam memastikan pengurusan risiko ketidakpatuhan Syariah yang efektif dalam Bank. Kami telah menilai laporan yang dihasilkan oleh Risiko Syariah, Semakan Syariah dan Audit Syariah yang merangkumi kemaskini berkala, memeriksa, pada asas ujian sampel, setiap jenis transaksi, operasi, dokumentasi dan prosedur berkaitan yang diguna pakai oleh Bank yang dibentangkan kepada kami.

PENGURUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA SYARIAH

Pada tahun 2023, kami telah mengadakan dua belas (12) mesyuarat termasuk satu (1) mesyuarat khas di mana kami telah menyemak, membincangkan, meluluskan dan mengesahkan produk-produk baharu Perbankan Islam, variasi dan program yang berkaitan, perkhidmatan, isu-isu/keimbangan Perbankan Islam yang telah timbul dalam operasi, polisi, manual dan dokumentasi lain.

Kami mengesahkan telah memenuhi jangkaan pengawalselia berkaitan pengurusan mesyuarat termasuk kehadiran ahli, kuorum ahli yang mempunyai latar belakang Syariah dan bukan Syariah serta keputusan atau nasihat yang telah diputuskan oleh kami.

Secara umumnya, kontrak Syariah yang telah diluluskan bagi produk patuh Syariah adalah *Tawarruq* (digunakan bagi skim-skim di bawah Pembiayaan Perumahan Islamik, Pembiayaan Peribadi Islamik, Pembiayaan Perniagaan Mikro Islamik dan Akaun Simpanan Islamik). Kami juga telah meluluskan kontrak Syariah baharu iaitu *Bai' Musawamah* dan *Bai' Sarf* (digunakan untuk produk akaun emas patuh Syariah) dan Murabahah (digunakan untuk Pembiayaan Kenderaan Islamik).

LAPORAN JAWATANKUASA SYARIAH BSN

PENGAWASAN LEMBAGA PENGARAH TERHADAP PERIHAL SYARIAH

Selaras dengan usaha untuk memberikan sokongan ke atas fungsi pengawasan Lembaga Pengarah serta untuk membina komunikasi yang berkesan antara Jawatankuasa Syariah dan Lembaga Pengarah, kertas kerja khusus berkenaan ringkasan keputusan dan perbincangan penting semasa mesyuarat Jawatankuasa telah dibentangkan kepada Lembaga untuk makluman dan perhatian, sebagai tambahan kepada edaran Minit Mesyuarat Jawatankuasa Syariah yang disahkan kepada mesyuarat Lembaga Pengarah.

Sebagai salah satu inisiatif untuk mengukuhkan interaksi antara Jawatankuasa Syariah dan Lembaga Pengarah, satu (1) sesi libat urus telah dianjurkan di mana ahli Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Syariah berkumpul untuk membincangkan perkara yang dikenal pasti dan terpilih.

PEMBANGUNAN KAPASITI & KESEDARAN

Dengan matlamat untuk membangunkan dan mengukuhkan pengetahuan dan pemahaman tentang kewangan Islam di kalangan pihak-pihak berkepentingan, Bank telah menganjurkan latihan secara berterusan di mana semua pihak berkepentingan mengambil bahagian dalam program, latihan atau kursus dalaman atau luaran yang ditetapkan atau dikenalpasti oleh Bank.

Ke arah memantapkan profesionalisme dan meningkatkan keupayaan Jawatankuasa Syariah, kami telah mendaftar dalam program pensijilan berstruktur iaitu *Certified Shariah Advisor (CSA)* and *Certified Shariah Practitioner (CSP)* di bawah anjuran Persatuan Penasihat-Penasihat Syariah Dalam Kewangan Islam (ASAS) di mana terdapat dua (2) ahli Jawatankuasa Syariah yang telah melengkapkan pensijilan sepenuhnya.

Tambahan, kami juga telah menghadiri dan menyertai program atau seminar berkaitan kewangan Islam dan Syariah untuk membolehkan kami mengikuti perkembangan terkini dalam industri. Ini juga termasuk satu (1) program latihan dalaman yang telah dikendalikan oleh penceramah luar yang dilantik meliputi topik "*Development Financial Institutions in Islamic Finance Perspective and The Way Forward*" yang telah diadakan pada 12 Julai 2023.

Kami juga mengakui bahawa siri latihan dan kesedaran mengenai Perbankan Islam & Syariah telah diadakan secara dalaman bagi mengukuhkan lagi keupayaan kakitangan Bank. Bank juga amat komited dalam memantapkan tahap kefahaman dan pengetahuan dalam bidang Syariah dengan melantik kakitangan terpilih untuk mengikuti pelbagai latihan dan kursus luar perbankan dan Kewangan Islam.

INSIDEN KETIDAKPATUHAN SYARIAH

Sepanjang tahun kewangan, terdapat satu (1) insiden ketidakpatuhan Syariah sebenar dilaporkan dan diputuskan oleh Jawatankuasa Syariah. Insiden tersebut adalah berkaitan penyalahgunaan metod pengiraan Caj Lewat Bayar ke atas akaun-akaun melibatkan hutang penghakiman. Walau bagaimanapun, insiden yang dilaporkan tersebut tidak membawa kepada sebarang pendapatan tidak patuh Syariah memandangkan Bank telah mengenakan caj lewat bayar lebih rendah (*undercharged*) daripada amaun yang sepatutnya kepada pelanggan. Insiden tersebut bersama pelan pembetulan telah dibentangkan kepada kami dan Lembaga Pengarah untuk pengesahan dan kemudiannya dilaporkan kepada Bank Negara Malaysia mengikut proses pelaporan dan tempoh masa yang telah ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia. Kami juga memantau Bank dalam menangani insiden ketidakpatuhan Syariah yang berlaku pada tahun-tahun kewangan sebelum ini dengan tindakan pembetulan telah berjaya dilaksanakan sepenuhnya.

LAPORAN JAWATANKUASA SYARIAH BSN

PENDAPAT MENGENAI PEMATUHAN BANK TERHADAP SYARIAH

Bersandarkan kepada perkara di atas, kami berpendapat bahawa:

1. Kontrak, transaksi dan urusan yang digunakan oleh Bank pada tahun berakhir 31 Disember 2023 yang telah kami semak, mematuhi prinsip dan peraturan Syariah; dan
2. Kami percaya bahawa apa yang telah dibentangkan untuk perhatian Jawatankuasa Syariah yang melibatkan operasi, perniagaan, hal ehwal dan aktiviti Bank adalah tidak terlibat dengan sebarang ketidakpatuhan Syariah; dan
3. Pengagihan keuntungan dan caj kerugian berkenaan akaun pelaburan mematuhi asas-asas yang telah diluluskan oleh kami berdasarkan prinsip dan peraturan Syariah; dan
4. Segala pendapatan yang telah terhasil daripada sumber atau melalui cara yang dilarang oleh prinsip Syariah sebagaimana yang diluluskan oleh kami, telah dipertimbangkan untuk disalurkan bagi tujuan kebajikan; dan
5. Pengiraan zakat bagi Perniagaan Perbankan Islam dilakukan berdasarkan kaedah Modal Berkembang sepertimana yang telah disahkan oleh pihak Berkuasa Zakat yang dibayar kepada semua Pihak Berkuasa Agama Islam Negeri berdasarkan pecahan yang telah diluluskan oleh Bank, adalah mematuhi prinsip dan peraturan Syariah.

Kami, ahli-ahli Jawatankuasa Syariah Bank Simpanan Nasional, dengan ini mengesahkan, setakat kemampuan terbaik kami, bahawa operasi produk-produk patuh Syariah Bank Simpanan Nasional untuk tahun berakhir 31 Disember 2023 telah dijalankan mengikut prinsip dan peraturan Syariah.

Allah Lebih Mengetahui.

Bagi pihak Jawatankuasa Syariah:



PROF. MADYA DR. MOHAMAD ZAHARUDDIN ZAKARIA
PENGURUS JAWATANKUASA SYARIAH



ASSOC. PROF DR. KAMARUZAMAN NOORDIN
TIMBALAN PENGURUS JAWATANKUASA SYARIAH



EN. AHMAD LUTFI ABDULL MUTALIP @ TALIB
AHLI JAWATANKUASA SYARIAH

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2023

		31 Disember 2023	KUMPULAN 31 Disember 2022	1 Januari 2022	31 Disember 2023	BANK 31 Disember 2022	1 Januari 2022
	Nota	RM'000	RM'000 (Dinyatakan Semula)	RM'000 (Dinyatakan Semula)	RM'000	RM'000 (Dinyatakan Semula)	RM'000 (Dinyatakan Semula)
ASET							
Tunai dan dana jangka pendek	3	1,826,460	1,502,666	1,987,560	1,376,200	1,202,241	1,636,050
Deposit dan penempatan dengan bank dan institusi kewangan lain	4	673,888	1,002,832	872,741	—	—	—
Pelaburan sekuriti	5	14,793,641	13,848,866	12,325,159	9,126,638	9,003,702	8,069,789
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	6	37,488,144	34,651,072	32,216,077	37,488,144	34,651,072	32,216,077
Aset takaful dan takaful semula	8	530,149	480,617	286,759	—	—	—
Aset-aset lain	9	482,644	600,851	602,844	309,379	442,833	208,442
Pelaburan dalam subsidiari	10	—	—	—	53,000	53,000	53,000
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	11	119,311	124,085	136,198	148,877	145,877	145,877
Hartanah, loji dan peralatan	12	463,628	460,313	474,915	439,333	433,130	449,109
Hak penggunaan aset	13	140,687	150,353	157,438	83,249	87,207	87,592
Pelaburan hartanah	14	52,865	61,062	62,430	52,865	61,062	62,430
Bayaran pajakan prabayar	15	85,477	85,651	86,897	84,043	84,200	85,429
Aset tak ketara	16	275,106	248,519	243,300	108,997	95,218	96,791
Cukai diperolehi semula	27	33,839	11,282	—	27,307	931	—
Aset cukai tertunda	28	73,605	130,845	181,510	73,605	130,845	181,510
JUMLAH ASET		57,039,444	53,359,014	49,633,828	49,371,637	46,391,318	43,292,096
LIABILITI DAN EKUITI							
Deposit daripada pelanggan	17	30,646,597	27,770,011	29,307,649	30,791,851	27,774,611	29,539,473
Akaun pelaburan oleh pelanggan	18	3,651,938	3,711,466	3,621,936	3,651,938	3,711,466	3,621,936
Deposit dan penempatan oleh bank dan institusi kewangan lain	19	5,474,019	6,893,079	2,606,924	5,474,019	6,893,079	2,606,924
Sukuk	20	803,614	754,577	754,393	754,614	754,577	754,393
Kewajipan rekursa ke atas pembiayaan dijual ke Cagamas	21	1,005,677	—	—	1,005,677	—	—
Pendapatan tertunda	22	1,881,070	1,979,086	1,376,183	1,881,070	1,979,086	1,376,183
Obligasi manfaat persaraan	23	185,228	366,304	676,335	185,228	366,304	676,335
Pinjaman daripada institusi	24	254,892	300,676	303,406	254,892	300,676	303,406
Liabiliti takaful dan takaful semula	8	5,551,602	4,963,803	4,256,572	—	—	—
Liabiliti pajakan	25	145,096	152,394	157,548	79,306	82,793	83,048
Liabiliti-liabiliti lain	26	1,443,936	1,211,180	1,395,268	1,292,299	1,109,980	961,983
Peruntukan untuk cukai dan zakat	27	3,454	4,454	99,123	3,454	4,454	93,402
Liabiliti cukai tertunda	28	347,610	309,875	335,542	—	—	—
JUMLAH LIABILITI		51,394,733	48,416,905	44,890,879	45,374,348	42,977,026	40,017,083
EKUITI							
Perolehan tertahan		2,431,875	2,175,572	2,019,474	1,670,824	1,471,657	1,339,965
Rizab-rizab lain		2,328,390	1,944,560	1,936,973	2,326,465	1,942,635	1,935,048
Jumlah rizab		4,760,265	4,120,132	3,956,447	3,997,289	3,414,292	3,275,013
Kepentingan tak mengawal terkumpul		884,446	821,977	786,502	—	—	—
JUMLAH EKUITI		5,644,711	4,942,109	4,742,949	3,997,289	3,414,292	3,275,013
JUMLAH LIABILITI DAN EKUITI		57,039,444	53,359,014	49,633,828	49,371,637	46,391,318	43,292,096
KOMITMEN DAN LUAR JANGKA	42	3,521,399	3,145,189	3,270,489	3,517,924	3,141,237	3,265,595

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting dalam penyata kewangan

Penyata Kewangan

PENYATA UNTUNG ATAU RUGI DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

		KUMPULAN		BANK	
	Nota	2023 RM'000	2022 RM'000 (Dinyatakan semula)	2023 RM'000	2022 RM'000 (Dinyatakan semula)
Hasil	29	4,705,285	3,995,820	2,464,051	2,117,081
Pendapatan faedah	30	608,358	624,227	481,358	518,398
Perbelanjaan faedah	31	(92,199)	(74,292)	(100,507)	(79,006)
Pendapatan faedah bersih		516,159	549,935	380,851	439,392
Pendapatan fi dan komisen	32	49,307	59,892	95,318	91,852
Pendapatan operasi lain	33	191,932	135,250	72,725	56,707
Perbelanjaan operasi lain	34	(70,680)	(392,643)	(36,487)	(45,556)
Hasil servis takaful	35	661,494	726,421	—	—
Hasil bersih kewangan takaful	36	(131,389)	(69,931)	—	—
Pendapatan bersih daripada operasi perbankan Islam	46	960,473	939,228	960,473	939,228
Jumlah pendapatan bersih		2,177,296	1,948,152	1,472,880	1,481,623
Perbelanjaan kakitangan	37	(791,642)	(812,974)	(663,947)	(688,976)
Overhed lain	38	(801,836)	(674,220)	(412,713)	(399,608)
Keuntungan operasi sebelum elaun rosotnilai		583,818	460,958	396,220	393,039
Masuk kira semula rosotnilai ke atas pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	39	62,974	28,440	62,974	28,440
Elaun bagi rosotnilai ke atas pelaburan dalam syarikat bersekutu	11	(97)	(1,060)	—	—
Keuntungan operasi selepas elaun rosotnilai		646,695	488,338	459,194	421,479
Bahagian kerugian selepas cukai bagi syarikat bersekutu	11	(9,101)	(3,744)	—	—
Keuntungan sebelum belanja cukai dan zakat		637,594	484,594	459,194	421,479
Perbelanjaan cukai	40	(104,118)	(119,024)	(45,187)	(124,401)
Zakat	27	(4,288)	(4,302)	(3,000)	(3,000)
Keuntungan bersih bagi tahun semasa		529,188	361,268	411,007	294,078
Keuntungan bersih bagi tahun semasa boleh diagihkan kepada:					
Pemilik Bank		466,719	325,793	411,007	294,078
Kepentingan tak mengawal	10	62,469	35,475	—	—
Keuntungan bersih pada tahun semasa		529,188	361,268	411,007	294,078

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting dalam penyata kewangan

PENYATA UNTUNG ATAU RUGI DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

Nota	KUMPULAN		BANK	
	2023 RM'000	2022 RM'000 (Dinyatakan semula)	2023 RM'000	2022 RM'000 (Dinyatakan semula)
Keuntungan bersih pada tahun semasa	529,188	361,268	411,007	294,078
Pendapatan/(Kerugian) komprehensif lain, selepas cukai dan cukai tertunda:				
<u>Item yang tidak akan diklasifikasi semula kepada untung atau rugi:</u>				
Pengukuran semula obligasi manfaat ditentukan	23,663	12,097	23,663	12,097
Bahagian pendapatan/(kerugian) komprehensif lain dalam syarikat bersekutu	1,424	(7,309)	—	—
<u>Item yang mungkin akan diklasifikasi semula kepada untung atau rugi:</u>				
Perubahan bersih dalam nilai saksama bagi pelaburan sekuriti pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain	178,327	(136,896)	178,327	(136,896)
Pendapatan/(Kerugian) komprehensif lain pada tahun semasa, selepas cukai dan cukai tertunda	203,414	(132,108)	201,990	(124,799)
Jumlah pendapatan komprehensif pada tahun semasa	732,602	229,160	612,997	169,279
Jumlah pendapatan komprehensif pada tahun semasa boleh diagihkan kepada:				
Pemilik Bank	670,133	193,685	612,997	169,279
Kepentingan tak mengawal	62,469	35,475	—	—
Jumlah pendapatan komprehensif pada tahun semasa	732,602	229,160	612,997	169,279

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting dalam penyata kewangan

Penyata Kewangan

PENYATA PERUBAHAN EKUITI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

KUMPULAN	Nota	Milik pemegang ekuiti Bank									
		Tidak boleh diagih					Boleh diagih				
		Rizab Am*	Rizab Modal**	Rizab Saksama	Rizab Nilai	Rizab Pematuhan***	Rizab Penilaian Semula	Perolehan Tertahab	Jumlah Rizab	Kepentingan Tak Mengawal	Jumlah Ekuiti
		RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Pada 1 Januari 2022, dilaporkan sebelum ini											
49	Kesan penggunaan awal MFRS17	100,000	1,640,032	63,733	131,283	1,925	1,736,679	3,673,652	282,120	3,955,772	
49	Penggunaan tatacara perakaunan yang diubah suai	-	-	-	-	-	511,068	511,068	504,382	1,015,450	
		-	-	-	-	-	(228,273)	(228,273)	-	(228,273)	
Pada 1 Januari 2022, dinyatakan semula											
49	Keuntungan bersih pada tahun semasa, dilaporkan sebelum ini	100,000	1,640,032	63,733	131,283	1,925	2,019,474	3,956,447	786,502	4,742,949	
49	Kesan penggunaan awal MFRS17	-	-	-	-	-	271,506	271,506	3,852	275,358	
49	Penggunaan tatacara perakaunan yang diubah suai	-	-	-	-	-	41,864	41,864	31,623	73,487	
		-	-	-	-	-	5,114	5,114	-	5,114	
	Keuntungan bersih pada tahun semasa, dinyatakan semula	-	-	-	-	-	318,484	318,484	35,475	353,959	
	(Kerugian)/Pendapatan komprehensif lain pada tahun semasa	-	-	(136,896)	-	-	12,097	(124,799)	-	(124,799)	
Jumlah (kerugian)/pendapatan komprehensif pada tahun semasa											
47	Dividen dibayar	-	-	(136,896)	-	-	330,581	193,685	35,475	229,160	
	Pindahan ke rizab modal	-	144,483	-	-	-	(30,000)	(30,000)	-	(30,000)	
		-	-	-	-	-	(144,483)	-	-	-	
Pada 31 Disember 2022											
		100,000	1,784,515	(73,163)	131,283	1,925	2,175,572	4,120,132	821,977	4,942,109	

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting dalam penyata kewangan

PENYATA PERUBAHAN EKUITI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

KUMPULAN	Milik pemegang ekuiti Bank									
	Tidak boleh diagih					Boleh diagih				
	Rizab Am*	Rizab Modal**	Rizab Saksama	Rizab Nilai	Rizab Pematuhan***	Rizab Penilaian Semula	Perolehan Tertahan	Jumlah Rizab	Kepentingan Mengawal	Jumlah Tak Ekuiti
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Pada 1 Januari 2023, dilaporkan sebelum ini										
49	100,000	1,784,515	(73,163)		131,283	1,925	1,845,799	3,790,359	285,972	4,076,331
	-	-	-	-	-	-	552,932	552,932	536,005	1,088,937
49	-	-	-	-	-	-	(223,159)	(223,159)	-	(223,159)
Pada 1 Januari 2023, dinyatakan semula										
Keuntungan bersih pada tahun semasa	100,000	1,784,515	(73,163)		131,283	1,925	2,175,572	4,120,132	821,977	4,942,109
	-	-	-	-	-	-	466,719	466,719	62,469	529,188
Pendapatan komprehensif lain pada tahun semasa	-	-	178,327		-	-	25,087	203,414	-	203,414
Jumlah pendapatan komprehensif pada tahun semasa										
47	-	-	178,327		-	-	491,806	670,133	62,469	732,602
	-	-	-		-	-	(30,000)	(30,000)	-	(30,000)
	-	205,503	-		-	-	(205,503)	-	-	-
Pada 31 Disember 2023										
	100,000	1,990,018	105,164		131,283	1,925	2,431,875	4,760,265	884,446	5,644,711

* Rizab am merupakan suntikan modal oleh Kementerian Kewangan.

** Rizab modal dikekalkan selaras dengan keperluan Seksyen 39 Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002, dengan memindahkan 50% (2022: 50%) daripada keuntungan selepas cukai dan zakat. Keperluan minima bagi peruntukan rizab berkenaan dinyatakan dalam Nota 45(b)(vi).

*** Rizab pematuhan mewakili pematuhan Kumpulan dengan Dokumen Dasar BNM yang disemak semula mengenai Pelaporan Kewangan dan Pelaporan Kewangan bagi Institusi Perbankan Islam yang berkuatkuasa mulai 1 Julai 2018, di mana anak syarikat perbankan domestik perlu mengekalkan, secara agregat, peruntukan kerugian bagi pendedahan bukan kredit terjejas dan rizab pematuhan tidak kurang daripada 1% daripada jumlah pendedahan kredit, setelah ditolak peruntukan kerugian bagi pendedahan yang mengalami kerugian.

Penyata Kewangan

PENYATA PERUBAHAN EKUITI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

BANK

BANK		Milik pemegang ekuiti Bank					Jumlah Rizab RM'000
		Tidak boleh diagih			Boleh diagih		
Nota	Rizab Am* RM'000	Rizab Modal** RM'000	Rizab Nilai Saksama RM'000	Rizab Pematuhan*** RM'000	Perolehan Tertahan RM'000		
Pada 1 Januari 2022, dilaporkan sebelum ini							
	100,000	1,640,032	63,733	131,283	1,568,238	3,503,286	
Penggunaan tatacara perakaunan yang diubah suai	49	—	—	—	(228,273)	(228,273)	
Pada 1 Januari 2022, dinyatakan semula							
	100,000	1,640,032	63,733	131,283	1,339,965	3,275,013	
Keuntungan bersih pada tahun semasa, dilaporkan sebelum ini	49	—	—	—	288,964	288,964	
Pelarasan tahun sebelumnya		—	—	—	5,114	5,114	
Keuntungan bersih pada tahun semasa, dinyatakan semula (Kerugian)/Pendapatan komprehensif lain pada tahun semasa		—	—	—	—	294,078	294,078
	—	—	(136,896)	—	12,097	(124,799)	
Jumlah (kerugian)/pendapatan komprehensif pada tahun semasa							
	—	—	(136,896)	—	306,175	169,279	
Dividen dibayar	47	—	—	—	(30,000)	(30,000)	
Pindahan ke rizab modal		—	144,483	—	(144,483)	—	
Pada 31 Disember 2022		100,000	1,784,515	(73,163)	131,283	1,471,657	3,414,292
Pada 1 Januari 2023, dilaporkan sebelum ini							
	100,000	1,784,515	(73,163)	131,283	1,694,816	3,637,451	
Penggunaan tatacara perakaunan yang diubah suai	49	—	—	—	—	(223,159)	(223,159)
Pada 1 Januari 2023, dinyatakan semula							
	100,000	1,784,515	(73,163)	131,283	1,471,657	3,414,292	
Keuntungan bersih pada tahun semasa		—	—	—	—	411,007	411,007
Pendapatan komprehensif lain pada tahun semasa		—	—	178,327	—	23,663	201,990
Jumlah pendapatan komprehensif pada tahun semasa		—	—	178,327	—	434,670	612,997
Dividen dibayar	47	—	—	—	—	(30,000)	(30,000)
Pindahan ke rizab modal		—	205,503	—	—	(205,503)	—
Pada 31 Disember 2023		100,000	1,990,018	105,164	131,283	1,670,824	3,997,289

* Rizab am merupakan suntikan modal oleh Kementerian Kewangan.

** Rizab modal dikekalkan selaras dengan keperluan Seksyen 39 Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002, dengan memindahkan 50% (2022: 50%) daripada keuntungan selepas cukai dan zakat. Keperluan minima bagi peruntukan rizab berkenaan dinyatakan dalam Nota 45(b)(vi).

*** Rizab pematuhan mewakili pematuhan Kumpulan dengan Dokumen Dasar BNM yang disemak semula mengenai Pelaporan Kewangan dan Pelaporan Kewangan bagi Institusi Perbankan Islam yang berkuatkuasa mulai 1 Julai 2018, di mana anak syarikat perbankan domestik perlu mengekalkan, secara agregat, peruntukan kerugian bagi pendedahan bukan kredit terjejas dan rizab pematuhan tidak kurang daripada 1% daripada jumlah pendedahan kredit, setelah ditolak peruntukan kerugian bagi pendedahan yang mengalami kerugian.

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	KUMPULAN		BANK	
	2023	2022	2023	2022
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
	(Dinyatakan semula)		(Dinyatakan semula)	
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI				
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	637,594	484,594	459,194	421,479
Pelarasan untuk:				
Pertambahan bersih diskaun ditolak pelunasan premium	(22,334)	(23,660)	(22,334)	(23,660)
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan	65,470	64,743	61,810	61,679
Susut nilai hak penggunaan aset	25,809	26,358	20,102	20,381
Susut nilai pelaburan hartanah	1,229	1,368	1,229	1,368
Pelunasan pembayaran pajakan prabayar	1,259	1,246	1,242	1,229
Pelunasan aset tak ketara	48,088	47,515	29,726	32,492
Hartanah, loji dan peralatan dihapus kira	1,449	647	1,421	602
Aset tak ketara dihapus kira	138	399	—	—
Masuk kira semula rosotnilai ke atas hartanah, loji dan peralatan	(3,910)	—	(3,910)	—
Keuntungan bersih ke atas pelupusan hartanah, loji dan peralatan	(157)	(90)	(157)	(95)
Keuntungan bersih ke atas penyahiktirafan hak penggunaan aset	(2,702)	(3,286)	(2,702)	(3,286)
Masuk kira semula rosotnilai ke atas pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	(81,530)	(58,735)	(81,530)	(58,735)
Elaun bagi rosotnilai ke atas pelaburan dalam syarikat bersekutu	97	1,060	—	—
Hutang lapuk dihapus kira	50,505	61,476	50,505	61,476
Bahagian kerugian selepas cukai bagi syarikat bersekutu	9,101	3,744	—	—
Keuntungan bersih daripada pelaburan sekuriti	(54,792)	(25,585)	(50,148)	(13,532)
Perbelanjaan keuntungan bagi sukuk	26,868	26,864	26,868	26,864
Perbelanjaan keuntungan bagi pembiayaan yang dijual bagi rekursu kepada Cagamas	5,678	—	5,678	—
Kos kewangan ke atas liabiliti pajakan	6,493	6,522	3,335	3,159
Kos kewangan ke atas kos baik pulih	360	320	360	351
Manfaat perubatan selepas persaraan	(96,644)	10,053	(96,644)	10,053
Manfaat persaraan gratuiti	11,180	(4,278)	11,180	(4,278)
Manfaat persaraan cuti terkumpul	1,759	3,107	1,759	3,107
Pendapatan dividen	(101,402)	(77,741)	(8)	(50)
Penggunaan geran kerajaan	(3,245)	(6,711)	(3,245)	(6,711)
Untung operasi sebelum perubahan modal kerja	526,361	539,930	413,731	533,893
Perubahan dalam deposit dan penempatan dengan bank dan institusi kewangan lain	328,944	(130,091)	—	—
Perubahan dalam pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	(2,813,143)	(2,435,774)	(2,813,143)	(2,435,774)
Perubahan dalam aset takaful dan takaful semula	(49,532)	(193,858)	—	—
Perubahan dalam aset-aset lain	25,483	110,363	40,730	(126,021)
Perubahan dalam deposit daripada pelanggan	2,876,586	(1,537,638)	3,017,240	(1,764,862)
Perubahan akaun pelaburan oleh pelanggan	(59,528)	89,530	(59,528)	89,530
Perubahan dalam deposit dan penempatan oleh bank dan institusi kewangan lain	(1,419,060)	4,286,155	(1,419,060)	4,286,155
Perubahan dalam liabiliti takaful dan takaful semula	587,799	707,231	—	—
Perubahan dalam liabiliti-liabiliti lain	241,200	(183,198)	188,253	146,729
Aliran tunai dihasilkan daripada/(digunakan dalam) operasi	245,110	1,252,650	(631,777)	729,650
Cukai dibayar	(112,681)	(161,221)	(95,304)	(124,729)
Cukai dikembalikan	17,193	130	17,193	—
Zakat dibayar	(3,888)	(3,776)	(2,600)	(2,474)
Manfaat perubatan selepas persaraan dibayar	(56,020)	(2,824)	(56,020)	(2,824)
Manfaat persaraan gratuiti dibayar	(9,382)	(292,525)	(9,382)	(292,525)
Manfaat persaraan cuti terkumpul dibayar	(833)	(7,647)	(833)	(7,647)
Tunai bersih dihasilkan daripada/(digunakan dalam) aktiviti operasi	79,499	784,787	(778,723)	299,451

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting dalam penyata kewangan

Penyata Kewangan

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	KUMPULAN		BANK	
	2023 RM'000	2022 RM'000 (Dinyatakan semula)	2023 RM'000	2022 RM'000 (Dinyatakan semula)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN				
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	(3,000)	—	(3,000)	—
Penerimaan daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan	279	1,281	275	365
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	(59,153)	(52,379)	(58,349)	(46,972)
Pembelian hartanah pelaburan	(20)	—	(20)	—
Pembelian aset tak ketara	(79,024)	(55,000)	(45,207)	(30,919)
Penerimaan daripada pelupusan/(pembelian) bersih pelaburan sekuriti	(633,007)	(1,654,590)	184,188	(1,076,849)
Dividen diterima	101,402	77,741	8	50
Tunai bersih (digunakan dalam)/dihasilkan daripada aktiviti pelaburan	(672,523)	(1,682,947)	77,895	(1,154,325)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN				
Penerimaan daripada sukuk	49,000	—	—	—
Perbelanjaan keuntungan dibayar ke atas sukuk	(26,831)	(26,680)	(26,831)	(26,680)
Penerimaan bagi pembiayaan yang dijual dengan kewajipan rekurs kepada Cagamas	999,999	—	999,999	—
Penerimaan geran daripada Kerajaan	966	501,470	966	501,470
Penerimaan pinjaman daripada insititusi	—	180	—	180
Pembayaran balik pinjaman daripada institusi	(48,485)	(2,906)	(48,485)	(2,906)
Pembayaran balik liabiliti pajakan	(27,831)	(28,798)	(20,862)	(20,999)
Dividen dibayar kepada Kerajaan	(30,000)	(30,000)	(30,000)	(30,000)
Tunai bersih dihasilkan daripada aktiviti pembiayaan	916,818	413,266	874,787	421,065
PENINGKATAN/(PENURUNAN) BERSIH TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI	323,794	(484,894)	173,959	(433,809)
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN	1,502,666	1,987,560	1,202,241	1,636,050
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	1,826,460	1,502,666	1,376,200	1,202,241
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI DIWAKILI OLEH:				
Tunai dan dana jangka pendek	1,826,460	1,502,666	1,376,200	1,202,241

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting dalam penyata kewangan

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

PERUBAHAN LIABILITI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN:

KUMPULAN

	1 Januari 2023 RM'000	Aliran Tunai RM'000	Perubahan Bukan Tunai RM'000	31 Disember 2023 RM'000
Sukuk	754,577	22,169	26,868	803,614
Kewajipan rekursa bagi pembiayaan dijual kepada Cagamas	—	999,999	5,678	1,005,677
Pendapatan tertunda	1,979,086	966	(98,982)	1,881,070
Pinjaman daripada institusi	300,676	(48,485)	2,701	254,892
Liabiliti pajakan	152,394	(27,831)	20,533	145,096
Jumlah liabiliti daripada aktiviti pembiayaan	3,186,733	946,818	(43,202)	4,090,349

	1 Januari 2022 RM'000	Aliran Tunai RM'000	Perubahan Bukan Tunai RM'000	31 Disember 2022 RM'000
Sukuk	754,393	(26,680)	26,864	754,577
Pendapatan tertunda	1,376,183	501,470	101,433	1,979,086
Pinjaman daripada institusi	303,406	(2,726)	(4)	300,676
Liabiliti pajakan	157,548	(28,798)	23,644	152,394
Jumlah liabiliti daripada aktiviti pembiayaan	2,591,530	443,266	151,937	3,186,733

BANK

	1 Januari 2023 RM'000	Aliran Tunai RM'000	Perubahan Bukan Tunai RM'000	31 Disember 2023 RM'000
Sukuk	754,577	(26,831)	26,868	754,614
Kewajipan rekursa bagi pembiayaan dijual kepada Cagamas	—	999,999	5,678	1,005,677
Pendapatan tertunda	1,979,086	966	(98,982)	1,881,070
Pinjaman daripada institusi	300,676	(48,485)	2,701	254,892
Liabiliti pajakan	82,793	(20,862)	17,375	79,306
Jumlah liabiliti daripada aktiviti pembiayaan	3,117,132	904,787	(46,360)	3,975,559

	1 Januari 2022 RM'000	Aliran Tunai RM'000	Perubahan Bukan Tunai RM'000	31 Disember 2022 RM'000
Sukuk	754,393	(26,680)	26,864	754,577
Pendapatan tertunda	1,376,183	501,470	101,433	1,979,086
Pinjaman daripada institusi	303,406	(2,726)	(4)	300,676
Liabiliti pajakan	83,048	(20,999)	20,744	82,793
Jumlah liabiliti daripada aktiviti pembiayaan	2,517,030	451,065	149,037	3,117,132

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA DAN MAKLUMAT AM

Bank Simpanan Nasional ("Bank") ditubuhkan di bawah Akta Bank Simpanan Nasional 1974 dan bermastautin di Malaysia. Pejabat berdaftar Bank adalah di Wisma BSN, 117, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.

Penyata kewangan yang disatukan pada dan bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 terdiri daripada Bank dan subsidiarinya (dirujuk bersama sebagai "Kumpulan" dan secara individu dirujuk sebagai "entiti Kumpulan") dan kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu. Penyata kewangan Bank pada dan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 tidak termasuk entiti-entiti lain.

Aktiviti-aktiviti utama Bank adalah untuk menjalankan fungsi sebuah bank simpanan iaitu menerima deposit dan memberi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan kepada pelanggan termasuk operasi perbankan Islam.

Aktiviti-aktiviti utama subsidiari dan syarikat bersekutu dinyatakan masing-masing di Nota 10 dan 11.

Tiada sebarang perubahan ketara dalam aktiviti-aktiviti utama sepanjang tahun kewangan.

Penyata kewangan ini telah diluluskan dan dibenarkan untuk diterbitkan oleh Lembaga Pengarah pada 14 Mac 2024.

